

## K A N D U N G A N

### PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenankan Akta-akta	(Halaman 1)
Perutusan Daripada Dewan Negara	(Halaman 1)

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 2)
---	-------------

<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARA</b>	(Halaman 14)
--	--------------

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Juruukur Bahan (Pindaan) 2002	(Halaman 15)
Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2002	(Halaman 26)
Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 2002	(Halaman 40)
Rang Undang-undang Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 2002	(Halaman 49)

### USUL-USUL:

Usul Bagi Meminda Susunan Aturan Urusan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 14(2)	(Halaman 39)
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3)	(Halaman 68)

### UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

Perjalanan Tabung Haji Disemak Oleh Firma Akauntan Bertaraf Antarabangsa. – <i>Y.B. Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)</i>	(Halaman 69)
Akujanji Tidak Demokratik dan Tidak Munasabah – <i>Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)</i>	(Halaman 72)



**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

---

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
"	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
"	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, SIMP., PGBK., DPMS., JSM., JBS., KMN., PPB. (Kuala Rajang)
"	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
"	Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
"	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
"	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
"	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
"	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
"	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
"	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
"	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
"	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
"	Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
"	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
"	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
"	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
”	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
”	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
“	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
”	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
“	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
“	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
“	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
“	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
“	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
“	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
“	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
“	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
“	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
“	Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
“	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
“	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)

---

“	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
Yang Berhormat	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
“	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
“	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
“	Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
“	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
”	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
”	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
”	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
“	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
“	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
“	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
“	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
“	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
“	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
“	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
“	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
“	Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
“	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
“	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
“	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
“	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
“	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
“	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
“	Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
“	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
“	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
“	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
“	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
“	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
“	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
“	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
”	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
”	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
”	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
”	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)

"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
Yang Berhormat	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
"	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
"	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
"	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
"	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
"	Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
"	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
"	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
"	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)

- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- Yang Berhormat Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

#### **MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.

---

“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
Yang Berhormat	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
”	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M. Kayveas, P.J.N.
”	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K

**DEWAN RAKYAT  
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**  
Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Selamat  
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**  
Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaiton binti Yaacob  
Ab. Talip bin Hasim  
Noorhazmah binti Hamzah  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Habibunisah Mohd. Azir  
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed  
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah  
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi  
Alias bin Mohd. Nor



**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**Isnin, 17 Jun 2002**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenalkan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2002
2. Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 2002
3. Akta Pendidikan (Pindaan) 2002
4. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2002
5. Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan) 2002
6. Akta Industri Pelancongan (Pindaan) 2002
7. Akta Perbekalan Tambahan (2001 dan 2002) 2002
8. Akta Imigresen (Pindaan) 2002
9. Akta Pilihan Raya (Pindaan) 2002
10. Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membaca perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

**Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat**

“Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. DR. 42/2001 - Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2001
2. DR. 45/2001 - Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 2001
3. DR. 49/2001 - Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) Tahun 2001

4. DR. 47/2001 - Rang Undang-undang Cukai Pendapatan Tahun 2001
5. DR. 41/2001 - Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan) 2001
6. DR. 01/2002 - Rang Undang-undang Industri Pelancongan (Pindaan) 2002
7. DR. 04/2002 - Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001 dan 2002) 2002
8. DR. 06/2002 - Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 2002
9. DR. 05/2002 - Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan) 2002
11. DR. 19/2002 - Rang Undang-undang Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA"

#### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa [Yan]:** Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Peraturan mesyuarat lapan Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat lapan – bahasa rasmi majlis ialah Bahasa Malaysia, saya hendak mendapat penjelasan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti kejap, nanti kejap. Bahasa rasmi Majlis ialah Bahasa Malaysia, tapi kita....

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Soalan yang ada di meja kita ini tidak ada satu pun yang berbahasa Melayu semuanya bahasa Inggeris.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** *Order paper* ini, Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

*[Tuan Yang di-Pertua berbincang dengan Setiausaha]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia kata begini, di dalam peraturan mesyuarat lapan itu ya, bahasa rasmi Majlis ialah Bahasa Malaysia tetapi Yang di-Pertua boleh membenarkan penggunaan Bahasa Inggeris tetapi yang biasanya kita pada hari yang pertama kita menggunakan Bahasa Inggeris dalam peraturan mesyuarat, lazimnya kita buat begitu.

*[Dewan riuh seketika ]*

**Tuan Yang di-Pertua:** [Ketawa] Maafkan saya ya, ya. Pada hari yang pertama mengikut peraturan dalam buku yang telah pun diedarkan, iaitu dalam Bahasa Malaysia. Yang ini adalah juga aturan mesyuarat pada hari pertama. Yang Berhormat Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad.

1. **Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kerajaan mempunyai sekretariat, petugas dan pelan tindakan yang khas lagi komprehensif di dalam usaha merapatkan jurang digital di semua peringkat dan wilayah di Malaysia.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor satu, dengan izin, *question no.1. [Ketawa]*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya peka dengan isu jurang digital dan agensi-agensi yang terlibat dalam usaha-usaha merapatkan jurang digital termasuk Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Penyelarasan usaha-usaha ini dijalankan di peringkat Majlis Teknologi Maklumat Negara dengan izin, NITC yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian terima kasih.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan satu dengan izin, *thrust programme NITC* adalah membekalkan akses, sama ada telekomunikasi atau Internet, secara adil ke kawasan-kawasan luar bandar. Jadi, apakah usaha yang dijalankan oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia untuk menambahkan pembekalan akses telekomunikasi telefon di luar bandar dan juga untuk memberi peluang akses Internet kepada masyarakat luar bandar? Adakah pihak kementerian akan mengambil kira peranan pihak swasta supaya mereka juga turut memainkan peranan membudayakan ICT di kawasan luar bandar? Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan program-program di bawah yang merapatkan jurang digital seperti yang dikatakan tadi kementerian lain-lain dan juga termasuk agensi-agensi yang terlibat di dalam beberapa inisiatif untuk merapatkan jurang digital selain daripada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, EPU dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang saya sebutkan tadi.

Lain-lain kementerian ialah Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi termasuk MIMOS dan Ketengah. Melalui Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia inisiatif utama adalah melalui program perkhidmatan sejagat dengan izin, *universal service provision*.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan peruntukan sebanyak atau sejumlah RM1 billion diluluskan di bawah program ini. Bagi tahun 2002 program ini telah diperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk memberi sumbangan akses Internet ke sekolah-sekolah di luar bandar dan sejumlah 220 buah sekolah telah dikenal pasti di Sabah dan Sarawak untuk peringkat yang pertama dan projek ini melibatkan bekalan perkhidmatan komunikasi melalui satelit, tiga unit komputer dan sebuah telefon awam, inilah boleh dikatakan projek-projek khas yang dijalankan.

Lain-lain inisiatif di bawah kementerian ialah Program Internet Desa dan sehingga ini 14 pusat Internet desa pun telah ditubuhkan dan lebih kurang sebuah di setiap negeri. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan sejumlah RM10 juta telah diperuntukkan untuk menjalankan projek Internet desa ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya di bawah Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) pada 23 April tahun ini telah bersetuju supaya satu rangka kerja (framework) digubalkan bagi mengurangkan jurang digital di kalangan beberapa kumpulan yang telah dikenal pasti.

Misalnya kumpulan seperti ini ialah masyarakat luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak, masyarakat desa, golongan miskin di kota, wanita, belia, warga emas dan golongan kurang upaya dan juga termasuk industri kecil dan sederhana – IKS dan urusetia NITC bersama-sama dengan Unit Perancang Ekonomi telah dipertanggungjawabkan untuk menggubalkan rangka kerja kebangsaan bagi merapatkan jurang digital dengan izin, *abridging the digital divide*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Batang Lupar.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tahniahlah kepada kementerian tetapi pada tahun 2001, RM45 juta dibelanjakan oleh pihak Telekom untuk menghantarkan teknologi ke luar bandar supaya mendapat sambungan iaitu *Internet capable technology*. Mengikut rangka RM45 juta ini kalau dilaksanakan tahun 2019 baru boleh siap, semua di kawasan luar bandar Sarawak dapat signal yang boleh menerima Internet, persoalan saya dengan perancangan yang baru ini bilakah perancangan ini boleh *cover* semua seluruh luar bandar, dapat *Internet capable*, bukan *fixed* telefon sahaja? Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, teknologi yang digunakan adalah tiga iaitu dengan menggunakan V-set menggunakan teknologi *wireless* utamanya *code division multiple access* dan kalau boleh menurunkan talian telefon tetap atau *fixed line*. Melalui program ini diharapkan bahawa semua sekolah khususnya di Sabah dan Sarawak dapat talian komunikasi dan adalah diharapkan bahawa di Rancangan Malaysia Kelapan melalui program USP di mana RM1 billion diperuntukkan, diharapkan bahawa semua sekolah iaitu lebih daripada 2,300 buah sekolah dan agensi-agensi kerajaan dapat talian atau berkomunikasi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor. Kita berharap moga-moga beliau akan segera sembuh.

[Soalan 2 – Dato' Haji Fadzil bin Md. Nor tidak hadir]

**3. Tuan Muhamad bin Mustafa [Peringat]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah dan jenis tabung dana yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk berbagai tujuan dan fungsi bantuan kepada rakyat dan sejauh mana keberkesannya setakat ini; dan
- (b) kenapa maklumat dan penerangan mengenai tabung dan dana-dana tersebut berlegar dan terbatas di kalangan kelompok yang tertentu sahaja tidak sampai secara meluas kepada semua rakyat bawahan terutama yang tinggal di luar bandar.

**Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Peringat bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Padang Serai, yang dijadualkan pada 11 Jun 2002, memandangkan kedua-dua soalan menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar dan objektif kerajaan untuk memastikan bahawa semua rakyatnya, usahawan-usahawan tanpa mengambil kira yang besar ataupun yang kecil, golongan belia atau suri rumah, penduduk bandar ataupun luar bandar yang berkecukupan dan sektor-sektor ekonomi tertentu mempunyai kemudahan kredit dan pinjaman pada kos yang berpatutan.

Menyedari hakikat ini, kerajaan sehingga kini telah menubuhkan sebanyak 47 buah dana dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM15,625 juta ataupun RM15 bilion, 625 milion di bawah pengelolaan pelbagai agensi. Sebagai contoh, bagi usahawan yang menghadapi masalah aliran tunai yang terjejas oleh kegawatan ekonomi, bantuan disediakan di bawah Tabung Pemulihan IKS dan Tabung Pembangunan dan Pemulihan Usahawan.

Bagi membantu golongan peniaga ataupun penjaja kecil pula, dana disalurkan melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) di bawah Yayasan TEKUN dan skim-skim pinjaman di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia. Selain daripada Amanah Ikhtiar Malaysia, kerajaan juga menyediakan tabung dan dana yang lain untuk rakyat miskin di bandar dan luar bandar seperti Skim Pinjaman Kredit Padi, Skim Pembiayaan Ikhtiar Nelayan dan Skim Pembiayaan Ibu Tunggal.

Untuk usahawan belia, sebanyak RM20 juta disediakan bagi membantu golongan belia menjalankan perniagaan. Bagi menggalakkan pelaburan dalam sektor yang diberi keutamaan pula, tabung-tabung khusus seperti Tabung Usahawan Baru (TUB), Tabung Industri Kecil dan Sederhana II (TIKS II), Tabung Untuk Makanan, Tabung Perkapalan dan Tabung Khas Pelancongan telah pun disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa kerajaan telah pun melakukan segala yang perlu dalam menyediakan satu barisan tabung dan dana yang menyeluruh untuk membantu rakyatnya. Sebagai langkah tambahan, kerajaan telah menyediakan bekalan dana yang mencukupi dengan menambahkan peruntukan ke atas tabung yang sedia ada dan menurunkan kadar faedah pinjaman dan pembiayaan.

Sebagai contoh, bagi TUM, TUB dan TIKS II, masing-masing sebanyak 0.5 mata peratusan dan melonggarkan kriteria kelayakan seperti pembiayaan maksimum untuk TIKS II dinaikkan daripada RM1 juta kepada RM3 juta dan pembiayaan boleh digunakan bagi tujuan pengembangan. Meningkatkan lagi peranan *Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad* dengan membolehkan permohonan pinjaman disalurkan terus kepada CGC, menawarkan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 bagi memperbaiki lagi keberkesanan operasi institusi kewangan pembangunan seperti Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia, Bank Simpanan Nasional dan mewujudkan Unit Aduan dan Pengawasan Pinjaman dan Unit Pembangunan Bumiputera di Bank Negara Malaysia.

Manakala institusi perbankan pula, dikehendaki menubuhkan unit aduan untuk mengambil tindakan ke atas rungutan pelanggan dan mengadakan piagam pelanggan berhubung pemberian pinjaman kepada IKS.

Kesemua usaha kerajaan ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak memilih kasih atau memihak kepada mana-mana pihak kerana kerajaan juga memberi perhatian yang secukupnya dan tumpuan kepada usahawan, peniaga atau penjaja kecil dan juga mereka yang di luar bandar. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan bahawa usaha-usaha kerajaan ini sahaja adalah tidak cukup, sungguhpun kerajaan berpuas hati dengan operasi tabung-tabung sedia ada. Kerajaan berharap kecekapannya dapat ditingkatkan lagi. [*Tepuk*] Antara lain, kerajaan mengharapkan kerjasama dan peranan proaktif sektor swasta dalam menjayakan usaha murni ini.

Sebagai contoh, sebahagian daripada 47 buah tabung yang saya sebutkan tadi diuruskan melalui institusi-institusi kewangan termasuklah bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat kewangan, semua bank seperti Bank Islam, Bank Pertanian Malaysia, Bank Industri Malaysia, Bank Pembangunan Infrastruktur Malaysia Berhad dan *Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad*. Kerajaan berharap institusi-institusi ini adalah cekap dalam memproses dan menyalurkan pembiayaan ini kepada pemohon-pemohon.

Malangnya, kita sering menerima aduan-aduan bahawa institusi-institusi ini lambat dalam memproses pinjaman, tidak memberi keutamaan kepada usahawan kecil ataupun menggunakan kriteria penilaian pinjaman sama seperti syarikat ataupun usahawan besar. Sekiranya kriteria yang sama diguna pakai untuk menilai permohonan pinjaman daripada usahawan kecil atau IKS dengan syarikat gergasi, sudah tentu IKS tidak akan berjaya mendapat pembiayaan.

Di sini, saya berharap institusi kewangan akan memainkan peranan sebagai warga korporat yang bukan sahaja mementingkan keuntungan, tetapi melaksanakan tanggungjawab sosialnya dalam menjayakan agenda nasional. Institusi kewangan hendaklah bukan sekadar memberi pinjaman tetapi juga boleh memainkan peranan penting dalam membimbing IKS dari segi menghulurkan bantuan, kepakaran, penguasaan, pengurusan kewangan, teknikal dan khidmat nasihat kepada IKS. Ini adalah selaras dengan konsep *smart partnership*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga sedar bahawa bilangan tabung dan dana sedia ada sebanyak 47 buah adalah terlalu besar dan ia boleh merumitkan pentadbiran dan pengawasannya secara berkesan. Oleh yang demikian, satu pasukan tugas di bawah Unit Perancang Ekonomi telah pun ditubuhkan bagi mengkaji untuk mengabung serta merasionalisasikan semua tabung yang sedia ada bagi memudahkan pemantauan dan mengurangkan kekeliruan di kalangan peminjam serta memudahkan usahawan membuat rujukan untuk mendapatkan pinjaman. Kerajaan akan meneliti perakuan pasukan petugas apabila kajiannya disiapkan kelak dan mengambil tindakan-

tindakan sewajarnya supaya rakyat jelata dapat terus menikmati kemudahan kredit pada kos yang berpatutan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peringat.

**Tuan Muhamad bin Mustafa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan. Soalan tambahan:-

- (i) berapa banyakkah daripada dana-dana tersebut yang digunakan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat yang bermasalah seperti Perwaja, MAS, Renong, LRT, Konsortium Perkapalan dan anak-anak syarikat *SEDC* dan lain-lain.
- (ii) sejauh mana keberkesanan dana-dana tersebut dalam membantu IKS berbanding dengan negara Korea sebagai contoh, negara yang dilawati oleh Yang Amat Berhormat baru-baru ini, selaras dengan 'Dasar Pandang ke Timur'. Terima kasih

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah menubuhkan tiga badan untuk menyelesaikan masalah syarikat-syarikat besar yang tertekan kerana merosotnya ekonomi. Kita telah menubuhkan Danaharta, Danamodal dan juga CDRC supaya masalah mereka dapat diselesaikan. Satu daripada cara menyelesaikan masalah mereka ialah dengan menangani masalah hutang tidak berbayar oleh mereka. Ini, dapat diselesaikan dengan pengurangan hutang yang diberi oleh apa yang dipanggil sebagai *haircut*, potong rambut oleh bank-bank supaya kalau diberi pinjam RM1 juta, dia sanggup kurangkan kepada RM700,000 dan sebagainya.

Tetapi, janganlah ada Ahli-ahli Yang Berhormat berharap demikian. Ini, telah dapat menyelesaikan kebanyakan daripada masalah syarikat-syarikat besar ini tanpa menggunakan wang daripada dana-dana yang saya sebutkan tadi. Tidak banyak wang daripada dana-dana ini yang telah digunakan. Sebab itu, kita masih ada sebanyak RM15 bilion dan kita mampu menyelesaikan masalah. Kalau mereka memberi kerjasama dan menjalankan pengurusan mereka dengan baik dan menerima cara-cara yang ditentukan oleh Danaharta umpamanya.

Berkenaan dengan perbandingan antara IKS Malaysia dengan Korea ini, agak begitu jauh berbeza. Ini kerana, ekonomi Korea adalah jauh lebih besar dan mereka, walaupun menghadapi masalah, tetapi kebanyakan daripada IKS mereka mempunyai pengurusan yang cekap dan apabila diberi sedikit bantuan daripada kerajaan, mereka dapat menyelesaikan masalah mereka. Tetapi, di sini banyak juga bantuan yang diberi tetapi oleh kerana pengurusan tidak begitu cekap, maka mereka tidak dapat dipulihkan. Saya tidak dapat membuat perbandingan secara langsung tetapi kalau Ahli Yang Berhormat boleh dapat angka daripada Korea, saya akan buat perkiraan untuk Malaysia.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari Renong, saya dari Terengganu, lain renung dia pula pada hari ini. Tadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada memaklumkan pada Dewan yang mulia ini iaitu Kerajaan Federal membelanjakan RM15 bilion, 47 buah tabung, tetapi, saya hendak bertanya, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpuas hati dengan peranan kerajaan-kerajaan negeri terutamanya daripada Terengganu dan Kelantan yang selalu kata membela rakyat siang dan malam tetapi bagaimana usaha hendak membela, membangunkan rakyat luar bandar ini? [Disampuk] Saya minta pandangan Yang Amat Berhormat. Kadang-kadang, kerajaan Terengganu ini Yang Berhormat, depa cagak sahaja.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, ada juga kerajaan-kerajaan negeri yang amat berjaya untuk menolong IKS ini. Tetapi, kalau disebut kerajaan Terengganu dengan Kelantan ini, saya tidak taulah. Tetapi, yang saya tahu pembangunan di negeri Terengganu dan Kelantan ini amat tertinggal sama sekali.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** Terengganu 40 tahun UMNO perintah.

**Perdana Menteri:** [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Hulu Terengganu.

**Perdana Menteri:** Terengganu dahulu cukup maju, ada macam-macam tetapi sekarang ini.....

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

**Perdana Menteri:** .....sudah teruk dah. Rosak habis.

*[Dewan gamat seketika]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Seorang Ahli:** Campak ke laut. Ingkar perintah, Terengganu.

**Perdana Menteri:** Bila cari.....

**Seorang Ahli:** 4.4 peratus. *[Dewan gamat seketika]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat..... hmmm.....

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** 40 tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

**Perdana Menteri:** Tidak apa Tuan Yang di-Pertua. Saya terima ini semua pasal dia takut hendak dengar kenyataan. *[Tepuk] [Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Dungun.

**Dato' Mustafa bin Ali:** Saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri Kewangan dan juga sekali gus Perdana Menteri tentang daripada 47 tabung dana yang ditubuhkan oleh kerajaan sama ada Wang Ehsan termasuk salah satu daripada 47 yang disebut itu ataupun termasuk dalam satu kategori lain dan kalau ianya termasuk dalam satu kategori lain, saya mahu mendapat penjelasan sama ada tabung yang 47 itu dibiayai daripada Kumpulan Wang Disatukan, sementara Wang Ehsan ini dibiayai oleh satu sumber lain, dan jika ianya daripada sumber-sumber lain, saya hendak mendapat penjelasan, apakah sumber yang membiayai Wang Ehsan ini dan setakat ini berapa banyak yang terkumpul dalam Tabung Wang Ehsan ini dan sejauh mana keberkesanan yang telah dijalankan melalui tabung ini. Terima kasih.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai beberapa syarikat tertentu dan syarikat-syarikat ini yang mana dimiliki kadang-kadang seratus peratus oleh kerajaan, maka keuntungan syarikat ini mestilah diserahkan sebahagian kepada kerajaan dan apabila diserahkan kepada kerajaan maka kerajaan berhak membelanjakan sedikit keuntungan ini untuk apa-apa maksud sekalipun.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat atas saranan kepada bank-bank supaya mempercepat proses pengeluaran pinjaman. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat, daripada 47 tabung itu, berapakah tabung yang dikhaskan untuk usahawan-usahawan yang baru ingin menceburkan diri dalam perniagaan kerana apabila membuat pinjaman, yang ditekankan ialah pengalaman dan juga pengalaman syarikat dan pengalaman kerja. Jadi, peluang kepada orang baru khususnya usahawan baru ataupun siswazah yang baru menceburkan diri dalam perniagaan susah untuk mendapat pinjaman kerana pengalaman, *like chicken and egg*, Yang Amat Berhormat Dato Seri. Jadi, apakah kerajaan bercadang memperbanyakkan kerana untuk membangun usahawan ini ataupun memberi pinjaman sebagai merangsang kepada wujudnya usahawan baru. Terima kasih.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, memang pun ada usahawan baru, walaupun dalam bidang perusahaan dia baru tetapi dia sepatutnya mempunyai sedikit pengalaman. Kalau keluar daripada universiti tiba-tiba hendak berniaga dengan tidak ada satu sen modal pun, saya percaya bank mana pun tidak bagi pinjam. Yalah kadang-kadang soal *chicken and egg* ini akan timbul tetapi carilah *chicken* dahulu sebelum ada *egg* kerana kalau kita sanggup, mula-mula kerja dahulu dengan orang, belajar tentang pengurusan. Jadi seorang pengurus kecil dalam syarikat-syarikat, dapat makan gaji sedikit, simpan sedikit gaji. Selepas itu kita keluar, bila ditanya "Apakah awak mempunyai pengalaman?" Jawabnya "Saya telah lima tahun, 10 tahun,

15 tahun bekerja" dengan Sime Darbykah, dengan Guthriekah. "Dalam bidang apa?" "Dalam bidang pengurusan". Jadi, yakinlah sikit pihak bank.

Saya fikir Ahli Yang Berhormat kalau diminta pinjam oleh orang yang semacam ini, Ahli Yang Berhormat pun kata, "Sorrylah". Saya pun biasa macam ini orang minta pinjaman. Saya kata "hendak bagi banyak-banyak tak boleh, ini RM200, you ambil pakai, halallah." [Ketawa] Itu cara boleh.

4. **Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (i) apakah hasil pertemuan dengan Presiden Amerika Syarikat di dalam memperbetulkan salah tanggapan dunia Barat terhadap Islam dan keganasan; dan
- (ii) apakah strategi kerajaan di dalam membantu mencari penyelesaian masalah di Tebing Barat yang dikatakan menjadi punca kepada peningkatan aktiviti keganasan dunia.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Sibu, Sepang dan Kuala Terengganu pada 17 Jun 2002, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Sipitang, Bukit Bintang dan Kepong pada 18 Jun 2002, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, Parit Sulong dan Pendang pada 19 Jun 2002, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Silam dan Sandakan pada 20 Jun 2002, Yang Berhormat bagi Beluran pada 24 Jun 2002, Yang Berhormat bagi Baram pada 25 Jun 2002 serta Yang Berhormat bagi Silam dan Dungun pada 27 Jun 2002.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, lawatan kerja saya ke Amerika Syarikat dari 13 hingga 16 Mei 2002 telah memberi kesempatan kepada saya untuk menjelaskan pendirian Malaysia bagi memperbetulkan salah tanggapan dunia Barat terhadap Islam dan keganasan. Pandangan dan pendirian Malaysia mengenai Islam dan keganasan termasuk punca-punca yang membawa kepada keganasan telah saya sampaikan dengan jelas dan disambut baik oleh Presiden Bush, anggota-anggota pentadbiran lain serta ahli-ahli Kongres Amerika Syarikat [Tepuk] ... yang saya sempat temui.

Perspektif Malaysia mengenai Islam, keganasan dan Timur Tengah juga telah saya jelaskan semasa ucap tamsil di majlis makan malam anjuran *US Asian Business Council*. Saya juga telah menekankan bahawa keganasan tidak sepatutnya dikaitkan dengan Islam atau negara-negara Islam sahaja kerana kebenaran ialah penganut agama lain juga terlibat dengan keganasan tetapi keganasan mereka tidak dikaitkan dengan agama mereka. Saya telah menjelaskan bahawa keganasan di Palestin disebabkan wilayah orang Palestin dirampas untuk mendirikan Israel dan juga kerana Israel melanggar dan menduduki wilayah Palestin secara haram. Yang menentang Israel bukanlah orang Islam semata-mata tetapi juga orang Arab Kristian.

Namun demikian, penindasan ke atas orang Palestin yang majoriti beragama Islam menyebabkan orang Islam lain berasa marah. Keganasan Israel ke atas rakyat Palestin menyebabkan mereka membalas dengan serangan berani mati kerana tidak ada jalan lain bagi mereka. Jika keganasan hendak dihentikan, maka sebab-sebab keganasan berlaku mestilah dihapuskan. Oleh itu, masalah Palestin mestilah diselesaikan secara adil dan saksama. Presiden Bush dan anggota kerajaannya tidak menolak pandangan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia prihatin terhadap nasib rakyat Palestin dan mengutuk sekeras-kerasnya segala keganasan yang dilakukan oleh rejim Israel terhadap rakyat Palestin di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza yang jelas melanggar hak-hak asasi manusia dan undang-undang antarabangsa.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia menyokong sepenuhnya pelaksanaan menyeluruh resolusi-resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang meminta agar Israel keluar dari wilayah Palestin dan keseluruhan Tanah Arab ditakluki semasa perang 1967. Malaysia akan terus menggesa Israel supaya mematuhi ketetapan

Resolusi 242/1967, 338/1973 dan 425/1978 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berdasarkan prinsip penyerahan wilayah untuk perdamaian bagi menubuhkan negara Palestin yang merdeka dengan Baitulmuqaddis sebagai ibu negara serta menyelesaikan masalah pelarian.

Kaedah ketenteraan yang didukung oleh Israel tidak akan memberikan apa-apa manfaat dalam penyelesaian konflik di rantau itu dan juga ke arah pencapaian rundingan damai. Malaysia akan terus menyeru masyarakat antarabangsa supaya menggesa pihak Israel untuk memberhentikan semua aktiviti ketenteraan dan berundur sepenuhnya daripada kawasan Palestin yang diduduki dan mematuhi semua keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terutamanya resolusi yang terkini iaitu 1322/2000, 1397/2002, 1402/2002, 1403/2002 dan 1405/2002.

Malaysia yakin bahawa permasalahan di Tebing Barat perlu diselesaikan melalui rundingan. Bagi menghentikan peperangan dan kezaliman Israel ke atas rakyat Palestin, Malaysia telah menggesa supaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menghantar pasukan keselamatan antarabangsa untuk meleraikan kedua-dua pihak. Di samping itu, Malaysia menyokong cadangan damai yang diketengahkan oleh Putera Abdullah daripada Arab Saudi bagi menamatkan konflik di rantau tersebut.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas jawapan begitu jelas tentang tujuan hasil lawatan dan strategi kerajaan dalam mengatasi masalah di Tebing Barat. Mungkin tidak ramai di kalangan rakyat Malaysia yang menyedari hakikat bahawa masalah keganasan dan kekejaman rejim Israel terhadap Palestin melibatkan bukan sahaja umat Islam tetapi juga penganut-penganut agama Kristian. Ini kerana rejim Israel juga bertindak garang dan kejam dengan mencero bohi bumi Palestin, mengadakan *stand-off*, dengan izin, di sekeliling gereja, Church of Nativity selama sebulan.

Ini menunjukkan bahawa rejim Yahudi tidak mempedulikan soal agama di dalam hal ini. Maka dengan itu tidak hairanlah sekiranya pemimpin serta penganut agama Kristian juga mengambil berat atas perkembangan terbaru Palestin kerana penindasan yang serupa juga berlaku kepada saudara seagama mereka.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas undangan pemimpin besar agama Kristian, Pope John Paul untuk mengadakan pertemuan serampang dua mata di Vatican City. Saya minta ulasan daripada Yang Amat Berhormat tentang hasil dialog tersebut sama ada Pope John Paul ada menyentuh isu-isu usaha memerangi keganasan dan Palestin sewaktu pertemuan tersebut.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kita sanggup membuat apa sahaja untuk menolong rakyat Palestin. Hanya yang kita tidak sanggup ialah bekerjasama dengan syaitan. *[Ketawa]* Sebab itu apabila kita diundang oleh Pope Paul, kita berpendapat bahawa oleh kerana Pope Paul menjadi ketua kepada hampir satu bilion penganut agama Katolik, kita sanggup berjumpa dengan Pope Paul untuk menjelaskan pendirian kita dan ini dapat saya buat kepada Pope Paul dan juga kepada Perdana Menteri iaitu ahli-ahli kabinetnya.

Oleh kerana Pope Paul kurang sihat, saya tidak ada perbincangan, saya cuma menjelaskan pendirian Malaysia dan dia begitu berminat dengan keadaan di Malaysia dan wilayah ini dan bertanya macam-macam soalan berkenaan dengan keadaan di sini dalam bahasa Inggeris kerana dia fasih dalam bahasa Inggeris dan saya juga boleh bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris. *[Ketawa]*

Kalau tidak, saya kena ada jurubahasalah, jurubahasa ini kadang-kadang dia *translate* pun kita tidak tahu apa dia kata, jadi nampak mereka memang mempunyai pendirian, tidak senang dengan cara-cara Israel ini. Dan mereka memberi sokongan kepada desakan kita supaya yang pertamanya, diadakan rundingan damai dan mengadakan Pasukan Keselamatan PBB di Palestin untuk memisahkan kedua-dua pihak, ini mereka memberi pendirian yang sama dengan kita.

Saya juga sempat untuk menjelaskan, bahawa soalnya bukan permusuhan antara orang Islam dengan orang Yahudi, di zaman dahulu apabila orang Yahudi ditekan oleh orang-orang Eropah, mereka biasanya melarikan untuk menyelamatkan diri ke negara-negara Islam seperti Morocco, Algeria dan lain-lain.

Ini menunjukkan bahawa tidak ada permusuhan yang berterusan antara orang Islam dengan orang Yahudi, yang menjadi masalah di Palestin ialah kerana untuk menyelesaikan masalah mereka orang-orang Eropah ini mereka mengambil wilayah orang Palestin dan menghadiahkannya kepada orang Israel, orang Yahudi untuk dijadikan Israel.

Jadi saya kata, ini adalah *territorial*, soal *territorial claim*, siapa juga yang tanahnya dirampas untuk diberi kepada orang lain, tetap akan berusaha untuk mendapat balik tanah mereka. Ini yang menyebabkan permusuhan antara orang Palestin dengan orang Israel, tetapi oleh kerana orang Palestin majoriti daripadanya adalah orang Islam, sudah tentulah dunia Islam merasa simpati kepada rakyat Palestine.

Saya berpuas hati dengan penjelasan ini kerana dapat diterima bukan sahaja oleh Vatican tetapi juga di mana-mana yang saya jelaskan perkara ini. Mereka mengakui bahawa ini adalah permusuhan berkenaan dengan rampasan *territory*, rampasan tanah, bila diambil tanah orang Palestin dijadikan Israel, maka orang Palestin yang dikeluarkan daripada wilayah itu tetap akan cuba mendapatkan balik tanah mereka. Inilah asas peperangan yang sedang berlaku sekarang.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, assalamualaikum. Yang penting adalah perubahan sikap dan dasar Amerika terhadap isu yang diperkatakan, sehingga hari ini tidak menunjukkan perubahan sikap daripada Israel sendiri. Apa yang berlaku ialah lebih agresif, bahkan Amerika telah menjangkau dalam isu Kashmir sehingga tidak mempedulikan rakyat Kashmir untuk menentukan nasib mereka sendiri.

Apakah tekanan yang dilakukan oleh Amerika terhadap Yang Amat Berhormat ataupun terhadap Malaysia secara khusus oleh kerana sering kali dikatakan setiap pemimpin yang masuk ke dalam White House akan berubah warna bila keluar, apakah ini tekanan yang dilakukan. Terima kasih.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sila lihat, tidak ada warna yang ..... [Tepuk][Ketawa] tidak berubah pun. Kalau saya pergi Terengganu pun, saya tidak jadi orang PAS. [Ketawa]

Saya konsisten daripada semasa dalam sekolah yang mana Tuan Yang di-Pertua pun tahu, daripada masa dalam sekolah macam itu, sampailah hari ini pun macam itu. Jadi, tidak berubah. Tidak usah khuatirlah. [Tepuk] Ini Dr. Mahathir still.

Berkenaan dengan pendirian Amerika Syarikat ini, kita harus ingat ini adalah sebuah negara demokratik. Dan dalam negara demokratik, apa sahaja akan dibuat oleh orang yang berminat untuk mendapat kerusi, macam di Malaysia juga, kalau terpaksa salah guna agama pun, asalkan dapat kerusi, akan disalah guna. [Tepuk][Ketawa]

Sebab itu, di Amerika Syarikat, mereka melihat tentang kuasa mengundi yang ada di sana, siapa yang lebih berkesan dan didapati di sana. Yang lebih berkesan ialah puak Yahudi yang jadi rakyat Amerika Syarikat. Ada juga orang Islam lebih ramai daripada Yahudi, tetapi orang Islam seperti biasa dihasut oleh orang tertentu supaya berpecah belah.

Jadi, walaupun ada ramai orang Islam, dia terbahagi kepada orang Pakistan, orang Bangladesh, orang India, orang Arab, macam-macam orang, masing-masing ada pertubuhan masing-masing. Ada dekat 1,000 pertubuhan dan tidak ada kata sepakat. Sebaliknya puak Yahudi ini, dia ada kata sepakat, jadi kalau sesiapa yang membuat sesuatu yang dianggap oleh orang Yahudi sebagai merugikan mereka, mereka tidak akan undi dan orang itu akan kalah.

Sebab itu, bila Presiden Bush ini, dia pun berhati-hati jugalah, dia hendak menang, macam sesetengah orang, dia salah gunakan agama fasal dia hendak menang. [Ketawa] Kata Tuhan mencarut pun boleh, Tuhan samseng pun boleh kata, semua, asalkan menang pilihan raya, agama tidak penting.

Jadi, orang lain pun macam itu jugalah, jadi janganlah kita mengata kepada orang, tengok diri sendiri dahulu. [Tepuk]

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dalam lawatan ke Amerika

baru-baru ini, Yang Amat Berhormat telah berjaya mendefinisikan semula Islam dalam makna yang sebenarnya dan kita nampak peranan Dato' Seri sebagai da'i, pendakwah untuk menyatakan keadaan Islam yang sebenarnya.

Adakah pada pandangan Dato' Seri, apa yang dilakukan oleh Malaysia, yang dilakukan oleh Dato' Seri sendiri, difahami oleh negara-negara Islam yang lain, adakah PAS tidak faham tentang perkara ini, adakah PAS masih menganggap apa yang Dato' Seri lakukan sebagai lakonan semata-mata?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, banyak negara asing, negara bukan Islam yang menganggap Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang *moderate*, sederhana. Saya terpaksa menjelaskan kepada mereka bahawa kita bukan moderate, kita adalah sebuah negara Islam *fundamentalist*.

Bila kita kata macam itu, maka mereka terkejut kerana bagi mereka *fundamentalist* adalah orang yang ganas, yang membuat macam-macam yang tidak baik, bagi saya tidak. Kalau kita berpegang kepada *fundamentals of Islam*, asas-asas Islam kita tidak boleh jadi buruk. Islam menyuruh kita berbaik-baik, menyuruh kita bersaudara, kita bersatu padu, kita membuat benda yang baik belaka. Jadi tidak salah kalau jadi muslim *fundamentalist* dan ini telah saya sebut dekat 15 tahun yang lalu, dan dilaporkan juga dalam surat khabar Amerika bahawa Perdana Menteri Malaysia ini adalah seorang *fundamentalist*.

Saya tidak malu hendak jadi *fundamentalist*, "*I am a fundamentalist*". Dan dasar yang diikuti oleh Malaysia ialah *fundamental* Islam. Mematuhi ajaran Islam yang menjadi asas kepada kita, bukan tafsiran-tafsiran yang dibuat oleh *political* ulama seumpamanya.

Jadi, inilah definisi yang saya sampaikan. Dan mereka walaupun terkejut, akhirnya bila diterangkan apa dianya asas Islam, mereka bersetuju berkata, bahawa menggunakan perkataan *fundamentalist* itu adalah tidak tepat. Jadi, kita akan terus dengan menjelaskan bahawa asas-asas Islam memang baik dan sesiapa yang mengikut asas Islam akan menjadi orang yang baik, orang yang berjaya. Inilah hasrat kita di Malaysia dan saya berasa amat gembira kerana dapat membuat penjelasan ini kepada ramai daripada pemimpin-pemimpin negara-negara bukan Islam yang memang pun kurang faham tentang Islam.

Alhamdulillah oleh kerana peristiwa 11 September itu, sekarang ini ramai daripada mereka berminat untuk mengetahui dengan secara lebih mendalam berkenaan dengan Islam dan amat penting sekali, kita jelaskan kepada mereka bahawa tidak ada yang salah dalam *Islamic fundamentals* dan jangan mereka menganggap orang yang baik ini adalah *moderate muslims*, orang yang baik adalah orang yang berpegang kepada ajaran Islam yang sebenarnya. [Tepuk]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang tertarik dengan penjelasan daripada Yang Amat Berhormat. Kita pun rasa gembira juga kalau Yang Amat Berhormat dapat menemui dengan Presiden Bush dan juga dengan Pope Paul II, ini memang satu perkara yang baik.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, mesti ada tetapi, Yang Amat Berhormat sendiri bukan mengakui dia orang yang kamil, ....

**Beberapa Ahli:** Kamil?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tadi dia kata, dia percaya ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila, sila teruskan pertanyaan ya.

**Beberapa Ahli:** Apa dia soalan!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang banyak soalan, jangan kacau sangatlah. Kalau pegang kepada *fundamentals* agama, kita tidak kacau. [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila Kepong, sila teruskan ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbincangan dengan Pope Paul dan juga dengan Presiden Bush, apakah pendapat mereka ataupun dengan Yang Amat Berhormat perbezaan antara *Islamic state* dengan *Islamic country*, *Islamic nation*, apakah perbezaan?

Dan yang keduanya, saya pun tertarik dengan perbincangan mengenai Palestine, kita tahu perbuatan Israel di situ tidak baik, tetapi apakah cadangan Yang Amat Berhormat mengenai cara untuk menyelesaikannya, memandangkan resolusi PBB sering kali diabaikan, ditolak sama sekali termasuk baru-baru ini pencerobohan Israel dan kemudian PBB sudah pun mencadangkan satu pasukan petugas untuk menyasat, tetapi ditolak sama sekali dan tidak dilaksanakan, apakah cadangan untuk mengatasi hal seperti ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, soal *Islamic state, Islamic nation* ini bezanya, itu tidak penting, yang penting ialah dunia mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam. [Tepuk] Dan saya dijemput oleh Pope Paul kerana saya dianggap sebagai pemimpin negara Islam. [Tepuk]

Jadi, kalau DAP tidak mahu menerima tidak apalah, tidak terima tidak apa, *we don't care*, yang penting ialah dunia terima termasuk Pope Paul pun dia terima.

Saya tidak akan dijemput jika saya tidak menjadi pemimpin Islam dalam sebuah negara Islam, *so the whole world recognizes*, yang Islam pun *recognizes*, yang bukan Islam pun *recognizes* Malaysia sebagai negara Islam.

Tetapi sebagai negara Islam, tidak bermakna bahawa orang bukan Islam akan ditindas, kalau kita ikut kepada dasar pemerintahan Islam, orang bukan Islam mempunyai tempat dan apakah buktinya oleh kerana saya membuat pengumuman bahawa Malaysia adalah negara Islam, apakah buktinya yang DAP berasa tertindas, selama ini pun kita tidak ada ubah Perlembagaan, selama ini pun macam itu.

Orang panggil Malaysia sebagai negara Islam, bukanlah hari ini, bukan pada hari yang saya buat pengumuman, sebelum daripada itu, kita diiktiraf sebagai sebuah negara Islam, yang bukan sahaja sebuah negara Islam tetapi yang menjadi contoh kepada negara Islam yang lain. [Tepuk] Jadi, kalau DAP sudah tidak ada modal lagi, tidak usahlah bangkitkan perkara ini, tidak ada manfaat sama sekali.

Berkenaan dengan cara kita hendak selesaikan masalah ini, ini saya telah mengemukakan kepada mereka, *you must be even-handed*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya kadang-kadang bercakap bahasa orang putih, [Ketawa] *you must be even-handed*, jangan makan sebelah, ini nampak jelas mirip kepada Israel.

Saya bercakap kepada pemimpin daripada Eropah, mereka kata yalah, mereka tidak bersetuju dengan cara ini, tetapi ini kuasa besar, dia hendak buat, kita tidak boleh hendak buat apa. Jadi, tidak ada *morale encourage* juga mereka untuk membuat sesuatu sedangkan mereka tahu ini tidak baik. Sepatutnya mereka *even-handed*, adil kepada kedua-dua pihak, kita tidak kata mesti memihak kepada Palestin – tidak, kita suruh beri, kalau Israel buat benda yang jahat, kita kata itu jahat, kalau orang Palestin buat jahat, itu jahat.

Tetapi kita kena beri pertimbangan secara saksama. Kalau kita buat macam itu dan kita hapuskan sebab-sebab yang orang Islam ini mengganas, insya-Allah, saya fikir keganasan akan kalau tidak hapus sama sekalipun akan berkurangan, kerana kita harus ingat ada orang lain, bukan orang Islam yang juga mengganas dan mereka mempunyai sebab mengapa mereka mengganas. Itu soal pembetulan perkara itu, tetapi berkenaan dengan soal Palestine ini, untuk menyelesaikannya kita mestilah timbang secara saksama dan kita hapuskan sebab-sebab kenapa mereka mengganas.

Malangnya kita dapati Bangsa-Bangsa Bersatu, kata Mat Saleh mempunyai *feet of clay*, kaki dia buat dengan, orang Kedah kata '*lanyau*', gunakan selut, tidak ada pendirian. Apabila hendak hantar pasukan ke Jenin untuk melihat sama ada Israel mengganas di Jenin ataupun tidak, Israel menentang dan kata PBB, kawan saya, Kofi Annan, dia kata, dia tidak bagilah. Dia tidak bagi pergi, tidak boleh pergilah. Ini apa makna, apa makna Bangsa-Bangsa Bersatu, ha? Kutip duit banyak? [Tepuk] buat mesyuarat setiap tahun, buat pidato berapi-api, tetapi yang ini tidak boleh selesai.

Ini yang menjadi masalah sekarang ini kerana *this is a giant with clay feet*. Dia nampak besar tetapi tidak ada keupayaan sama sekali dan semuanya bergantung kepada kuasa besar. Balik tanya, kalau dia bagi, kita buatlah, kalau dia tidak bagi, tidak buatlah. *There is no justice*, tidak ada keadilan sekarang ini dalam dunia, yang ada ialah *might is right*, siapa yang kuat dia berkuasa. [Disampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Cukup. Yang Berhormat. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya patriotik mempertahankan Bahasa Melayu, saya mengemukakan soalan dalam Bahasa Melayu, tidak seperti Menteri Pendidikan yang tidak mempunyai pendirian dalam mempertahankan Bahasa Melayu. [*Dewan riuh*]. Jadi soalan saya adalah soalan No. 5. [*Tepuk*].

5. **Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]** minta Menteri Pertahanan menyatakan sejauh manakah kebenaran bahawa Malaysia telah bersetuju membeli 3 kapal selam buatan Perancis bernilai lebih US\$1 bilion dan senaraikan kontraktor yang mengendalikan pembelian ini.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun dalam Bahasa Melayu hendak jawab ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia telah pun menandatangani kontrak pembelian dua buah kapal selam 'Scorpio' buatan Perancis pada 5 Jun 2002, kontrak pembelian ini bernilai RM3,416 juta. Senarai kontraktor yang terlibat dalam pembelian ini adalah DCN International (France), Iza Construction SA (Spain) dan Primika Sdn. Berhad (Malaysia).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kuala Terengganu.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, pada tahun ini sahaja Kerajaan Malaysia telah membelanjakan lebih daripada RM7.8 bilion untuk pertahanan di negara kita. Terlalu banyak projek yang diberikan dan dikemukakan dalam memberikan ataupun meningkatkan pertahanan di negara kita.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang projek yang spesifik ini, tentang penglibatan beberapa individu. Yang pertamanya, seorang yang bernama Abdul Razak Baginda. Yang keduanya, seorang yang bernama Lim Chee Kiat daripada Trydec Singapore yang juga mempunyai hubungan rapat dengan seorang yang bernama David Yeoh daripada Syarikat Maju Ria yang merupakan *local agent* kepada program *Air Defence System Jernas*. David Yeoh ini sedang melobi projek Oil Lecon *gun project* yang bernilai lebih dari RM1.4 bilion.

Jadi ini telah menimbulkan persoalan-persoalan kerana projek *submarine* ini juga dalam tender yang dikeluarkan ada daripada Germany, ada daripada Holland dan ada daripada Belgium. Saya ini mendapat penjelasan, apakah tender yang diberikan kepada syarikat ini merupakan tender yang tertinggi dari segi harganya dan juga apakah benar pemilihan ini yang dilakukan ini, dilakukan dalam keadaan yang transparansi. Terima kasih.

**Datuk Mohd Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, rancangan untuk membeli kapal selam ini, sudah kita rancang lebih awal, pada awal tahun 80-an lagi. Alhamdulillah oleh kerana keadaan pada ketika itu berbeza pada hari ini, waktu itu banyak faktor yang telah menjejaskan sehingga kita terpaksa menangguhkan, di antaranya ketegangan ekonomi.

Dalam keadaan pada hari ini, amat menggalakkan sekali ditokok tambah oleh kerana suasana di mana memerlukan agar pertahanan negara ini dapat kita pertingkatkan dan memastikan agar negara ini sentiasa dalam keadaan aman dan saya agak bimbang sekali bila Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu ini mempersoalkan tentang beberapa individu, yang saya pun tidak tahu. Saya sudah sebut tadi, tiga kontraktor di situ iaitu DCN dari France, yang satu lagi Iza dari Spain dan yang satu lagi dari Primika dan nama yang disebut tidak ada langsung hubung kait dalam ini.

Saya rasa ini ada satu sangkaan jahat. Apa yang penting kepada kita ialah peralatan yang kita amat diperlukan untuk mempertahankan negara ini sudah pun ada dan sudah pun ditandatangani pada 5 Jun yang lalu. Keadaan ini sudah pasti dengan adanya kelak sistem ini akan dapat membantu kita dan sistem yang kita miliki adalah satu kapal selam yang cukup baik ya, kalau dibandingkan dengan kapal-kapal selam yang lain.

Dan syarikat yang saya sebutkan tadi, pemilik sebahagian (*substantial shareholder*), dengan izin, hendak cakap bahasa '*Orang Putih*' juga, *substantial*

*shareholder* ialah LTAT dan Boston dalam Primika Sdn. Bhd., dan sedikit sebanyak ini membantu bekas anak-anak tentera dan juga bekas-bekas tentera yang terlibat.

Ada seorang tokoh yang terlibat iaitu bekas Timbalan 'Navy Chief', iaitu Dato' Hussein Tamby, juga terlibat dalam Primika Sdn. Berhad ini. Yang saya kesal kadang-kadang ini sangkaan jahat, menimbulkan perkara *base on Internet*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dia *speculate* macam-macam, tetapi ia tidak sedar, apa yang penting dengan adanya kapal selam ini.

Besok bukan hanya kita boleh gunakan untuk hendak buat *surveillance intelligence gathering information*, besok mungkin di kawasan saya juga perlukan, kalau ada Abu Sayyaf dia akan nampak ya, bot-bot yang kecil tenggelam bawah tanah, lepas itu kita boleh tangkap dia ataupun kita boleh tembak dia daripada ruang bawah laut itu.

Saya yakin bahawa usaha pihak kementerian yang telah memutuskan untuk membeli kapal selam ini dengan kadar seperti yang saya sebutkan dan kelebihan dia daripada perolehan ini ialah *payment*. Kita *stress on the payment* sehingga tujuh tahun, dan dia juga melibatkan contohnya daripada 50% daripada nilai harga kapal selam ini tertakluk daripada pembelian timbal, *counter trade* dan *offset*, contohnya latihan dan pelaburan dan pemindahan teknologi. Sebahagian besar 50% daripada pembelian ini dimanfaatkan besar oleh anak-anak kita dan negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk pertanyaan-pertanyaan selesai.

**[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]**

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIAN MENGIKUT BILANGAN ORANG 2002**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda peruntukan Bahagian 1 Jadual Kesepuluh kepada Perlembagaan Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2002) 2002**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2002 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG JURUUKUR BAHAN (PINDAAN) 2002****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

11.09 pagi.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Juruukur Bahan (Pindaan) 2002 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Juruukur Bahan (Pindaan) 2002 yang dibentangkan ini adalah bertujuan untuk memperkemas peruntukan-peruntukan yang ada bagi membolehkan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia menjalankan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan. Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah selaras dengan kehendak dan perkembangan semasa bagi profesion seni bina dalam menghadapi cabaran masa kini.

Beberapa seksyen baru diwujudkan bagi meliputi perkara-perkara penting demi kepentingan profesion seni bina dan kepentingan awam. Ciri-ciri utama dalam pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Seksyen 3(2), pindaan kepada bilangan ahli wakil badan berkanun atau pihak berkuasa;

Seksyen 4, tambahan fungsi Lembaga dalam melaksanakan kuasanya, pemegang amanah, harta *stakeholder*, dengan izin, dalam -

- (i) kontrak perkhidmatan ukur bahan;
- (ii) mengawal dan mengakreditasikan kelulusan ukur bahan;
- (iii) menginstitusikan sistem pembangunan profesional berterusan, dengan izin, *continuous professional development* bagi memastikan amalan ukur bahan yang terbaik.

Seksyen 5, Tuan Yang di-Pertua, daftar Juruukur Bahan diluluskan dari tiga bahagian kepada empat bahagian iaitu bahagian (a) hingga (d).

Seksyen 6, kuasa Lembaga diperluaskan termasuk menggantung selain dari mendaftar dan membatalkan pendaftaran.

Seksyen 7B, perubahan besar dalam pindaan ini dengan mengenalkan entiti baru iaitu, dengan izin, *a body corporate providing quantity surveying services, professional engineering services and architectural consultancy services, multi-disciplinary practices*. Ini bererti satu badan *corporate* memberi perkhidmatan dalam bidang juruukur bahan, jurutera dan jurubina dan ini akan menjadi semuanya daripada pihak ini boleh menubuhkan satu badan untuk menjalankan perniagaan-perniagaan.

Ini memberi kuasa kepada Lembaga untuk mendaftar firma perseorangan, perkongsian dan pertubuhan perbadanan yang memberi perkhidmatan ukur bahan dan juga memberi kebenaran penggabungan para profesional dalam menjalankan amalan *mutli-discipline* kejuruteraan seni bina dan ukur bahan. Pemilikan ekuiti dalam syarikat *multi-disciplinary practices*, dengan izin, iaitu 70% oleh arkitek, jurutera dan juruukur bahan dan 30% oleh lain-lain;

Seksyen 10A, Pendaftaran Juruukur Bahan Asing.

Seksyen 13, perubahan kecil di mana Lembaga boleh mengenakan syarat dalam mengeluarkan sijil pendaftaran;

Seksyen 15, perubahan besar dalam memperluaskan kuasa Lembaga dalam menghadapi salah laku dan aduan terhadap mana-mana juruukur bahan dan firma berdaftar. Mengeluarkan perintah, amaran, denda yang munasabah dan sebagainya. Perbicaraan dipinda bilangan ahli-ahli dari dua pertiga ahli Lembaga kepada sepuluh sahaja;

Seksyen 16, perubahan kecil dalam pemotongan nama dari daftar. Seksyen 17, peraturan kemasukan semula diubahsuai.

Seksyen 24, perubahan besar dalam pelaksanaan penalti iaitu menambahkan jumlah penalti dan keduanya membezakan liabiliti perseorangan daripada liabiliti korporat dan mengenalkan *custodian sentence*;

Seksyen 24B, peruntukan baru bagi membolehkan penubuhan jawatankuasa penyiasat yang boleh menjalankan siasatan.

Seksyen 25A, tambahan untuk memastikan arahan Lembaga dipatuhi;

Seksyen 25B kuasa pegawai yang diberi kuasa dalam dengan izin, *authorized officer* untuk menyiasat, menggeledah premis dan juga merampas dokumen-dokumen berhubung dengan salah laku di bawah akta.

Seksyen 26A - perubahan sampingan dari kuasa Yang Dipertua Lembaga.

Seksyen 26B – Pindaan tatacara penyampaian notis;

Seksyen 27 – Pengecualian Akta terhadap *building surveyor* dan *mining engineer*;

Seksyen 29 – Status *indemnity* kepada Ahli-ahli Lembaga;

Seksyen 30 - Seksyen baru bagi perlantikan peguam bela dan peguam cara untuk mebolehkannya bertindak bagi pihak Lembaga.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mencadangkan Rang Undang-undang Juruukur Bahan (Pindaan) 2002 ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sokongan?

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Juruukur Bahan 1967" dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Telok Intan, ya?

### 11.18 pagi.

**Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada Teluk Intan untuk mengambil bahagian dalam perbincangan kaedah atas satu Akta untuk meminda Akta Juruukur Bahan 1967.

Saya ingin menyentuh dua perkara sahaja. Syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana mencadangkan pindaan yang akan meningkatkan prestasi profesion juruukur bahan. Dengan perkembangan industri pembinaan, permintaan untuk juruukur bahan tentu akan bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, kerja juruukur bahan adalah dengan izin:

- (i) *to estimate the costs of a project*; dan
- (ii) *to supervise to ensure work done is according to specifications.*

Tuan Yang di-Pertua, sekarang terutamanya di peringkat Kerajaan Tempatan dan Majlis Daerah, di mana ada banyak projek kecil, antara masalah yang selalu berlaku adalah masalah tender, masalah kos projek yang terlalu tinggi dan kerja tidak mengikut spesifikasi, tetapi di peringkat bawah, kita tidak nampak ada satu *quantity surveyor* pun.

Saya harap kerajaan akan memastikan satu juruukur bahan di peringkat daerah untuk memastikan bahawa pembaziran wang kerana kos yang berlebihan dapat dikurangkan dan juga spesifikasi kerja diikuti. Di sini saya tahu bahawa pelaksanaan ini adalah tidak senang kerana keluaran *qualified QS* - dengan izin - adalah begitu sedikit sahaja. Saya harap sesuatu dapat dibuat di institusi pengajian tinggi supaya lebih juruukur bahan yang *qualified* dapat dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya ingin menyentuh adalah mengenai seksyen baru 7B yang dicadangkan dalam Fasal 10 supaya amalan pelbagai disiplin ditubuhkan. Ini adalah satu *step forward*, dengan izin, kerana sekarang syarikat-syarikat tempatan dapat membekalkan perkhidmatan kejuruteraan, seni bina dan ukur bahan sekali gus. Ini akan meningkatkan daya saing mereka dan dapat mengeksport, mungkin perkhidmatan mereka keluar negara.

Saya ingin bertanya, di dalam senario baru ini, di mana ada satu *multidisciplined firm* dari konteks akauntabiliti ahli profesional, adakah ini akan meningkat atau menurun kerana kita tidak mahu tragedi seperti Highland Towers diulangi? Dahulu, *engineer* di satu *engineering firm* sahaja, arkitek ialah arkitek; tetapi sekarang mereka adalah dicampuri. Adakah ini akan menurunkan akauntabiliti atau tidak?

Dalam rang undang-undang ini juga dicadangkan supaya pemilihan ekuiti dalam syarikat *mult-disciplinary* ditetapkan iaitu 70% dipegang oleh juruukur bahan, arkitek dan jurutera dan baki 30% oleh ahli profesional bersekutu dan lain-lain. Saya hendak tahu apakah kategori lain-lain ini? Adakah kategori yang boleh ambil saham 30% ini, adakah mereka mesti berkelayakan dalam apa-apa bidang? Ataupun siapa-siapa ahli korporat atau *management consultant* boleh ambil 30% saham ini jika mereka diluluskan *Regulating Board*? Kerana ada setengah pihak yang khuatir bahawa dengan *corporatization of consultancy service* dan satu *multidisciplinary firm*, ini akan meningkatkan profit *motivation*. Oleh itu, mungkin *quality of service*, dengan izin, boleh terjejas.

Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi sedikit *assurance* dan pandangan terhadap isu ini. Tuan Yang Dipertua, saya turut menyokong.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** [Bangun].

**Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Bangun].

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya bagi Shah Alam dahulu.

**11.22 pagi.**

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan meminda Akta Juruukur Bahan 1967 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Terlebih dahulu suka saya mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih di atas keprihatinan pihak kerajaan di dalam usaha untuk melakukan pemindaan kepada rang undang-undang ini kerana pada pandangan saya, ianya bertujuan untuk memperkuatkan dan memperkukuhkan lagi dalam bidang profesional terutama dalam bidang juruukur bahan ini.

Saya juga turut bersetuju dengan pandangan sahabat saya Ahli Yang Berhormat bagi Teluk Intan sebentar tadi yang telah pun menyarankan betapa perlunya juruukur bahan profesional ini dapat dilahirkan dengan sebanyak mungkin supaya perkhidmatan untuk memberikan sumbangan kepada rakyat terutama kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mengawal selia setiap projek yang dilaksanakan hasil daripada kelulusan belanjawan yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dapat dikawal selia dan diuruskan dengan yang terbaik.

Yang kedua ialah supaya dapat memberi peluang kepada semua pihak yang terlibat untuk mengemukakan satu tawaran yang lebih *transparent* ataupun yang boleh

kita ambil iktibar sebagai, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sebagai *the level playing field*. Ini kerana kita sedar bahawa penyediaan dokumen-dokumen tawaran haruslah disediakan mengikut spesifikasi yang begitu tepat dan ianya boleh dikemukakan supaya pihak-pihak pengguna dan juga *end-users* boleh mendapat manfaat daripada segi mutu hasil yang akan dilaksanakan oleh pihak pemborong, sesuai sebagaimana di dalam spesifikasi dalam dokumen-dokumen tawaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong supaya usaha yang dikemukakan oleh pihak kerajaan untuk menubuhkan satu badan korporat yang merangkumkan *services* yang ditawarkan seperti jurutera, juruukur bahan dan juga arkitek sebagai satu *multidisciplined services* yang boleh diwujudkan di bawah pindaan akta ini untuk 'mengkabungkan' – bukan mengkabungkan - menggabungkan satu pengurusan - dengan izin - secara *holistic* dan ini akan memberikan kekuatan kepada bidang profesional dalam negara Malaysia ini sesuai dengan cabaran dunia globalisasi dan liberalisasi yang kita hadapi ini.

Ini kerana pada pandangan saya, Malaysia telah pun membangun dengan begitu pesat dan memberangsangkan. Jikalau pihak-pihak profesional hanya berharap untuk terus bertapak dan berusaha untuk mengadakan pembangunan dan perkhidmatan profesional di dalam negara ianya akhirnya akan sampai satu peringkat dan tahap bahawa sudah tidak ada banyak peluang perniagaan kerana dengan kerja kuat yang dibuat terutama Menteri Kerja Raya ini, saya fikir bahawa pembangunan infrastruktur dan prasarana yang berlaku ini hampir ke tahap yang maju seharusnya pihak profesional di negara ini melihat *market* yang baru, terutamanya dengan penubuhan AFTA yang akan berlaku tidak lama lagi bahawa banyak perkhidmatan yang boleh diberikan kepada negara-negara di dalam ASEAN ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pindaan akta ini, saya lihat selain daripada mewujudkan badan korporat ini, soal yang disebut oleh Teluk Intan sebentar tadi, akhirnya *bottom line*. Jikalau badan korporat yang menawarkan perkhidmatan, jikalau perkara-perkara yang berhubung kait dengan kedudukan dan kekuatan struktur bangunan dalam badan korporat ini, adakah orang yang bertanggungjawab untuk mereka bentuk dan meluluskan pelan ini yang akhirnya dia *accountable* terhadap dia punya reka bentuk ataupun badan korporat. itu sendiri, ya. Ini kerana firma yang menawarkan perkhidmatan ataupun profesion yang memperakui setiap reka bentuk yang diluluskan itu dan saya fikir bahawa ini harus diberikan satu penjelasan yang lebih terperinci oleh pihak kerajaan supaya tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan orang ramai terhadap badan korporat.

Oleh kerana badan korporat merupakan suatu badan yang terlibat dalam bidang perniagaan dan saya lihat ada kelonggaran yang dibuka di sini bahawa ahli ataupun *shareholder* kepada badan korporat ini, dia bukan mesti terdiri daripada bidang-bidang profesional sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri iaitu jurutera, juruukur bahan dan juga arkitek, tetapi individu yang ingin mengambil peluang dalam perniagaan ini.

Apakah dengan kelonggaran ini, badan yang mengawal selia profesional ini dapat mewujudkan satu suasana yang akan dapat mengawal perjalanan perniagaan ini dengan memberikan penekanan sebagai suatu tawaran perkhidmatan profesional yang terbaik mungkin tetapi oleh kerana badan korporat tentulah - dengan izin - *bottom linenya* dia akan memikirkan untung rugi. Apakah *drive* untuk mendapatkan keuntungan itu mengatasi soal-soal profesional kerana ini adalah perkara yang mustahak sebagai badan korporat? Kita berniaga bertanggungjawab kepada *shareholders* itu sendiri, tetapi oleh kerana ini adalah bidang profesional kadang-kadang soal keselamatan, soal kekuatan kepada bangunan yang kita bangunkan itu adalah merupakan - dengan izin - *paramount* kepada kita punya profesion.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Bangun].

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Kalau dia *lawyer*, saya tengok Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar fasal dia *lawyer*. *Lawyer* dia kadang-kadang banyak kona-kona, kita pergi daripada macam Kubang Pasu kata dia ada *fundamentals* yang kuat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Baik, baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila, sila Batang Lumar.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam berhubung dengan *multidisciplined services* yang diberi oleh pihak profesional kejuruteraan, juruukur bahan dan seni bina ini. Jadi saya kurang jelas daripada bahasan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu, adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya apabila syarikat ini telah membesar, sama ada pihak lain umpamanya pakar dari segi perundangan ada hubung kait dengan profesion ini, pakar dari segi pengurusan yang mungkin boleh menguruskan syarikat *disciplined services* ini dengan lebih berkesan dan pakar dari segi kewangan untuk mentadbirkan sumber kewangan syarikat yang terlibat ini juga boleh menjadi ahli ataupun *shareholder* dalam syarikat ini bukan sahaja pihak jurutera, Q.S dan arkitek. Yang Berhormat, saya minta penjelasan.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lumar. Mengikut fahaman saya, *a body corporate* ataupun badan korporat sebagaimana yang diperuntukkan dalam pindaan rang undang-undang ini, tiga *fundamental services* yang akan digabungkan iaitu jurutera, juruukur bahan dan juga arkitek. Dan dalam proses memberikan perkhidmatan yang berhubung kait tentang *engineering services* ini, saya fikir nanti Yang Berhormat Menteri boleh memperjelaskan dengan lebih terperinci. Ini adalah merupakan *prerequisite* - dengan izin - yang sudah diwujudkan.

Akan tetapi bila diwujudkan *a corporate body*, mengikut fahaman saya daripada penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri ialah untuk memberikan kekuatan kepada profesional-profesional di Malaysia ini untuk bergabung tenaga dan kekuatan di dalam satu *corporate body* untuk menawarkan pakej perkhidmatan dengan sebaik mungkin. Dan ini pada dasarnya adalah suatu usaha yang kalau boleh kita izinkan Tuan Yang di-Pertua, *win-win situation* ataupun sinergi dalam memberikan perkhidmatan kita.

Akan tetapi sebagaimana yang saya jelaskan tadi, kalau sudah jadi badan korporat, dia punya *bottom line* ialah dia punya untung rugi kerana dia bertanggungjawab kepada *shareholder*. Jadi bila untung merupakan motif utama dalam *corporate body* ini sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Teluk Intan dari segi kualitinya. Kalau kita boleh *design* satu bangunan itu dengan meletakkan *safety factor* kepada 1.5, dengan *safety factor* 2.5 atau 3.5, ia suatu keputusan yang berbeza.

Kalau 1.5 mungkin kos yang hendak dibangunkan, ia boleh dikurangkan kepada RM100 juta tetapi kalau 2.5, ia sudah jadi naik RM200 juta, kalau 3.5 ia sudah jadi RM400 juta. Jadi bila benda ini berlaku, saya fikir sebagai satu badan korporat, pihak berkuasa yang mengawal selia ini, harus mengadakan suatu *guideline*, satu penekanan betapa perlu soal-soal keselamatan awam, keselamatan bangunan ini tidak ada kompromi, tidak ada kekurangan.

Jadi saya harap supaya perkara-perkara ini mendapat suatu perhatian dan sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa dalam pindaan Akta Juruukur Bahan ini juga ada cadangan supaya jikalau jawatankuasa siasatan ditubuhkan dan akhirnya jikalau pendakwaan dilakukan, sudah ada *custodian sentences*.

Jadi saya harap pengetatan dari segi pindaan rang undang-undang ini dapat membantu jurutera-jurutera dan juga pihak juruukur bahan serta *corporate body*, dengan harapan untuk menubuhkan *multidisciplined services* ini akan dapat menjadi dan mempercepatkan proses pembangunan negara kita berjalan dengan lebih lancar dan tepat dan akhirnya akan memberi manfaat kepada semua pihak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya Shah Alam turut juga menyokong di atas rang undang-undang yang dibentangkan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Batang Lumar. Selepas ini Menteri menjawab.

11.35 pagi.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga menyokong rang undang-undang pindaan ini. Saya memang tertarik berhubung dengan *multidisciplined services* yang diberi oleh pihak profesion kejuruteraan ini iaitu termasuklah juruukur bahan, jurubina dan sebagainya. Ini adalah kerana kalau kita lihat dalam dunia ini bahawa pembangunan dalam profesion ini amat mendadak.

Di Malaysia kalau kita hendak mewujudkan suatu rangka pelan untuk bangunan mungkin akan memakan masa satu bulan ataupun dua bulan tetapi saya dimaklumkan bahawa di negara macam di Amerika boleh mengeluarkan suatu rangka melalui komputer dan Internet dan menggunakan program-program yang tertentu, boleh mengeluarkan bukan sahaja pelan tetapi juga semua sekali termasuk dengan nilai harga dan sebagainya dalam masa 24 jam.

Mungkin ini suatu dengan izin, *exaggeration* tetapi saya dimaklumkan banyak kebenarannya bahawa pelan nilai harga dan semua sekali boleh dilaksanakan dengan jauh lebih cepat daripada cara-cara konvensional yang masih kita laksanakan sekarang ini. Jadi dengan diwujudkan cara *mutlidiscipline* badan korporat dalam *services* pembinaan ini, saya berharap pihak kementerian akan melihat juga macam mana penguasaan ICT serta *computer programming* dan sebagainya dimasuk sebagai suatu ciri untuk mempercepatkan lagi pembangunan *disciplined services* kejuruteraan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perkara lain, perkara yang mungkin kecil tetapi saya pandang amat penting. Pada awal sekali lagi, kita mengetahui bahawa tiap-tiap seorang hendak membina sebuah bangunan ataupun jambatan dan sebagainya, kita memerlukan dua, tiga profesion iaitu jurutera, juruukur bahan, jurubina dan sebagainya. Tetapi dalam adik beradik yang ada hubung kait ini untuk membina satu rangka, sentiasanya Q.S ataupun juruukur bahan ini dianggap adik muda daripada golongan adik beradik yang tiga ini.

Jadi sentiasalah apabila sebuah syarikat hendak mendaftar diri dengan agensi-agensi kerajaan umpamanya PKK, kalau di tempat-tempat lain, dengan JKR ataupun UPK, biasanya juruterah sahaja sebagai pegawai teknikal yang *directed* ataupun diterima pakai sebagai suatu kayu pengukur menerima syarikat itu daripada satu kelas ke satu kelas yang lain. Biasanya juruukur bahan dan jurubina ataupun arkitek tidak diterima sebagai seorang pegawai teknikal yang diterima sebagai pengukur mereka ini untuk dinaikkan daripada satu tahap ke satu tahap yang lain.

Jadi saya memohon kepada kementerian supaya melihat semula perkara ini. Kalau jurutera sebagai pengasas kepada suatu syarikat pembinaan boleh mengambil, membendung, mengguna pakai pihak Q.S ataupun arkitek daripada luar sebagai konsultan, saya tidak melihat kenapa ini menjadi suatu masalah kalau seorang Q.S ataupun seorang jurubina ataupun arkitek menubuhkan satu syarikat dan membawa jurutera sebagai konsultan mereka dan boleh diguna pakai pihak Q.S dan pihak jurubina ini sebagai pengasas dan penilai untuk menaikkan satu-satu syarikat daripada satu kelas kepada satu kelas yang lain.

Padahal corak latihan mereka di universiti adalah hampir sama. Asas kemasukan mereka ke universiti pun hampir sama bahkan lebih tinggi lagi. Sebagai jurubina umpamanya, seseorang itu mesti mempunyai asas yang lebih tinggi daripada asas jurutera memasuki ke universiti. Jadi kenapakah jurubina dan Q.S ini dipandang adik bongsu kepada jurutera *structural building* dan sebagainya? Jadi ini penting kita melihat daripada sudut yang nyata tetapi bukan daripada landasan-landasan yang telah kita pakai ataupun konvensional. Sepatutnya kita berani berubah untuk memberi suatu minat baru kepada bidang-bidang yang tersebut.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Sarawak umpamanya boleh dikatakan contoh. Ramai anak muda pergi ke universiti, memasuki dan mempelajari ilmu kejuruteraan tetapi bidang Q.S ini adalah bidang yang sedikit sahaja diceburi, oleh kerana minat tadi dipandang tidak perlu. Jadi berbangkitlah satu perkara dilihat sebagaimana Yang Berhormat bagi Teluk Intan telah sebut dan begitu juga Yang Berhormat bagi Shah Alam telah sebut supaya kita perlu memperbanyakkan Q.S ini terutama sekali dari kalangan anak-anak bumiputera yang mungkin belum melihat pembangunan Q.S dan kepentingan Q.S ini kepada pembangunan negara.

Jadi, diperbanyak sedikit supaya bumiputera dan supaya ada insentif-insentif tertentu diberi kepada pihak ini supaya memperbanyakkan Q.S ini di dalam negara kita ini sama dengan jurutera lain. Begitu juga umpamanya *electrical engineer*. Kalau orang buat *building* dalam keadaan ICT dan IT ini, kalau tidak ada *electrical engineer*, saya cukup yakin bahawa pembangunan itu adalah membuat suatu bangunan macam dahulu sahaja.

Semua boleh buat, orang kampung pun boleh buat, tidak ada elektrik. Jadi *electrical engineer* ini pun begitu penting sekali. Sepatutnya diambil kira, boleh atau tidak sebagai pengasas kepada suatu badan korporat untuk mendaftar diri dalam badan-badan tertentu di bawah kerajaan supaya meningkatkan profesion ini ke suatu tahap yang sama.

Jadi dalam keadaan sedemikian, kita tidak membezakan pihak-pihak kelulusan sama ada dalam *electrical engineer*, *structural building engineer* ataupun *quantity surveyor* (Q.S) serta arkitek dalam bidang perangkaan. Dan satu lagi saya ingin juga menyentuh, oleh kerana setelah dibolehkan di bawah undang-undang ini kita boleh mengkorporat ataupun meng*corporatize* badan-badan ini sebagai badan-badan profesion *multi-services*.

Jadi dalam keadaan sedemikian, untuk membesar pihak ini mestilah mempunyai akauntan, mempunyai penasihat undang-undang, mempunyai pentadbir yang mahir dan bijaksana. Persoalannya, bolehkah mereka ini juga menjadi *shareholder* kepada syarikat ini nanti?

Bolehkah pentadbir, bolehkah akauntan, bolehkah peguam ini menjadi *shareholder* kepada badan korporat ini? Jadi kalau tidak dibolehkan, maknanya badan ini sentiasa disisihkan dalam *multi-services* ini. Jadi saya mempunyai satu pendirian, apa-apa sahaja profesion yang boleh dikorporatkan mestilah mempunyai *flexibility* dengan izin, iaitu badan-badan profesional lain dimasuk kepada badan itu walaupun *the core business* - dengan izin - adalah *business* kejuruteraan.

Akan tetapi profesion-profesional lain yang memasuki dalam badan korporat ini mestilah dibolehkan sebagai *shareholder* juga. Ini adalah kerana masih banyak dalam badan-badan profesion yang ada di negara kita ini dibolehkan hanya satu profesion itu sahaja menjadi *shareholder* dalam badan sama ada firma ataupun badan korporat mereka dengan landasan profesion lain tidak ada kena mengena.

Tetapi dalam pandangan yang ada pada masa sekarang ini, ini adalah telah lama ataupun sudah *obsolete view*. Kita mesti melihat dan kita mesti proaktif, kita mesti pragmatik membuat pertukaran dan perubahan dalam mana-mana profesion. Kalau pada suatu ketika nanti peguam boleh dibolehkan menubuhkan satu syarikat korporat sebegini, sepatutnya peguam juga boleh membawa pihak profesion lain ke dalam profesion mereka.

Kerana pada masa sekarang banyak berlaku sebagai syarikat yang *sole proprietor* mempunyai 5, 6 peguam, mempunyai *multi-proprietor* ini, sekarang masih berlaku. Si isteri ini tidak boleh menerima kerana bukan seorang peguam walaupun dia seorang pentadbir. Jadi, dengan sendirinya anak-anak yang hendak menunggu mungkin masih dalam universiti, tidak boleh, syarikat ini terpaksa dibubarkan, mesti dihapuskan. Dengan sendirinya semua tindakan yang dibuat oleh si bapa ataupun si ibu yang meninggal itu telah sia-sia belaka.

Jadi, begitulah juga perkara ini, kalau si anak ini ingin menceburi diri dalam bidang ini tetapi oleh kerana keadaan-keadaan yang tertentu dia meninggal dan syernya tidak boleh dipegang oleh orang lain selain daripada mereka yang mempunyai profesion yang sama dengan sendirinya kalau hilang seorang bapa ataupun ibu ini, menunggu anak dalam universiti, syarikat itu tidak boleh tahan, terpaksa dibubarkan melainkan pada masa akan datang anak itu keluar, menubuhkan syarikat-syarikat yang baru.

Jadi, dalam keadaan ini, saya berharap pihak kementerian melihat perkara ini dari segi sosialnya bagaimanakah *to sustain*, dengan izin, syer-syer yang dipegang oleh seseorang yang dalam profesion ini boleh diwarisi kepada si pewaris, kepada keluarganya yang mana bukan mempunyai bidang-bidang yang sama.

Jadi, dengan kata-kata sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya! Minta Menteri menjawab. Sila, Menteri menjawab.

**11.49 pagi.**

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara berhubung dengan Rang Undang-undang Juruukur Bahan (Pindaan) 2002. Pada asasnya pindaan Akta Juruukur Bahan yang dibentangkan ini akan membangunkan keupayaan persaingan di dalam profesion juruukur bahan.

Memandangkan perkembangan dunia yang pesat, industri yang diceburi oleh para profesional dihadapi dengan pelbagai cabaran. Antaranya ialah ledakan kuasa globalisasi dan liberalisasi teknologi maklumat serta arahan baru atau aturan *World Trade Organisation (WTO)* dengan perwujudan sistem, pembangunan pembelajaran berterusan yang diwajibkan atau *compulsory continuous professional development* dalam pindaan akta ini.

Adalah menjadi harapan agar perkhidmatan yang diberi oleh juruukur bahan adalah yang terbaik selain dari meningkatkan kebolehan serta kecekapan sendiri. Bersaingan dengan pembekal perkhidmatan profesional dari luar negara perlu ditandingi oleh profesional tempatan. Oleh itu kebenaran penggabungan profesional kejuruteraan, *architectural* dan ukur bahan dalam satu syarikat untuk membekalkan perkhidmatan multidisiplin serta membenarkan pemilikan ekuiti 70% kepada profesional dan 30% kepada orang lain akan memberi peluang kepada syarikat-syarikat untuk bersaing.

Kuasa lembaga dalam mengakreditasi kelulusan bidang ukur bahan agar setaraf dengan pengiktirafan akademik ukur bahan luar akan membolehkan program ukur bahan tempatan diiktiraf negara dan ini memberi peluang pekerjaan kepada jurutera bahan siswazah tempatan di luar negara.

Lembaga juruukur bahan sebagai agensi-agensi Kerajaan Malaysia perlu meningkatkan kuasanya di bawah Akta 487. Ini bagi menyesuaikan dengan perkembangan profesional masa kini untuk membolehkannya mengawal selia juruukur bahan tempatan dan juruukur bahan asing yang memberi perkhidmatan ukur bahan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menjawab beberapa soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi iaitu Yang Berhormat bagi Teluk Intan telah membangkitkan isu berkenaan dengan, adakah bermakna tanggungan profesional oleh arkitek juruukur bahan berkurang? Berkenaan dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan 30%, boleh dipegang oleh lain-lain profesional bersekutu seperti perancangan bandar, arkitek lanskap serta orang-orang perseorangan.

Walaupun bagaimanapun, dari segi *liability*, apabila sahaja kita dapat *liability*, *liability* itu jadi tanggungjawab oleh orang yang telah menandatangani pelan itu sebagai seorang ahli profesional. Di dalam syarikat-syarikat yang akan ditubuhkan, walaupun itu multidisiplin seorang yang bertanggungjawab yang telah menandatangani bertanggunggjawab berkenaan dengan kerja dan lain-lain yang dilaksanakan.

Jadi, Yang Berhormat juga telah membangkitkan berkenaan dengan profesion atau mana-mana profesion yang berkaitan dengan profesion ukur bahan kejuruteraan dan *architectural* profesion yang dimaksudkan ini mestilah diluluskan oleh peringkat lembaga dan saham maksimum yang boleh dimiliki oleh – semuanya dijaga oleh lembaga.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat bagi Teluk Intan membangkitkan berkenaan dengan juruukur bahan di peringkat daerah. Cadangan untuk mengadakan jawatan juruukur bahan di peringkat daerah adalah satu cadangan yang boleh dialu-alukan tetapi peruntukan logistik hendaklah disediakan oleh pihak – saya tidak tahu pihak mana yang boleh menyediakan peruntukan ini.

Jika, ada Majlis Daerah suka melantik seorang juruukur bahan, merekalah bertanggungjawab untuk membayar. Ini bukan menjadi ...

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya!

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, lanjutan dalam perkara ini, saya ingin sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya fikir bahawa setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) apabila mengemukakan cadangan kepada pihak kerajaan untuk dinaiktarafkan daripada – seperti Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran ataupun Majlis Perbandaran kepada Majlis Bandaraya, ia memerlukan beberapa syarat.

Syarat-syarat yang utama berhubung kait tentang kejuruteraan, jawatan-jawatan profesional ini memang ada kriteria. Yang Berhormat, kadang-kadang oleh kerana profesion ini kurang, jadi hendak dapat susah. Jadi, dari segi peruntukan logistiknya, *requirement* ada tetapi *supply*nya tidak ada. Jadi, apa penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya sendiri bersetuju dengan cadangan ini tetapi apabila kita rujuk balik perkara ini kepada Majlis-majlis Daerah atau Majlis Perbandaran, boleh jadi mereka berkuasa dan juga mempunyai kewangan untuk melantik juruukur bahan dan lain-lain. Jikalau kita ambil kira Majlis-majlis Daerah di mana pendapatan mereka yang paling rendah, mereka tidak berminat, tidak mempunyai kuasa untuk melantik.

Jadi, apabila mereka suka menaik taraf badan mereka sebagai Majlis Perbandaran dan lain-lain, saya sokong dengan cadangan Yang Berhormat, kita mesti menekankan kepada mereka, mereka mesti melantik seorang profesional untuk menjaga semua disiplin yang akan dilaksanakan oleh mereka.

Jadi, dalam permohonan yang kita dapat, dalam Jemaah Menteri beberapa permohonan telah didapati untuk menaikkan taraf Majlis Daerah sebagai Majlis Perbandaran tetapi di dalamnya cadangan tidak ada kaitan dengan profesion tetapi untuk menaik taraf badan itu sahaja. Jadi, masa akan datang jikalau ada permohonan daripada mana-mana Majlis Daerah sebagai majlis untuk menaik taraf menjadi Majlis Perbandaran, saya percaya kementerian saya boleh membangkitkan isu ini untuk mengadakan profesional.

Jikalau mereka sendiri tidak boleh mengadakan profesional, saya percaya perkara ini mesti dilaporkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk melantik seseorang bagi pihak majlis, badan itu untuk menjaga kepentingan rakyat jelata. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam saya mengucapkan terima kasih kerana membangkitkan berkenaan bagaimanakah hendak kawal profesion seperti perundangan, pengurusan kewangan yang boleh jadi ahli kepada syarikat multidisiplin.

Seperti yang saya jelaskan tadi, walaupun ada juga lain-lain profesion akan menjadi sebahagian badan multidisiplin ini, tanggungjawab ini diletak dalam tangan profesional yang sebenarnya iaitu juruukur bahan, jurutera dan juga jurubina. Mereka bertiga sahaja yang menjadi tokoh dalam badan korporat yang akan dibina. Oleh kerana mereka diberi 70% daripada saham yang ditetapkan dalam syarikat itu. Jadi, saya harap dengan disiplin yang sedia ada di antara jurutera dan di antara arkitek dan juruukur bahan, saya tahu mereka boleh juga menjaga kepentingan mereka, kalau tidak mereka akan didenda atau akan didapati pelbagai masalah, tindakan mahkamah akan diambil oleh badan yang menjaga profesional itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penggunaan ICT untuk meningkatkan pembekal perkhidmatan profesional Malaysia, kementerian saya telah menubuhkan *Professional Services Development Corporation (PSDC)*. Sudah ditubuhkan tetapi belum dirasmikan oleh kerana Yang Amat Berhormat Dato Seri Perdana Menteri telah diminta untuk merasmikan badan profesional ini.

Saya percaya selepas itu PSDC ini akan menumpukan ke atas pembangunan kapasiti keupayaan pembekal-pembekal perkhidmatan profesional dan juga PSDC adalah penghubung kepada semua badan profesional.

PSDC akan menerajui dalam usaha mengeksport perkhidmatan para profesional kita di samping keutamaan ICT diberi kepada yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batang Lupa telah membangkitkan berkenaan bolehkah akauntan, pengamal undang-undang, profesional lain yang masuk dalam badan korporat ini menjadi *shareholder* atau pemegang saham dalam badan korporat multidisiplin.

Boleh! Tetapi maksimum itu telah ditetapkan oleh badan ini sebagai 30% sahaja, lebih daripada 30% mereka tidak boleh mengambil saham dalam syarikat ini. Dengan itu saya percaya kontrol atau siapa yang sebenar-benarnya menjaga badan korporat ini, tiga pihak, pihak arkitek, pihak jurutera dan juga pihak juruukur bahan akan menjaga. Lain-lain profesion itu akan membantu mereka untuk menjalankan perniagaan sebagai badan korporat.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat ...

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Dato'...

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Ada dua soalan Dato' Menteri. Yang pertama tadi, saya memang tertarik dan setuju juga dengan garis panduan yang diberi. Walaupun satu syarikat korporat tetapi apabila menandatangani, umpamanya *submission* ataupun kemasukan mana-mana pelan dan sebagainya mesti ditandatangani oleh pihak jurutera, QS ataupun arkitek tetapi dalam masa yang sama, mereka ini adalah pegawai dalam syarikat.

Persoalan saya, macam mana untuk mengatasi soal tanggungjawab? Kepada peribadi, mungkin boleh dituduh sebagai *negligence*, boleh dituduh dalam Mahkamah Sivil dan Mahkamah Jenayah tetapi soal *indemnity insurance*, macam mana tanggungjawab individu ini dan tanggungjawab syarikat yang mereka wakili sebagai pengurus ataupun penganjur kanan dalam syarikat ini. Ini yang pertama, Dato' ya.

Yang kedua, soal situasi *hypothetical*. Minta maaf, saya tujukan soalan *hypothetical* kerana perkara ini ada berlaku, Dato', yang mana apabila seseorang jurutera A umpamanya, mempunyai *share* 30% dalam satu syarikat. Pada masa ini, ada pengurus, peguam dan sebagainya, 30%. Jadi, 30% lagi dipunyai oleh seorang jurutera dan jurutera ini ditakdirkan Tuhan, meninggal dunia, tinggal 30%. Adakah terpaksa dijual *share* ini dan apakah *flexibility* yang boleh diberi kepada syarikat ini untuk menunggu supaya si waris ini boleh melantik orang jadi wakil mereka dan apakah *time period* yang diberi, *flexibility* ini supaya tidak hilang *share* begitu sahaja. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan *indemnity profession*, saya percaya semua ahli profesion yang telah mengambil bahagian dalam syarikat itu mesti diadakan *indemnity*.

Yang kedua, berkenaan dengan seorang jurutera jikalau mereka yang meninggal dunia itu memegang saham itu sebanyak 20% atau 30%, saya percaya waris-warisan mereka mesti lantik seorang profesional sahaja dalam badan ini, tidak dilantik orang lain. Tetapi jikalau itu jadi jurutera, jurutera mesti dipilih oleh pemegang saham majoriti iaitu juruukur bahan dan arkitek juga boleh menjaga kepentingan itu.

Tuan Yang di-Pertua, seiring dengan perkembangan semasa, peruntukan dalam Akta Juruukur Bahan 1967 perlu dikemas kini bagi memastikan profesional seni bina ini dapat berdaya saing dalam era globalisasi. Adalah diharapkan dengan kelulusan terhadap pindaan akta ini dapat membawa profesional seni bina ke tahap yang lebih tinggi demi kepentingan negara.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah.....

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, Setiu bangun.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih Dato' Menteri. Saya hanya ada dua persoalan sahaja. Yang pertamanya, soal ekuiti 70-30. Kalau sematamata kerana hendak memberi tanggungjawab kepada pemegang majoriti, kenapa tidak umpamanya 55-45 supaya membolehkan lain-lain disiplin (multidisciplines) turut sama dalam *multidisciplined body* ini kerana kita ingin bersaing dengan negara-negara luar? Jadi, kenapa *figure* 70-30? Kenapa tidak, umpamanya *figures* yang lain, 60-40 atau seumpamanya?

Yang keduanya, sejauh manakah kuat kuasa badan profesional ini terhadap projek-projek kerajaan umpamanya, sebab apa yang berlaku sekarang, berbagai *proposal* daripada pihak profesional, umpamanya juruukur bahan, pihak jurutera projek dan seumpamanya, mencadangkan termasuk di dalam JKR sendiri yang memberi cadangan harga tertentu kepada pihak kerajaan. Tetapi apa yang berlaku *on the ground*, yang berlaku umpamanya di Terengganu, saya beri contoh, satu projek sekolah yang ditentukan oleh pihak kerajaan, JKR umpamanya, dengan harga RM10 juta tetapi ditawarkan secara *negotiated tender*, RM15 juta ataupun RM17 juta. Ertinya badan profesional ini sudah tidak dihormati oleh pihak kerajaan sendiri.

Jadi, apakah kerajaan bercadang untuk, umpamanya selepas ini, *negotiated tender* ditiadakan, semuanya dalam bentuk *bidding tender*, tender secara terbuka bagi membolehkan mereka yang benar-benar profesional boleh terlibat dalam projek-projek seumpama ini. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan mengapakah 70% telah diberi kepada ketiga-tiga profesion itu, oleh kerana banyak di antara syarikat-syarikat yang sedia menjalankan perniagaan sebagai syarikat profesion, sebagai arkitek, jurutera dan juga juruukur bahan, mereka juga menjadi syarikat yang besar. Oleh kerana itu, ketiga-tiga profesion itu menjadi lebih penting dalam *corporate body*.

Selain daripada itu, mereka akan membantu ketiga-tiga profesion ini untuk menjalankan perniagaan. Oleh kerana itulah, kita menjaga kepentingan ketiga-tiga profesion itu dan jikalau mereka tidak mengikut dengan keadaan-keadaan yang dibenarkan atas mereka, mereka akan diambil tindakan oleh badan kawal selia. Badan kawal selia itu ialah Lembaga Jurutera, Lembaga Juruukur dan juga Lembaga Arkitek akan diminta untuk mengambil tindakan ke atas mereka.

Berkenaan dengan tender dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, perkara itu kalau Yang Berhormat beri saya butir-butir, saya boleh bagi jawapan yang lain.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Dato'. Sebab soalan saya yang asal tidak dijawab tadi iaitu soalan *civil engineer*, QS dan arkitek. Kenapakah kalau sekarang kita sudah menyelaraskan profesional dalam profesion-profesion ini tetapi kalau kita hendak tubuhkan satu syarikat, kita perlu *civil engineer* yang mengetuai dalam satu syarikat untuk mendaftar dalam PKK, UPK dan sebagainya sebagai membolehkan mereka ini naik kelas sebagai pegawai teknikal. Tetapi dalam sini kita sudah selaraskan, sama ratakan mereka dan sama tahapkan mereka.

Kalau kita lihat daripada segi sejarahnya, Dato', *civil engineer* satu tetapi kalau hendak QS inikah, tidak kiralah, papan berapa satu, simen berapa satu beg, pasir berapa satu lori, umpamanya, masuk semua itu boleh jadi satu jambatan. Jadi, tidak kira QS ada atau tidak ada. Jadi, dalam keadaan sekarang, semua profesion ini amat penting sekali. Jadi, kenapa tidak kalau kita hendak tubuhkan satu badan untuk didaftarkan di tempat-tempat yang tertentu, umpamanya PKK atau CIDB, tiap-tiap profesion ini dibolehkan membawa orang lain.

Dia sendiri boleh menjadi pengetua, sebagai *civil engineer* dan kalau umpamanya seorang A jadi pegawai teknikal dalam satu syarikat sendirian berhad ditubuhkan, register dengan PKK, UPK tidak payah tanya lagi mana *civil engineer* you?

Tidak payah tanya itu lagi supaya sekarang *civil engineer* sahaja dibolehkan, tetapi QS dan arkitek tidak boleh.

Jadi, apakah saranan ataupun peranan yang dibuat oleh Lembaga di bawah undang-undang ini supaya dibolehkan semua profesion ini sebagai pengasas kepada *construction company* ataupun *development company* mendaftar dengan PKK ataupun CIDB. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, siapa yang mengetuai syarikat itu bukan ada apa-apa halangan. Kalau QS mempunyai lebih saham dalam syarikat itu, QS akan mengetuai syarikat atau badan korporat. Kadangkala QS pun ada juga diminta untuk menjadi ketua kepada badan korporat seperti ini atau jurutera pun boleh juga, arkitek pun boleh. Tetapi siapa yang memegang lebih saham dalam ketiga-tiga profesion itu, beliau akan mengetuai *corporate body* itu.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berucap mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya. Bagi perkara-perkara yang tidak sempat dijawab, kementerian saya akan memberi perhatian yang sewajarnya dan mengambil tindakan susulan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 32** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN JURUTERA (PINDAAN) 2002

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.14 tgh.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai sebuah negara merdeka yang dahulunya hanya sebuah negara pertanian, kini menuju ke arah merealisasikan Wawasan 2020 dengan penggunaan *Information Communication Technology*. Kemajuan yang dicapai telah menjadikan Malaysia sebagai negara contoh dan dapat membantu negara-negara jiran. Semua ini adalah hasil usaha sama para jurutera tempatan dan profesional yang lain.

Walau bagaimanapun, pembangunan negara telah dicapai dalam suasana politik yang stabil, Lembaga Jurutera tetap memainkan peranan memastikan keselamatan awam diberi keutamaan dalam apa jua bentuk teknologi kejuruteraan yang akan digunakan dalam memajukan negara ini.

Dalam menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi adalah perlu amalan bidang kejuruteraan lebih fleksibel seperti pemilikan saham syarikat dan amalan

*multidiscipline* untuk memastikan keselamatan awam, sistem *accredited checker* adalah diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Akta Jurutera (Pindaan) 2002 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Sokong.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, pindaan utama kepada Akta Pendaftaran Jurutera 1967 ialah Seksyen 4 yakni pindaan seksyen ini adalah bagi menambah fungsi baru lembaga di dalam melaksanakan kuasanya antaranya adalah;

- (i) pemegang Amanah Harta (*Stakeholder*) di dalam sesuatu kontrak perkhidmatan kejuruteraan;
- (ii) mengawal dan mengakreditasikan lulusan kejuruteraan;
- (iii) menginstitusikan sistem pembangunan profesional yang berterusan iaitu *Continuous Professional Development* bagi memastikan amalan kejuruteraan yang terbaik.

Seksyen 7A iaitu perubahan besar dalam pindaan ini dengan mengenalkan entiti baru iaitu *engineering consultancy practice* ini memberi kuasa kepada lembaga untuk mendaftar firma perseorangan, perkongsian dan pertubuhan perbadanan yang memberi perkhidmatan kejuruteraan.

Seksyen 7B ini adalah sesuatu peruntukan baru yang memperkenalkan iaitu *multi-disciplinary practice*. Seksyen ini memberi kebenaran penggabungan para profesional dalam menjalankan amalan *multidiscipline*, kejuruteraan, senibina dan ukur bahan. Kebenaran pemilikan ekuiti dalam syarikat iaitu 70% oleh arkitek, jurutera dan juruukur bahan dan 30% oleh lain-lain akan menggalakkan pembekal perkhidmatan berkembang.

Seksyen 10B, pendaftaran baru bagi kumpulan jurutera profesional dinamakan pemeriksa bertauliah, *accredited checkers* dengan izin, pemeriksa bertauliah ini diwujudkan berikutan tragedi keruntuhan *Highland Towers* pada tahun 1992 dan penguatkuasaan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di mana bangunan yang berusia melebihi 10 tahun perlu diperiksa oleh pemeriksa bertauliah.

Seksyen 24B, peruntukan baru untuk memberi kebenaran kepada lembaga menubuhkan jawatankuasa penyiasat yang berkuasa menjalankan siasatan.

Seksyen 25 iaitu seksyen ini dipinda bagi meningkatkan penalti umum iaitu RM10 ribu perseorangan dan RM50 ribu *engineering consultancy practice*.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan-pindaan yang tersebut di atas, terdapat pindaan-pindaan lain kecil yang tidak tersebut secara khusus kerana ini adalah pindaan sampingan yang bertujuan untuk memperkemas seksyen-seksyen yang sedia ada di dalam Akta Jurutera yang ada sekarang. Dengan itu saya mencadangkan Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2002 ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, sokong?

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendaftaran Jurutera 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ipoh Barat.

12.21 tgh.

**Dato' Ho Cheong Sing [Ipoh Barat]:** Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Pindaan 2002 kepada Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera.

Bidang kejuruteraan merupakan satu bidang yang amat diminati ramai terutamanya oleh generasi baru. Bidang kejuruteraan merupakan salah satu pilihan utama bagi pelajar-pelajar cemerlang. Walaupun begitu, sebanyak 80% para jurutera profesional tidak akan menggalakkan anak-anak mereka untuk berkecimpung di dalam bidang ini. Ini adalah disebabkan oleh ganjaran yang rendah untuk tanggungjawab yang tinggi sebagai seorang jurutera profesional.

Contohnya untuk satu projek bangunan tinggi yang kos pembangunannya adalah RM100 juta, pihak arkitek akan mendapat profesional *fees* sebanyak 8% daripada kos pembangunannya, iaitu RM 8 juta. Pihak juruukur bahan akan mendapat profesional *fees* sebanyak 1% daripada kos pembangunan iaitu RM1 juta. Sementara itu, pihak jurutera awam hanya mendapat profesional *fees* sebanyak 3% daripada kos pembinaan struktur konkrit sahaja, lebih kurang 30% daripada kos projek iaitu RM900 ribu sahaja. Tetapi tanggungjawab seorang jurutera profesional adalah untuk sepanjang hayat bangunan dan sebarang masalah yang timbul dari bangunan tersebut akan melibatkan jurutera profesional.

Dengan itu saya menggesa pihak kerajaan supaya menyemak semula peruntukan bayaran profesional *fees* bagi pihak jurutera profesional supaya pihak jurutera profesional akan dapat ganjaran yang sewajarnya dengan tanggungjawab mereka. Izinkan pihak saya terlebih dahulu meminta maaf terhadap jurutera-jurutera kerajaan yang bersikap profesional kerana pihak saya terpaksa membawa perhatian kepada segolongan pihak jurutera kerajaan yang "pintar". Mereka telah "merugikan" para jurutera profesional yang bekerja di dunia swasta.

Melalui satu memorandum *Engineers Scale of Fees* dengan izin, di antara kerajaan dan jurutera perunding dan ditandatangani oleh Presiden BEM dan disetujui dan diwartakan pada tahun 1983 yang mengawal memorandum perjanjian di antara pihak perunding jurutera dan pihak kerajaan untuk kerja-kerja reka bentuk. Mereka telah salah menafsirkan memorandum tersebut.

Mereka berpendapat bahawa pihak perunding hanya akan mendapat 65% daripada profesional *fees* mereka setelah kerja reka bentuk disiapkan dan selebihnya apabila kerja-kerja pembinaan disiapkan. Sekiranya pihak perunding tersebut mengawasi kerja pembinaan tersebut, pada pendapat saya, untuk pihak perunding jurutera yang dilantik dan telah melaksanakan kerja-kerja reka bentuk, pihak perunding berhak untuk menuntut bayaran profesional yang sepenuhnya.

Memorandum tersebut mencadangkan peringkat pembiayaan iaitu pihak perunding berhak untuk menuntut yuran kerja reka bentuk pada tahap yang tertentu dan bukan dengan cara pembayaran seperti mana yang sedang dilaksanakan oleh jurutera-jurutera kerajaan tersebut. Dengan ini pihak saya menggesa pihak kerajaan untuk memastikan supaya pindaan terbaru ini akan memperketatkan lagi tafsiran tahap pembayaran ini supaya jurutera-jurutera swasta tidak mengalami kerugian tambahan.

Buat masa kini, pihak perunding hanya dilantik untuk kerja-kerja misalnya satu projek sahaja. Jika kerja-kerja pembinaan projek tersebut dijalankan, pihak perunding tersebut pihak saya akan juga dilantik untuk *supervise* dengan izin, dan akan tertakluk kepada memorandum perjanjian yang berlainan. Ini hanya merupakan satu amalan sahaja dan bukan satu keperluan projek.

Terdapat juga keadaan di mana kerja reka bentuk dan pengawasan kerja adalah oleh pihak perunding yang berlainan. Ini pada pendapat saya akan mendatangkan masalah di mana jika terdapat kemalangan di tapak, pihak perunding reka bentuk dan pengawasan kerja akan saling tuduh-menuduh. Dengan ini, pihak saya meminta agar peruntukan diadakan dipinda 2002 ini supaya pihak perunding jurutera yang melakukan kerja reka bentuk juga dilantik untuk kerja pengawasan.

Pihak saya juga mencadangkan pihak kerajaan untuk menggalakkan jurutera-jurutera kerajaan mengambil peperiksaan profesional kejuruteraan. Ini adalah untuk mengelakkan keadaan di mana jurutera kerajaan yang tidak mempunyai kelayakan profesional melulus atau mengulas *design* yang dikemukakan oleh jurutera profesional. Malah di majlis-majlis tempatan yang kecil, disebabkan oleh kekurangan jurutera-jurutera kerajaan, terdapat pembantu teknik atau *technician* mengulas reka bentuk yang dikemukakan oleh jurutera profesional. Keadaan sebegini akan menjejaskan tahap profesionalisme jurutera-jurutera tempatan.

Dengan itu saya mencadangkan supaya Pindaan 2002 ini mengambil kira keadaan di mana reka bentuk yang dihantar dan dikemukakan jurutera profesional hanya boleh diluluskan ataupun diulas oleh seorang jurutera profesional yang lain. Saya juga menggalakkan pihak kerajaan hanya melantik jurutera-jurutera profesional ke tahap *superscale* ataupun menjadikan kelayakan profesional sebagai satu keperluan untuk pelantikan pangkat jurutera kerajaan.

Pada keseluruhannya pihak saya menyokong Pindaan 2002 kepada Rang Undang-undang Jurutera. Sebagai seorang jurutera profesional serta mewakili semua jurutera tempatan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana sudi mengkaji serta memperbaiki Akta Jurutera untuk kebaikan bidang kejuruteraan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Seputeh.

**12.30 tgh.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pindaan terhadap Akta Pendaftaran Jurutera 1967 merupakan pindaan yang telah lama dinanti-nantikan oleh jurutera di Malaysia yang berkeinginan mempelbagaikan perniagaan dan urusan syarikat mereka, dan mengehendaki syarikat mereka disenaraikan di bursa saham.

Saya difahamkan bahawa pindaan terhadap rang undang-undang ini telah pun dicadangkan selepas pembentukan WTO, apabila Yang Berhormat Datuk Amar Leo Moggie memegang jawatan Menteri Kerja Raya. Tetapi kenapakah pindaan ini dilewatkan begitu lama sehingga hari ini, dan dengan sedihnya pindaan terhadap akta ini gagal menjadikan Malaysia lebih kompetitif dengan *standard* dan taraf WTO.

Saya ingin menarik perhatian Dewan ini terhadap seksyen baru Seksyen 7B yang membolehkan amalan pelbagai disiplin ditubuhkan. Amalan pelbagai disiplin ialah amalan yang memberikan perkhidmatan kejuruteraan dan juga perkhidmatan seni bina dan/atau ukur bahan. Soalan saya terhadap seksyen baru ini adalah, kenapakah syarikat yang tertakluk di dalam akta ini hanya dibenarkan memberi 30% saham kepada orang yang bukan terdiri daripada profesion kejuruteraan, seni bina dan ukur bahan. Bukankah 30% ini terlalu kecil bagi sesebuah syarikat yang ingin mendapat permodalan baru daripada orang awam melalui bursa saham?

Macam manakah syarikat kejuruteraan kita boleh disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur memandangkan pemegang saham dihadkan kepada mereka yang mempunyai kelayakan daripada ketiga-tiga bidang ini sahaja? Apakah ini bermaksud bahawa setiap orang yang membeli saham daripada syarikat kejuruteraan ini dikehendaki untuk membuktikan bahawa beliau mempunyai kelayakan daripada ketiga-tiga bidang ini?

Negara kita sedang menggalakkan rakyat Malaysia untuk mengeksportkan perkhidmatan profesional kita, khususnya pada waktu Malaysia menyertai WTO, AFTA dan APEC. Tetapi dengan pengehadan profesional kepada kejuruteraan, seni bina ataupun *architecture* dan juru ukur bahan, macam manakah syarikat kejuruteraan kita boleh menjadi syarikat yang memberi perkhidmatan profesional pelbagai disiplin apabila disiplin profesional yang lain dikecualikan untuk menjadi pemegang saham syarikat berkenaan?

Dengan pengehadan dari segi pemegangan saham, macam manakah sesebuah syarikat *consultancy* kejuruteraan boleh mendapat modal daripada orang awam dan menjadi sebuah syarikat pelbagai disiplin yang *major*, yang bertaraf dunia yang mana mempunyai *turnover* berjuta-juta U.S. dollar setiap tahun seperti syarikat Bechtel, Forser Wheeler, Fluor Daniel International, Chiyoda, J.G.C dan lain-lain, yang sedang memonopoli industri petrol, gas, petrol-kimia di Malaysia.

Syarikat Malaysia pasti tidak mungkin mencapai taraf dan status seperti syarikat-syarikat tersebut dengan adanya akta seperti ini. Apa yang lebih teruk adalah semasa syarikat Malaysia menghadapi pengehadan seperti apa yang disebutkan di atas, syarikat asing pula dibenarkan untuk masuk ke Malaysia dengan peraturan pintu terbuka di dalam WTO. Macam manakah syarikat kita boleh bersaing dengan syarikat-syarikat asing ini? Akta ini menjadikan undang-undang kita merupakan musuh kita yang paling teruk dan kita menembak kaki kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kerajaan telah keliru dengan objektif untuk meminda akta ini. Bukankah pindaan terhadap akta ini adalah untuk memenuhi kehendak WTO yang dianggotai oleh Malaysia? Tetapi mengapakah kerajaan masih memasukkan halangan seperti ini di dalam pindaan terhadap akta ini? Kerajaan mestilah faham, seseorang jurutera bukan sahaja boleh dan mampu menjadi jurutera sahaja tetapi dia juga boleh menjadi seorang peniaga dan usahawan.

Contohnya, syarikat Boeing yang mengeluarkan kapal terbang dan syarikat Proton yang menghasilkan kereta. Pemegang saham mereka bukan sahaja terdiri daripada jurutera tetapi ia juga terdiri daripada pemegang saham yang lain, yang mana terdiri daripada orang awam. Jadi pindaan terhadap Akta Jurutera ini adalah amat mengelirukan.

Sehubungan dengan itu saya juga ingin bertanya syarikat perunding kejuruteraan Malaysia, Rahnill Bersekutu, telah pun menjadi sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Dengan pindaan terhadap akta ini, yang mengenakan pegehadan dari segi pemegangan saham, apakah kerajaan sekarang menganggap syarikat ini merupakan syarikat *consultancy* ataupun hanya kontraktor yang tidak tertakluk di bawah kuasa akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kerajaan mengenai pindaan terhadap Fasal 15 dalam rang undang-undang ini, yang merupakan seksyen baru 10B dalam akta, iaitu *Registration of Accredited Checker*. Soalan saya adalah, bilakah ia akan diadakan dan siapakah yang boleh menjadi "*accredited checker*"? Idea untuk mewujudkan *accredited checker* ini wujud selepas berlakunya tragedi Highland Tower. Kenapakah kehendak *accredited checker* ini diadakan begitu lama, begitu lewat dan apakah tugas yang akan dilaksanakan oleh *accredited checker* ini?

Fasal 10B (l)(b) menyatakan bahawa seseorang *accredited checker* mestilah mempunyai sekurang-kurangnya pengalaman selama sepuluh tahun dari segi reka bentuk dan pembinaan bangunan, seperti yang termaktub dalam *Street, Drainage and Building Act 1974*. Soalan saya adalah kenapakah tugas *accredited checker* ini hanya dihadkan kepada kejuruteraan struktur sahaja?

Bangunan moden yang mempunyai ciri-ciri ICT ini mengehendaki perkhidmatan elektrik dan mekanikal yang berkualiti untuk memelihara bangunan, khususnya terhadap perkhidmatan elektrik dan perkara yang mengancam nyawa kita, seperti kebakaran. Kenapakah tiada *accredited checker* terhadap perkara yang lebih daripada *structural engineer* memandangkan pemodenan teknologi telah menyebabkan perkara-perkara lain menjadi sama-sama bahaya terhadap manusia yang duduk dalam bangunan berkenaan.

Akhirnya saya juga ingin bertanya, selepas berlakunya tragedi *Highland Towers*, kenapakah negara kita masih penuh dengan bangunan yang gagal memenuhi kehendak dan *standard* dunia? Apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan taraf ada juga profesionalisme negara kita. Sekian, terima kasih.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** [Bangun]

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Shah Alam.

**12.33 tgh.**

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk turut serta membahaskan suatu akta untuk meminta Akta Pendaftaran Jurutera 1967.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah pun mengemukakan rang undang-undang ini untuk memperkuat dan memperkukuhkan profesion kejuruteraan di dalam negara kita sesuai dengan tuntutan cabaran yang kita hadapi pada dewasa ini.

Dan salah satu penekanan yang diberi kepada pemindaan kepada Akta Pendaftaran Jurutera 1967 ini ialah, untuk menentukan *professional development* yang berlaku di dalam negara yang pesat membangun ini akan memberikan manfaat yang seluasnya kepada Malaysia. Dan saya rasa bahawa penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri dalam pindaan Rang Undang-undang Juruukur Bahan yang terdahulu pada pagi ini terhadap *multi-service corporate body* yang telah pun diperjelaskan, saya ingat Yang Berhormat dari Seputeh tadi dia tidak masuk Dewan, dia tidak berapa faham dengan perkara yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sudah menjelaskan.

Akhirnya soal pertanggungjawaban – *the accountability*, kepada *professional body* ini tertanggung kepada profesion, dia bukan hanya untuk buat kepada asas keuntungan. Tetapi nampaknya Yang Berhormat dari Seputeh tadi beberapa kali menyebut supaya kalau syarikat yang boleh disenaraikan memberikan keuntungan yang banyak, maka itu yang hendak ditumpukan. Jadi saya ingat Yang Berhormat dari Seputeh ini dia pinjam teks orang, dia baca sahaja dari situ, dia tidak faham isu yang dia baca. Lain kali semaklah, jangan orang suruh baca, baca. Ikut seronok sendiri sahaja.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Seputeh bangun.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Saya sengaja hendak kacau dia fasal lawa sangat pagi ini. [Ketawa]

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Jadi Yang Berhormat bagi Shah Alam, adakah Yang Berhormat mendengar teks penuh sayakah? Saya mengaku yang saya tidak berada di dalam Dewan semasa Yang Berhormat Menteri memberi jawapan berkaitan akta ini tadi. Tetapi *point* yang saya bangkitkan itu adalah satu perkara yang sangat diperhatikan, sangat diambil berat oleh para jurutera dan syarikat kejuruteraan Malaysia. Apakah salahnya saya membangkitkan *point* ini? Adakah Yang Berhormat bagi Shah Alam bersetuju *point* saya dan sekarang *highlight*kan perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri melalui saya? Terima kasih.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Saya nampak Yang Berhormat bagi Seputeh ini bertambah semangatnya fasal ada *partner*, Yang Berhormat bagi Batu Gajah sudah boleh masuk Dewan. Jadi ucapkan tahniah. Jangan harap Dewan yang akan datang pun boleh terus sahaja, jangan kena buang Dewan lagi ya.

Saya dengar dengan begitu jelas dan nyata mukadimah ucapan Yang Berhormat bagi Seputeh membahaskan rang undang-undang ini, Yang Berhormat bagi Seputeh menyebut bahawa kerajaan mengambil masa yang begitu lama untuk membentangkan pindaan rang undang-undang ini dalam. [Disampuk]

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [Bangun]

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** .... nantilah, bagilah saya menjawab, sudah bertanya. Dalam Dewan ini kononnya kerajaan terpaksa melakukannya kerana desakan daripada WTO – *World Trade Organization* punya *liberalization*, dan WTO ini untuk memberikan kita punya *professional services* dalam negara ini - siapa pun boleh menawarkan perkhidmatan profesional.

Tadi Yang Berhormat Menteri pun sebut bahawa dalam pindaan rang undang-undang ini dengan *corporate body* ini, adalah untuk memberikan kekuatan kepada profesional dalam negara ini – arkitek, *engineer*, juruukur bahan dan juga dengan profesional yang lain, seperti akauntan ataupun *lawyer*, boleh bergabung di dalam satu *corporate body*, menawarkan perkhidmatan ini bukan hanya dalam negeri tetapi juga di luar negara. Tetapi Yang Berhormat dari Seputeh ini, dia menyebut bahawa ianya menghalang kepada perkembangan perniagaan, itu yang tidak betul. [Disampuk] Tidak payahlah, saya sudah jelas jawabannya. Tuan Yang di-Pertua, ....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [Bangun]

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** ....duduk, cukup, cukup. Lain kali jangan baca *prepared text*, buat teks sendiri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Duduk, duduk. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila Yang Berhormat dari Seputeh duduk.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, salah satu perkara yang saya amat tertarik di dalam memperkuatkan Akta Pendaftaran Jurutera ini bahawa ada kuasa untuk mewujudkan pemeriksa bertauliah, dan apa yang saya khuatir, Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan setiap bangunan yang berumur 10 tahun hendak disemak. Tetapi setahu saya kalau, dengan izin, *lifespain* kepada bangunan ini, *didesign* betul-betul, dia tentu boleh menjangkau lebih 10 tahun.

Cuma saya takut bila ada syarat bangunan-bangunan sepuluh tahun ini, kita hendak tahu bangunan yang bagaimana? Adakah bangunan yang ada kepada kepentingan awam ataupun bangunan-bangunan yang telah pun diklasifikasikan dari segi keselamatan, adakah dengan izin, satu syarat yang dikemukakan supaya ada *priority* terhadap bangunan ini, kerana kos untuk melakukan pemeriksaan kepada setiap bangunan yang berumur 10 tahun ini, saya fikir akan menanggung kos yang agak besar juga.

Dan saya fikir bahawa tidak guna kita mewujudkan satu badan ataupun pemeriksa yang bertauliah tetapi tidak dapat menjalankan tanggungjawab ini dengan berkesan kerana sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa pengalaman daripada Highland Towers itu memerlukan pewujudan kepada pemeriksa bertauliah.

Saya yakin bahawa setiap bangunan yang diluluskan, terutama bangunan yang di bawah kawal selia oleh Pihak Berkuasa Tempatan, tentulah telah melalui beberapa proses pemeriksaan dan juga daripada segi kawal selia. Dan saya harap supaya pemeriksaan bertauliah yang ada diperuntukkan di dalam pindaan ini dapat dihuraikan dengan lebih terperinci supaya pelaksanaannya akan memberikan manfaat yang sepenuhnya kepada pindaan.

Dari segi jawatankuasa siasatan yang perlu ditubuhkan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam pindaan rang undang-undang, saya amat mengalu-alukannya, cuma saya fikir Yang Berhormat Menteri perlu menyemak balik dia punya *minimum* denda ini daripada RM10,000 – RM50,000 ini. Saya ingat kalau bangunan runtuh ataupun satu-satu kemalangan yang berlaku, dia punya *liability* akan menyebabkan bukan hanya harta benda tetapi nyawa manusia juga akan terlibat. Saya fikir bahawa dari segi *deterrent perspective* ini harus diambil kira. Yang penting supaya pihak yang *accredited or* pendaftaran kepada jurutera sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua *approaches* untuk kita menjadikan kita ini seorang jurutera, ada *practising engineer*. Tadi sahabat saya dari Ipoh Barat ada menekan supaya dalam *professional body* untuk menggalakkan supaya jurutera-jurutera yang *graduate engineers* ini untuk mendapat taraf jurutera profesional kepada badan-badan yang diiktiraf seperti IAM.

Saya lihat bahawa dalam *Board of Engineers of Malaysia* ini dalam *professional development* ini adalah merupakan satu ruang juga untuk menyediakan prasarana supaya *graduate engineers* ini boleh didedahkan dan akhirnya dapat menjalankan tanggungjawab sebagai seorang jurutera profesional yang akan dapat terus membantu kita untuk membangunkan negara kita ini dengan lebih berkesan dan akhirnya akan mencapai matlamat kita untuk menjadikan Malaysia ini sebagai negara maju pada tahun 2020.

Jadi saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan dan saya menyokong terhadap pindaan Rang Undang-undang Akta Pendaftaran Jurutera 1967. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Setiu. Dan selepas Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

12.49 tgh.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara. Yang pertamanya saya rasa Rang Undang-undang Akta Pendaftaran Jurutera 1967 ini sememangnya dan sepatutnya dibentangkan ataupun diluluskan oleh Dewan ini lama dahulu lagi, kerana kedudukan negara kita yang tentunya terdedah dan akan bersaing dengan negara-negara yang sedang membangun yang lain. Jadi saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Seputeh sebab kita sebenarnya lambat sangat.

Yang keduanya, saya fikir Yang Berhormat bagi Shah Alam agak terkeliru dengan pandangan rakan saya bagi Seputeh tadi, sebab kita memang, kita sebut soal pertanggungjawaban memang saya setuju bahawa pertanggungjawaban itu perlu diberi kepada majoriti *shareholders*, tetapi kalau kita hendak menarik pelabur-pelabur ataupun pihak ketiga untuk melabur di dalam syarikat kita yang kita akan bersaing di peringkat *international*.

Umpamanya, mungkin *funder* tersebut memerlukan kepada lebih daripada 30%; apatah lagi kalau kita mahu mengapungkan ataupun menjadikan syarikat jurutera ini sebagai syarikat yang akan didaftar di Bursa Saham, tentunya pihak Bursa Saham nantinya akan *restructure* balik dan ini akan memberi lebih kuasa kepada pemegang-pemegang ataupun kepada pihak-pihak yang akan melabur di dalam syarikat tersebut. Kerana kita tahu dalam keadaan sekarang ini untuk menjadi sebuah syarikat yang kompetitif perlunya kepada *software* ataupun kepada ICT yang lebih *sophisticated* yang mana memerlukan kepada pelaburan yang besar.

Saya nampak sehingga hari ini memang syarikat kejuruteraan kita tidak mampu bersaing di peringkat antarabangsa dan saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sejauh manakah keupayaan kita untuk mengeksport jurutera-jurutera kita dan kepakaran kita keluar. Walaupun mungkin daripada sudut fizikalnya kita telah mempunyai bangunan tertinggi di dunia, jambatan terpanjang, jalan terhebat tetapi tol tertinggi, bangunan termahal dan ini menjadikan kita tidak kompetitif. Kalau hendak dibandingkan dengan Thailand pun kita sudah kira lebu raya Thailand jauh lebih baik tetapi mereka tidak mempunyai tol seperti mana yang berlaku di negara kita.

Kemudian yang keduanya, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Dato' Menteri berhubung dengan apakah mekanisme yang digunakan oleh pihak kerajaan untuk memastikan bahawa berlakunya *transfer of technology* kepada syarikat-syarikat kejuruteraan yang membawa masuk kepakaran-kepakaran mereka ke dalam negara kita dalam membina projek-projek besar kita umpamanya yang menyebabkan apabila syarikat kejuruteraan tersebut balik ataupun habis projek tersebut bahawa teknikal *know-how* ini dapat di *transfer* kepada jurutera tempatan dan jurutera tempatan mampu membina kepakaran masing-masing yang kemudian kita boleh eksport ke negara-negara membangun yang lain seperti kawasan-kawasan di Afrika, Amerika Latin dan seumpamanya.

Kemudian yang ketiga, berhubung dengan denda. Yang ini mungkin saya boleh bersetuju dengan rakan saya bagi Shah Alam sedikitlah. Denda kepada projek-projek yang dianggap gagal yang dibuat oleh jurutera-jurutera kita yang nampaknya apabila sesuatu projek itu gagal masing-masing menuding jaring kepada pihak-pihak yang dianggap bertanggungjawab dan tidak mengaku tanggungjawab masing-masing. Ini akan menjadi lebih parah lagi apabila *multidiscipline* kepada syarikat-syarikat jurutera nanti.

Mungkin arkitek akan marah dan mengatakan kepada juruukur bahan, juruukur bahan akan berkata kepada *design engineer* dan seumpamanya. Ini memerlukan kepada satu denda yang saya fikir kena dikaji semula, sebab kita lihat bahawa projek-projek umpamanya macam di PULAREK; dan kalau di Terengganu satu projek yang cukup menarik ialah di kawasan saya di Merang iaitu membuat *water break* jeti ke Pulau Redang melibatkan belanja lebih daripada RM13 juta, akhirnya *break water* tersebut bukan berada di laut tetapi duduk di darat.

Dengan RM13 juta itu tidak ada siapa pun yang bertanggungjawab dan saya difahamkan bahawa *design* itu asalnya daripada luar negara. Dan perkara yang sama juga berlaku kepada beberapa projek kerajaan yang melibatkan soal keretakan

bangunan dan satu yang cukup menonjol seperti mana yang kita ketahui ialah yang berlaku kepada Highland Towers yang sehingga hari ini keputusannya kita dapati agak lambat.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, ialah ingin..

**Tuan Saupi bin Daud:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, sila.

**Tuan Saupi bin Daud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya daripada Setiu. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat mengenai kejayaan jurutera kita umpamanya pada bulan yang lepas, dipaparkan lima orang jurutera daripada UPM telah berjaya menggondol pingat emas ataupun *gold medal* di Geneva mengenai dengan ciptaan-ciptaan baru yang telah direka cipta oleh pakar-pakar jurutera dan juga pensyarah yang profesional daripada UPM.

Tetapi malangnya saya melihat bahawa walaupun mereka mencapai pingat emas di peringkat antarabangsa tetapi dari segi pelaksanaan ciptaan mereka, umpamanya suatu perkara yang menarik perhatian ialah mengurangkan ataupun menurunkan nilai kos pembinaan tar di Malaysia untuk pembinaan jalan, di mana tar dicampur dengan pelepah ataupun batang kelapa sawit.

Ini suatu ciptaan dan suatu perkara yang membanggakan tetapi dari segi pelaksanaannya pihak yang mencipta telah bergabung dengan syarikat daripada Amerika Syarikat untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut. Jadi mengapa hasil-hasil daripada ciptaan jurutera kita ini iaitu jurutera tempatan tidak diambil peluangnya oleh pihak ataupun syarikat-syarikat yang besar di negara ini? Jadi, saya minta pandangan sahabat saya.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih sahabat saya bagi Tanah Merah. Yang menjadi masalah kita ialah ramai sebenarnya di kalangan jurutera-jurutera tempatan yang berkebolehan tetapi seperti mana yang kita ketahui satu yang aneh di Malaysia ini hasil daripada kajian tempatan dan hasil daripada *proposal* oleh jurutera tempatan jarang diterima pakai oleh pihak kerajaan.

Kerajaan lebih berminat untuk memakai daripada luar dan dengan sebab itu mungkin sebahagian daripada projek kita sepatutnya harga yang murah mungkin menjadi bertambah mahal. Jadi, ini saya ingat Menteri akan menjawabnya nanti.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit bahawa di dalam *multidiscipline* ini satu disiplin yang saya rasa yang kita kadang-kadang tertinggal ialah berhubung dengan perlunya kepada kajian ataupun *input* daripada yang paling *basic* itu kalau dalam bangunan, lebuh raya atau jalan raya kepada soal tanah itu sendiri. Sebab saya melihat kepada *multidiscipline* ini walaupun termasuk jurutera bahan, jurutera *mechanical*, jurutera *electrical* dan seumpamanya termasuk arkitek, tetapi yang jarang kita sentuh ialah berhubung dengan soal yang paling *basic* iaitu soal tanah. Sebab apa-apa pembangunan pun mesti di atas tanah.

Ini memerlukan kepada satu *input* iaitu daripada Institut Geologi Malaysia. Saya fikir ini tidak termasuk dalam perbincangan kita. Saya sebut perkara ini sebab saya melihat bahawa banyak *failure* atau banyak daripada kegagalan yang berlaku ialah berpunca daripada kurangnya kajian kita berhubung dengan kedudukan tanah dan *foundation* sesuatu kawasan.

Saya mengambil contoh Highland Towers umpamanya. Antara sebab yang berlaku ialah kerana berlakunya *underground water trap* iaitu kesan daripada terperangkapnya air bawah tanah dan ini menyebabkan berlakunya *failure* kepada sistem tanah itu sendiri dan ini boleh menyebabkan berlakunya keruntuhan kepada bangunan.

Yang keduanya soal pembinaan lebuh raya, termasuklah Lebuh Raya Timur Barat yang dibina sebenarnya di atas zon yang lemah termasuk yang dikatakan sebagai zon "sesau" (*faulty zone*). Ini juga menyebabkan apabila *design* itu dibuat tanpa melihat kepada *cleavage* kepada *structure* tanah dan seumpamanya menyebabkan boleh berlaku keruntuhan kepada seluruh sistem jalan raya tersebut.

Ini saya minta pihak Menteri sebagai Menteri yang bertanggungjawab supaya melihat satu *input* yang saya rasa cukup penting iaitu dari soal kajian tanah itu sendiri. Kebanyakan daripada bangunan dan jalan yang dibuat ialah berdasar kepada *report*,

hanyalah daripada *soil study* semata-mata, tanpa melihat kepada *bedrock* ataupun batuan asas kepada satu-satu kawasan itu.

Jadi, itulah ucapan saya terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

**12.58 tgh.**

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara berhubung dengan Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2002 ini. Pada asasnya Pindaan Akta Pendaftaran Jurutera yang dibentangkan ini akan dapat membangunkan keupayaan bersaing dalam profesion kejuruteraan. Walau bagaimanapun, pada dasarnya keseluruhan pindaan Akta Pendaftaran Jurutera 1967 yang dibentangkan ini dapat memperjelaskan lagi fungsi lembaga serta meluaskan kuasa bersesuaian dengan perkembangan semasa. Seperti yang sedia maklum kemajuan dalam penggunaan *information communication technology* serta arus pembangunan teknologi yang cepat telah membawa perubahan yang amat mendadak dalam amalan kejuruteraan negara ini.

Persaingan dengan pembekal perkhidmatan profesional daripada luar negara perlu ditandingi oleh profesional tempatan. Oleh itu kebenaran penggabungan profesional jurutera, arkitek, juruukur bahan dalam satu syarikat untuk membekalkan perkhidmatan *multidiscipline* serta membenarkan pemilik ekuiti 70% kepada profesional dan dibuka 30% kepada lain-lain akan memberi peluang kepada syarikat untuk bersaing. Walau bagaimanapun, demi menjaga tahap perkhidmatan yang berkualiti, hanya jurutera, arkitek dan juru-ukur bahan berdaftar dan profesional sahaja dibenarkan memegang jawatan sebagai pengarah dalam syarikat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri boleh sambung pada petang ini?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Menteri menyambung jawapan. Silakan.

**2.30 ptg.**

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, bersaing dengan pembekal perkhidmatan profesional dari luar negara perlu ditandingi oleh profesional tempatan. Oleh itu kebenaran penggabungan profesion jurutera, arkitek, juruukur bahan dalam satu syarikat untuk membekalkan perkhidmatan *multidiscipline* serta membenarkan pemilik ekuiti 70% kepada profesional dan dibuka 30% kepada lain-lain akan memberi peluang kepada syarikat untuk bersaing. Walau bagaimanapun demi menjaga tahap perkhidmatan yang berkualiti hanya jurutera, arkitek dan juruukur bahan berdaftar dan profesional sahaja dibenarkan memegang jawatan sebagai pengarah syarikat. Kuasa lembaga dan mengakreditasi program kejuruteraan agar setanding dengan pengiktirafan akademik kejuruteraan luar negara akan membolehkan program

kejuruteraan tempatan diiktiraf di luar negara dan ini memberi peluang kepada jurutera, siswazah tempatan mendapat pekerjaan di luar negara. Keselamatan orang awam adalah menjadi faktor utama dan diberi kepentingan.

Pindaan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya akan jawab lagi sedikit jam ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, dia tidak bagi. Yang Berhormat Seputeh, sila duduk.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya ada lagi, Yang Berhormat punya ada Yang Berhormat panjang lagi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila, sila.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Setiap jurutera mesti melalui sistem pembangunan, pembelajaran berterusan - *continuous professional development* bagi memastikan perkhidmatan yang diberi adalah yang terbaik di negara ini. Sistem ini juga akan meningkatkan kebolehan serta kecekapan (*skill*), dengan izin, jurutera tempatan sebagai persediaan diri menghadapi globalisasi dan liberalisasi di mana persaingan di pasaran dunia di bawah WTO akan memberi tekanan kepada Malaysia pada satu hari nanti.

Demi keselamatan orang ramai, pindaan akta ini juga telah menetapkan hanya orang-orang yang berkelayakan dan berdaftar boleh menjalankan tugas sebagai pemeriksa bertauliah, *accredited checkers*, dengan izin. Pemeriksaan bertauliah ini layak menjalankan pemeriksaan ke atas bangunan yang telah dibina melebihi dari 10 tahun sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menjawab beberapa perkara telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh telah membangkitkan masalah dalam yuran pembayaran perkhidmatan jurutera. Masalah yang dibangkitkan tidak berkaitan dengan cadangan pindaan akta tempatan sekiranya Yang Berhormat mempunyai masalah, sila kemukakan kepada saya, saya akan merujuk kepada perkara ini kepada Lembaga Jurutera Malaysia untuk mengambil tindakan yang sewajar untuk mengatasi masalah Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya suka menjawab kepada Yang Berhormat bagi Seputeh. Yang Berhormat bagi Seputeh membentangkan kepada saya kenapakah pindaan akta ini lewat dibentangkan? Soalan yang baik, tapi jawapan pun sedap juga.... *[Ahli Yang Berhormat lain menyampuk]* Perubahan senario yang melibatkan amalan profesion kejuruteraan adalah sangat pesat.

Faktor-faktor seperti liberalisasi dan globalisasi berkembang pesat. Perkembangan teknologi dan ICT menjadikan pindaan ini sangat kritikal. Sebenarnya langkah untuk meminda akta telah lama diambil oleh kementerian, walau bagaimanapun ianya mengambil masa yang lama untuk menyiapkan kerana ada beberapa sebab.

Yang pertama Tuan Yang di-Pertua, perundingan dengan semua pihak yang terlibat di dalam industri ini perlu dibuat dan diselesaikan sebelum akta ini dibentangkan di dalam Parlimen.

Yang kedua, pihak-pihak yang telah dirundingkan ialah Persatuan Pembinaan Institusi Pengajian Tinggi dan persatuan-persatuan profesional yang mewakili profesional, disiplin-disiplin yang lain.

Yang ketiga, perhatian perlu diberikan supaya ianya mematuhi amalan antarabangsa dan pandangan serta teguran telah diambil kira di dalam memuktamadkan akta ini sebelum ia dibentangkan dalam Parlimen.

Yang Berhormat bagi Seputeh sahaja juga meminta beberapa soalan lagi dalam ucapan beliau antaranya mengapakah tugas-tugas *accredited checkers* hanya dihadkan kepada jurutera bangunan, bukannya kepada jurutera elektrik dan mekanikal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat tengoklah sini [Memanggil Yang Berhormat bagi Seputeh supaya memandang ke arahnya] [Dewan riuh seketika].

Pindaan akta ini diberikan tumpuan kepada struktur bangunan sahaja. Pembinaan bangunan termasuk geoteknik untuk diadakan sistem pemeriksaan, bagi pemeriksaan ke atas kerja-kerja kejuruteraan elektrik dan mekanikal adalah di bawah akta lain seperti akta jabatan bekalan elektrik, akta suruhanjaya tenaga dan sebagainya.

Yang Berhormat bagi Setiu dan.....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Seputeh ya, sila, sila.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Boleh, boleh, berapa kali pun boleh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri belum lagi jawab soalan saya, mengenai kenapakah, mungkin jawapan itu telah diberi dalam perbahasan dalam akta yang lepas tapi yang penting adalah akta ini, kenapakah syarikat hanya terhad kepada beberapa disiplin iaitu jurutera, senibina dan ukur bahan.

Mereka hanya dibenarkan untuk memegang 70% saham walaupun Yang Berhormat Menteri tadi berkata bahawa ini untuk meningkatkan keberkesanan profesionalisme syarikat itu. Tetapi macam mana syarikat kejuruteraan itu boleh disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Macam saya, saya bukan seorang jurutera, bolehkah saya beli saham syarikat kejuruteraan itu.

Jadi ini yang jadi masalah, meningkatkan profesionalisme sesebuah syarikat kejuruteraan itu adalah penting tetapi kalau tidak cukup wang, macam mana boleh bersaing dengan syarikat-syarikat jurutera yang lain di dunia?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum buka pintu dia sudah masuk dalam rumah. Ada lagi...[Ketawa] Apa yang saya katakan tadi, ada juga separuh ucapan dari Yang Berhormat bagi Setiu dan Yang Berhormat bagi Seputeh bersama, oleh kerana itu saya jawab bersamalah.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat bagi Seputeh telah meminta saya, kenapa syarikat-syarikat amalan berbagai disiplin membenarkan maksimum 30% sahaja daripada, sahamnya dipegang oleh mereka yang bukan daripada profesional kejuruteraan ukur bahan dan senibina iaitu *non-professional*.

Adakah 30% terlalu kecil bagi syarikat berbagai amalan yang ingin mendapat permodalan baru dan ingin disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur? Jawapan itu Tuan Yang di-Pertua, iaitu seksyen baru 7(b) bertujuan untuk mengekalkan tahap profesionalisme dalam syarikat amalan berbagai disiplin yang ditubuhkan bagi tujuan ini.

Kadar minimum 70% ditetapkan sebagai had penyertaan bagi jurutera, arkitek dan juruukur bahan, namun cadangan pindaan ini tidak berhasrat untuk menghalang penyertaan orang awam serta orang yang bukan daripada profesion iaitu jurutera, arkitek dan juruukur bahan. Kadar 30% sebagai had penyertaan bagi orang tersebut memadai bagi menggalakkan penyertaan mereka serta menjamin mutu profesionalisme syarikat berbagai disiplin.

Di samping itu kadar 30% memadai bagi mendapat permodalan baru bagi syarikat berbagai disiplin yang ingin disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Jika orang awam orang daripada profesion selain daripada jurutera, juruukur bahan dan arkitek diberi pegangan saham lebih 30% dalam syarikat amalan berbagai disiplin, mereka ini akan mempunyai kuasa dalam syarikat-syarikat yang mengutamakan keuntungan mutu profesionalisme syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil ucapan daripada Yang Berhormat bagi Setiu dan Yang Berhormat bagi Shah Alam, cadangan supaya

diadakan sistem denda kepada projek-projek yang gagal ini kerana tiada siapa yang bertanggungjawab, jikalau projek gagal.

Tuan Yang di-Pertua, jurutera profesional yang bertanggungjawab untuk sesuatu projek yang gagal bukan sahaja boleh dikenakan denda tetapi juga dikenakan penjara atau kedua-duanya, denda dan penjara. Kami berpendapat bahawa hukuman tersebut memadai untuk menjamin keselamatan awam.

Yang Berhormat bagi Setiu juga meminta saya menjelaskan berkenaan dengan mekanisme di mana syarikat jurutera asing dibawa masuk untuk melaksanakan projek-projek besar dalam negara. Sejauh manakah *transfer technology* dan pengalaman kerja dapat dimanfaatkan oleh jurutera negara kita?

Jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Setiu, iaitu di dalam pindaan akta ini, kuasa lembaga termasuk kuasa untuk mendaftar jurutera asing, lembaga mempunyai kuasa untuk mengenakan syarat termasuk syarat untuk pemindahan teknologi. Yang Berhormat juga telah meminta saya, sejauh manakah keupayaan kita untuk mengeksport jurutera tempatan ke luar negara.

Keupayaan jurutera Malaysia adalah setanding dengan jurutera-jurutera antarabangsa. Beberapa negara telah memohon untuk meminta jurutera-jurutera Malaysia pergi ke negara mereka untuk bekerja. Jadi, saya boleh juga menjelaskan kepada Yang Berhormat beberapa buah negara. Pertumbuhan ekonomi yang pesat di dalam negara telah membolehkan para jurutera menikmati satu keadaan yang selesa dan dapat menceburi pelbagai projek bertaraf antarabangsa.

Oleh kerana kebolehan dan keupayaan jurutera Malaysia memajukan negara, jurutera kita telah diiktiraf setanding dengan jurutera antarabangsa apabila telah diterima untuk menganggotai dan juga *Engineers Mobility Forum* (EMF). Negara-negara lain yang menjadi anggota EMF adalah Amerika Syarikat, Britain, Japan, Australia, South Afrika dan hanya Malaysia merupakan wakil negara ASEAN, wakil negara ASEAN dalam *Engineers Mobility Forum*.

Untuk makluman Yang Berhormat, jurutera profesional Malaysia telah pun melibatkan diri dalam aktiviti pembinaan dan pembangunan yang pesat di India, di Sudan, di Afrika Selatan dan negara-negara Timur Tengah. Dalam bulan ini sahaja, saya akan melawat ke tiga buah negara. Yang pertama, India telah diminta untuk membuat kerja-kerja baru, satu di Colombo, iaitu negeri Ceylon. Lagi satunya, di.....sudah lupalah. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Sekejap, saya bagi tahu. *[Ketawa]* Jadi, ada juga banyak negara.....

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Menyampuk]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Haa, tidak apalah. Terus Yang Berhormat, ya. Dia hendak ikut sekali, bolehkah tidak Yang Berhormat? *[Ketawa]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Jadi, pada masa ini, terdapat banyak firma kejuruteraan Malaysia yang telah menubuhkan syarikat tersebut seperti yang telah saya terangkan tadi, pihak kerajaan telah menubuhkan *Professional Services Development Corporation* untuk mengenal pasti bidang perkhidmatan profesional yang dapat ditawarkan ke peringkat antarabangsa dengan lebih teratur dan global. Oleh kerana itu, Yang Berhormat dari Setiu, suka saya menerangkan kepada Yang Berhormat, banyak profesional sedang bekerja di beberapa tempat. Kita sudah sampai ke sempadan Amerika Syarikat, tahu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Waaaa.....!!

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Waaaa...!!

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Waaa...!!

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Kita bekerja di Jamaica sekarang. Tidak lama lagi, kita boleh juga menggunakan profesional kita di Amerika Syarikat - tidak lama lagi. Jadi, itu sahajalah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Berdiri lagi Yang Berhormat, hendak beri jalan. Ya, sila Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mungkin telinga saya kurang tajam. Saya masih belum dapat jawapan sama ada sesebuah syarikat kejuruteraan, sama ada boleh ia disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur ataupun tidak? Ini kerana, hanya 30% dibuka untuk orang awam dan juga saya tertanya-tanya mengenai Syarikat Ranhill Bersekutu. Adakah ia masih disenaraikan di BSKL, adakah syarikat itu masih dianggap sebagai syarikat kejuruteraan ataupun yang lain? Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, mengapa saya tidak jawab soalan Yang Berhormat itu tadi, oleh kerana jawapan yang sama sudah diberi dalam jawapan-jawapan yang lain. Pada masa itu, Yang Berhormat tidak ada di sinilah, boleh menyenaraikannya. Ada syarikatkah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** *[Ketawa]* Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Fasal 1 hingga 34** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum kita pergi kepada rang undang-undang seterusnya saya minta Menteri membawa usul.

## USUL

### **USUL BAGI MEMINDA SUSUNAN ATURAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 14(2)**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 14(2) Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2002 yang dijadualkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini sebagai no. 4 disenaraikan semula sebagai no. 18.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

## RANG UNDANG-UNDANG ARKITEK (PINDAAN) 2002

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.55 ptg.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu, Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 2002 dibacakan bersama-sama dengan Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2002, Rang Undang-undang Juruukur Bahan. Ini adalah perlu bagi membolehkan penubuhan amalan pelbagai disiplin, *multidisciplined practice* di mana arkitek, jurutera dan juruukur bahan dapat bergabung untuk memberikan perkhidmatan yang komprehensif seperti yang dicadangkan dalam Seksyen 7B yang baru ini, di bawah Fasal 10. Langkah ini akan dapat meningkatkan keupayaan para profesional tempatan dalam menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 2002 yang dibentangkan ini, bertujuan untuk memperkemas peruntukan yang sedia ada serta memperkenalkan beberapa seksyen baru selaras dengan kehendak dan perkembangan semasa bagi profesion seni bina dalam menghadapi cabaran masa kini. Ciri-ciri utama pindaan adalah seperti berikut.

Pindaan Seksyen 3 antara lain adalah untuk memastikan ahli-ahli lembaga yang dilantik oleh menteri adalah warganegara Malaysia. Pindaan kepada Seksyen 4(1) antara lain adalah untuk memberi kuasa kepada lembaga bertindak sebagai pemegang amanah harta iaitu, *stakeholder* dalam satu-satu kontrak perkhidmatan seni bina. Pindaan ini juga untuk membolehkan lembaga melantik mana-mana orang untuk menyasat sebarang pulangan akta.

Pindaan kepada Seksyen 15A pula adalah untuk meminda komposisi Jawatankuasa Penyiasatan dan Jawatankuasa Disiplin yang sedia ada bagi membolehkan prosedur disiplin dijalankan dengan lebih cepat dan efisien. Pindaan kepada Seksyen 33 adalah untuk menambah penalti daripada RM5,000 kepada RM50,000 terhadap mana-mana orang atau firma yang melakukan kesalahan di bawah akta untuk membolehkan lembaga melaksanakan fungsinya dengan lebih berkesan.

Seksyen 34A yang baru adalah untuk memberi kuasa kepada Lembaga Arkitek Malaysia atau Jawatankuasa Disiplin membatalkan pendaftaran mana-mana orang, firma perseorangan dan pertubuhan perbadanan yang berdaftar yang didapati gagal mematuhi sesuatu perintah atau keputusan yang dibuat oleh Lembaga Jawatankuasa Disiplin, Lembaga Rayuan atau menteri di mana berkenaan. Pindaan ini akan membolehkan lembaga menjalankan fungsinya dengan lebih berkesan lagi.

Seksyen 34B dan 34C yang baru adalah untuk membolehkan pegawai yang diberi kuasa iaitu, *authorized officer* - dengan izin - menyasat, menggeledah premis di mana dan merampas dokumen-dokumen berhubung dengan salah laku di bawah akta ini demi kepentingan awam, oleh kerana terdapat orang yang tidak berdaftar memberi perkhidmatan seni bina secara tidak sah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan-pindaan yang tersebut di atas, terdapat lain-lain pindaan kecil yang tidak disebut secara khusus kerana ia adalah pindaan sampingan yang bertujuan untuk memperkemas peruntukan yang sedia ada di dalam Akta Arkitek yang berkuasa sekarang. Dengan itu, saya mencadangkan, Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 2002 ini, diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Arkitek 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Ya, Batang Lupar.

**2.58 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lular]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja. Saya boleh mengatakan bahawa profesion arkitek adalah profesion yang menggambarkan seni dan kehalusan sesebuah negara. Ini kerana, kalau sebuah negara itu tidak mempunyai arkitek yang sempurna, kreatif dan imaginatif, gambaran yang akan kita tunjukkan kepada bangunan di negara itu juga adalah sama.

Jadi, di sinilah letaknya profesion arkitek ini untuk menunjukkan gambaran yang nyata daripada konsepsi yang diilhamkan di dalam minda seseorang manusia. Ini kerana, orang yang tidak mempunyai latihan yang sempurna sebagai arkitek, hanya boleh memikirkan soalan *functional*, satu-satu bangunan ataupun tempat. Tetapi, arkiteklah akan memberi semangat dan rupa bangunan tersebut ataupun karakter dengan izin, satu-satu bangunan ataupun rumah.

Di situlah maka kalau kita lihat, saya menggunakan Sarawak sebagai misalan, tahun 1965 dahulu kebanyakan rumah yang dibina rumah berasingan (*detached house*) dibina, kalau di Kuching ianya mempunyai satu ciri dan satu *design* sahaja iaitu dengan verandah yang bulat, di belakang rumah *style* orang Melayu dan sebagainya. Dan rumah ini apabila seorang itu hendak binakan rumah berasingan, gunakan *concrete material*, dengan izin, pihak majlis tempatan akan katakan "ini dia satu pelan yang telah diluluskan oleh pihak yang berkuasa tempatan dan mempunyai ciri-ciri yang boleh digunakan."

Semua orang datang ke majlis dapatlah pelan-pelan - pada masa itu tidak ada difotostat, yang diberi begitu sahaja oleh pihak majlis. Jadi, keluarlah semua rumah pada ketika itu tahun 1964, 1965, 1966 rumah berasingan dibuat secara demikian. Ini menunjukkan bahawa profesion arkitek belum lagi menular dalam masyarakat tersebut. Pada satu peringkat pada tahun 1980-an belum banyak lagi arkitek.

Yang bekerja hanya dengan jabatan kerajaan mungkin seorang ataupun dua dalam JKR, yang lain itu hanya *draughtsman*. *Draughtsman* ini pula bukan ada *imagination* kerana tidak ada latihan yang tertentu, dan mungkin dia buat *drawing* tidak konsisten dengan kehendak-kehendak seni bina ataupun kehendak-kehendak kejuruteraan yang lain.

Jadi, keluarlah bangunan-bangunan dua tingkat, bangunan-bangunan kedai, bangunan-bangunan rumah [*sambil menunjukkan isyarat*] berkandung dua macam ini *semi-detached*, rumah itu dibuat macam kita ambil dua sarang [*sambil menunjukkan isyarat*] - simpan dua, berkandung di sini, tebuk lubang, ada jendela, ada pintu dan sebagainya.

Jadi, nampaknya pembangunan profesion ini ada perubahan sedikit. Wujudlah bangunan-bangunan macam The Twin Towers yang begitu indah dan menjadi satu mercu tanda kepada negara kita.

Tetapi sebaliknya Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua sendiri sudah pergi macam Tuan Yang di-Pertua sebut tadi ke India, ke mana-mana tempat ada jurutera kita sudah berkhidmat, kalau kita bandingkan bandar-bandar kita masih banyak perlu diperbaiki. Arkitek seni bina kita mereka daripada konsep sampai kepada *drawingnya* sama ada ia daripada segi kecantikan, keunikan dan *functionalitynya* masih banyak perlu kita perbaiki.

Oleh kerana kalau kita lihat di negara-negara lain banyak bangunan yang begitu unik dan indah. Kadang-kadang arkitek kita ini banyak sangat di '*dictate*' oleh pihak pemaju dan pembina rumah. Pembina rumah kata kalau you buat macam ini mungkin *you have got to involve extra costs*, jadi jangan buat macam itu, buatlah yang senang sahaja - potong kiri, potong kanan sudah jadi, asal ada empat bilik, lima bilik itu cukuplah.

Tetapi dalam masa yang sama kalau di negara lain terutama kalau kita pergi ke Moscow umpamanya semua bangunan dibina pada tahun 1980-an dan 1990-an menggunakan ciri-ciri bangunan yang mungkin wujud 100 tahun dahulu, mungkin ini *additional costs involved*, tetapi dalam masa yang sama *character* bandar itu terbina oleh kerana pembinaan dan seni bina arkiteknya amatlah menarik, amat cantik sekali.

Jadi, begitu juga kalau kita pergi ke negara China, di mana-mana di negara China kita lihat *designnya* walaupun kondominium ataupun *apartment* yang murah, *apartment* yang mungkin untuk *masses* yang biasa, orang biasa, tetapi pakar *designnya* semua menunjukkan *artistic* yang menarik dan ada *characteristic* yang tersendiri. Tetapi di sini kalau dikatakan rumah murah, sampailah bila buka satu teres, simpan dekat atas, tebuk lubang kiri-kanan, itulah bangunan rumah. Tidak payah guna arkitek, saya pun boleh buat.

Tidak payah pergi universiti cari fizik, cari matematik, cari apa-apa benda pun di universiti, kalau suruh pergi ke rumah saya, saya akan tuliskan. Tidak payah caj 4%, 5% atau 6%. Jadi, di mana letaknya tugas dan tanggungjawab orang yang mengawal selia bangunan ini supaya menunjukkan seni bina, memberikan gambaran kepada negara Malaysia bahawa kita mempunyai profesional yang *specialist* macam arkitek ini yang berkualiti.

Jadi, kualiti pengeluaran kita tidak mungkin dapat disebut. Saya mungkin boleh bercakap sehari suntuk di sini soal ini. Tetapi apa yang saya sebut akan hilang begitu sahaja, hanya tertulis dalam surat. Tetapi kalau arkitek *translate what I said, drawing* itu, buatlah sebiji rumah, benda itu akan wujud beratus tahun. Begitulah umpamanya kita lihat *pyramids of Egypt* sampai sekarang menjadi satu kejutan, *the marvels of engineering*, macam mana mereka bina dahulu. Mungkin mereka senang buat.

Begitu jugalah kalau kita wujudkan satu seni bina yang baik, pereka yang baik, yang imaginatif, yang inovatif, yang kreatif membuat satu building yang *functional*, kita akan memberikan gambaran orang Malaysia yang imaginatif, kreatif dan tahu juga mengguna, di samping benda itu *functional*. Kerana kadang-kadang benda yang kita *design* tunjuk gambar wajah yang indah tetapi kurang *functional*, jadi dengan sendirinya *design* itu akan mendatangkan satu benda yang mahal, yang cantik tetapi tidak mendatangkan faedah yang dikehendaki.

Daripada segi inilah maka profesion ini yang mempunyai *specialists, knowledge and ability* sendiri, dengan izin. Lain daripada orang-orang lain, mungkin orang-orang peguam boleh menggunakan tata bahasanya mempengaruhi orang lain, tetapi arkitek boleh mempengaruhi minda dan perasaan orang lain dengan seni bina dan konsepnya sendiri. Jadi, ini mestilah dipelopori, mestilah digalakkan oleh pihak yang tertentu termasuk board yang duduk di sini semua disebut dalam garis panduan undang-undang baik sekali.

Saya lihat *architect consultancy services*, apa yang boleh dia buat - pelan, *conceptualization, research development, design buildings and environment*, semua lanskap arkiteknya - *hardscape, softscapenya* semua ini berkehendakkan arkitek. Jadi, kalau arkitek itu datang cuma dapat 4%, 5% daripada *constructive sum*, ini rugilah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu saya berharap penekanan kepada *beauty* ini, memang *beauty*lah *emphasis* kepada arkitek. Kerana memikirkan soal ketahanannya, keteguhan dan sebagainya akan difikirkan oleh pihak lain - *civil engineers*, daripada konsepnya dan *beauty*nya ini kerja arkitek. Kosnya memang kita tahulah, kalau buat cantik mestilah lebih kos sedikit. Macam kalau wanita hendak buat dia cantik sikit dia pasanglah *powderkah*, pasanglah *lipstick* kalau hendak buat cantik sikit. Jadi, *foundation cosmetic dressing* itu memanglah buatlah cantik. Kita kena beli kecantikan ini sedikit untuk menunjukkan *the beauty of our mind*. Itu yang pertama.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dalam ini memang ada *provision*, saya baca yang mana kalau satu-satu benda itu oleh kerana kesalahan pihak arkitek atau penyelewengan oleh pihak arkitek yang didaftar di negara ini, kerana kalau perkara itu berlaku pegawai dilantik di bawah akta ini boleh mengeledah cari, *seize* dan ambil benda-benda ini. Jadi, undang-undang ini memang sudah *forward-looking*, kita mesti melihat dalam keadaan industri dan *specialization of architectural drawing* ini.

Pada masa sekarang sudah boleh *contact big firms* di Amerika, telefon sahaja, *you* bagi *you* punya *development brief, what do you want and you just tell him what kind of aesthetic design* *you* hendak. *Those are the few brief outlines* *you* bagi, satu *development brief* berapa besar yang *you* hendak dan apa *aesthetic design* yang *you* hendak *you just sent a message. At the end of the week* *you* akan terima *conceptual drawingnya, layoutnya* semua dia boleh bina.

Dalam keadaan sedemikian, adakah benda ini boleh dikawal selia oleh undang-undang ini. Macam mana Lembaga ini mengawal selia yang mana kita boleh mendapatkan semua *drawing plan*, *conceptualization* sampai *planningnya* yang diberi daripada luar menggunakan Internet dan datang ke sini, *full drawing* semua boleh, hanya cari seorang arkitek, bagi cop dia, *submit* kepada *local authority*, selepas itu dua tiga hari lulus, kita bina. Jadi, mungkin *environment* berlainan, *foundation* berlainan, semua berlainan. Jadi, dalam keadaan sedemikian kita melihat dua perkara. Pertama ialah bagaimana canggihnya *you can get*, dengan izin, soal pembinaan *design* arkitek ini yang kita boleh buat macam mana yang dibuat di Eropah dan Amerika sekarang.

Jadi, apakah program kita supaya arkitek kita yang muda-muda daripada universiti mungkin sudah menggunakan ICT, IT, komputer dan sebagainya. Yang tua-tua mungkin sudah 20, 30 tahun kerja apa *retraining program*. Tadi saya tengok dalam *Quantity Surveyor* (QS) punya *amendment* ada disebut program latihan dan sebagainya. Apa latihan yang perlu kita buat untuk meningkatkan lagi profesion seni bina ini supaya dapat menandingi pihak-pihak seni bina di luar negara. Saya belum tahu sama ada the Twin Tower *designed* oleh pihak Malaysia.

Jadi, saya hendak laporan daripada Yang Berhormat kalau dapat sikitlah contoh supaya perasaan saya boleh mengatakan bahawa bangunan macam Twin Tower itu ataupun KL Tower itu *designed* oleh orang kita sendiri dan dibina oleh orang kita sendiri, kerana tiap-tiap benda yang berlainan kita terpaksa ke luar negeri.

Tetapi di Sarawak kalau benda-benda unik bangunan itu kita import arkitek kita dari luar Sarawak, dari Kuala Lumpur. Jadi, alhamdulillah, Hijaz Kasturi boleh merancang pembinaan *building* yang unik kadang-kadang *building* yang dia *design* itu hanya untuk dibina tetapi kalau hendak *maintenance* bukan main susah kerana ciri-ciri *maintenance* selepas *development complete* susah.

Kita tidak ada teknologi, umpamanya kalau kita lihat Dewan Syura, *towernya*, *dome on the top*, kalau hendak cuci sepuluh kali cuci sudah boleh beli satu bangunan kerana *specialist* yang cuci *dome* itu kata satu kali dia naik cuci binaan itu cajnya RM250,000, kalau sepuluh kali RM2 juta lebih. Ini macam mana hendak membuat keadaan supaya dalam kita membina benda yang unik dan cantik, dan *maintenancenya* pula tidak sangat menekankan pihak tuan punya bangunan.

Begitu juga kalau lihat bangunan Majlis Islam Sarawak, bangunannya macam ini [*sambil menunjukkan isyarat*] Kalau *you* tidak mempunyai *scaffoldings* yang tinggi ataupun *crane* yang tinggi, tidak boleh buat apa-apa penyenggaraan yang sempurna tetapi *maintenance* kena dibuat. Jadi, macam mana membinakan satu bangunan dan *designing* satu bangunan yang cantik, yang indah dalam masa yang sama mengambil kira soal-soal *maintenance* yang berpatutan selepas itu.

Jadi, ini adalah *area* arkitek. Ini tidak boleh tidak dalam *area* arkitek untuk mengambil kira kerana jurutera hanya melihat daripada soal-soal lain, *design* bukan bidang jurutera. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang hendak saya cakapkan tetapi orang kata Yang Berhormat Tuan Haji Wan Junaidi pun cerita hal *design* pula. Saya pernah jadi *qualified draughtsman* di JKR satu tahun. *I was a trained surveyor/road designer*, jadi sebab itulah saya tahu benda ini.

Saya pernah buat *quantity surveying*, *markintosh servei* semua sudah buat. Pergi perang pun pernah, *aesthetic design* pun sudah, *quantity surveying* sudah buat, *engineering* pun sudah buat sikit-sikit, bukanlah jurutera handal macam Tuan Yang di-Pertua, sikit-sikit saya sudah buat.

Jadi, itulah sahaja penekanan saya daripada *aesthetic design* kepada *functionality* juga kepada *maintenance after construction*. Dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya saya jemput Beluran dahulu.

**3.15 ptg.**

**Tuan Ronald Kiandee [Beluran]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya seperti Batang Lupar tidak akan bercakap panjang. Cuma beberapa perkara yang saya rasa perlu ditangani ataupun diberi perhatian oleh kementerian dalam membahaskan usul meminda Akta Arkitek yang sedang dibentangkan ini.

Saya menyokong keprihatinan dan sensitiviti kerajaan dalam memasukkan Perkara EIA dan perkara-perkara yang berkaitan dengan *building environment* dalam pindaan ini. Bagi saya, ini akan meningkatkan tahap profesionalisme arkitek terhadap industri pembinaan. Insiden-insiden keruntuhan bangunan baik di negara ini mahupun di negara luar haruslah dijadikan iktibar untuk menentukan setiap bangunan yang dibina itu selamat dengan mengambil kira faktor alam sekitar dan persekitaran.

Saya berharap agar pindaan-pindaan yang dibuat terhadap Akta Arkitek ini akan mengatasi beberapa isu yang dibangkitkan, baik orang ramai ataupun di kalangan profesional itu sendiri.

Yang pertama adalah cabaran untuk meningkatkan kualiti persekitaran dan juga *urban living*, contohnya walaupun negara kita telah maju dalam beberapa sektor termasuk industri *health care*, pengangkutan dan sebagainya, tetapi sehingga hari ini kita masih mencari satu bentuk perumahan yang *ideal* ataupun *optimum*, yang *affordable* untuk sebahagian besar daripada masyarakat Malaysia.

Begitu juga kita telah berjaya mewujudkan *world-class building* seperti KLCC, KLIA dan sebagainya, dan saya bersetuju agar usaha ini tidak berhenti di sini, tetapi industri ini dan juga profesional yang terlibat dalam industri ini harus mampu mencari penyelesaian kepada masalah setinggan, perumahan yang *cost-effective*, persekitaran bandar yang tanpa banjir, dan juga masalah-masalah seperti kesesakan jalan raya dalam membuat perancangan dan juga dalam mendirikan bangunan-bangunan di persekitaran bandar.

Isu kedua adalah untuk mewujudkan kerjasama yang bertanggungjawab antara profesional-profesional yang terlibat dalam industri pembangunan perumahan. Pertelingkahan antara siapa yang harus menerajui industri ini, sama ada arkitek itu ataupun pihak *town planners*, harus ditangani dan menggunakan profesionalisme kedua-dua kumpulan ini, sebagai kekuatan untuk memajukan industri pembangunan perumahan pada keseluruhannya.

Saya cuma melihat bagaimana Washington *statutory plan*, Washington, yang telah diwujudkan lebih 100 tahun dahulu tetapi mampu dikekalkan dan dibentuk mengikut asas-asas *plan* tersebut hingga ke hari ini. Dan kita masih melihat perkara seperti ini berlaku, namun lebih kerap daripada tidak. Sebahagian besar daripada *local plan* yang telah diwujudkan oleh *planners* kita, sebahagian besar lebih kerap ianya diubah melalui *amendment* kepada *local plan* yang dibuat oleh pihak arkitek itu sendiri.

Saya melihat ini sebagai satu perkembangan yang tidak sihat di dalam industri pembangunan perumahan itu keseluruhannya. Tetapi dalam melihat konteks ini, usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak *planners* umpamanya, dalam mewujudkan satu *local plan* ataupun *town plan* yang komprehensif harus mendapat kerjasama dalam pelaksanaannya oleh pihak arkitek itu sendiri.

Begitu juga dalam membahaskan pindaan ini kita tidak boleh lari daripada melihat dan mendorong pihak arkitek itu untuk melihat *beyond the building law*, seperti yang berlaku sekarang ini. Jika sekarang ini arkitek hanya terikat ataupun melihat dari segi keperluan untuk memenuhi syarat-syarat dalam *building law*, tetapi saya melihat arkitek melihat dalam, *beyond* daripada *building law* ini, dan memasukkan isu-isu atau perkara-perkara yang telah dinilai secara meluas oleh *town planners* dalam menentukan bentuk dan juga reka bentuk sesuatu permohonan yang akan diwujudkan di sesuatu kawasan.

Soal *aesthetic value*, nilai *aesthetic* itu haruslah mendahului daripada *functional value* di dalam membuat sesuatu. Jadi, soal siapa yang akan menerajui industri ini bukanlah soal yang penting, tetapi jika *town planners* mendahuluinya maka soal berapa ramai *town planners* yang ada di negara ini harus diambil kira dan begitu juga jika arkitek itu harus mendahuluinya, aspek-aspek *environment*, aspek-aspek yang

telah dikenal pasti, yang telah disenaraikan sebagai aspek yang penting oleh *town planners* harus diambil kira oleh industri ataupun profesional dalam arkitek ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu sejauh mana kalau kita membincang perkara arkitek ini, ia tidak boleh lari daripada perkara-perkara perumahan, dan dalam konteks ini saya ingin tahu sejauh manakah peranan yang telah dimainkan oleh *consultative committee* antara pihak swasta dan kerajaan dalam menangani masalah perumahan negara. Adakah perlu lebih banyak dialog dan juga perbincangan untuk mengenal pasti isu-isu yang berkaitan untuk memantapkan industri perumahan pada keseluruhannya?

Begitu juga rungutan pihak arkitek dan setengah daripada mereka terhadap keperluan *submission requirement* dan juga *approval procedure* yang berbeza-beza antara *local governments* - kuasa-kuasa tempatan - di negara kita. Mungkin ini disebabkan oleh undang-undang itu sendiri yang berbeza antara Persekutuan, antara Sabah dan juga antara Sarawak, antara negeri-negeri. Tetapi pendeknya saya melihat bahawa perlu ada satu bentuk keseragaman yang harus ditepati oleh pihak arkitek dalam membuat *submission* kepada *approval* dan juga *requirement* dahulu yang dikuatkuasakan oleh kuasa-kuasa tempatan.

Dalam konteks ini, saya ingin tahu adakah kemungkinan untuk mewujudkan satu standard *e-submission*, *elaborate submission methodology* yang mungkin dikenakan oleh pihak kementerian dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa itu perkara-perkara yang ingin saya kemukakan dan saya menyokong pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila Ahli Yang Berhormat bagi Setiu.

### 3.23 ptg.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak [Setiu]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kerana saya diberi sekali lagi peluang untuk turut sama membincangkan ataupun dalam perbincangan berhubung dengan Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 2002.

Seperti mana kita ketahui bahawa keperluan kepada akta ini sebenarnya sepatutnya memang telah lama dan lambatnya ini samalah seperti lambatnya lebuhraya yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri untuk dibuat di Terengganu. Sudah hampir tiga tahun tetapi lebuhraya pun masih tidak ada lagi, sehingga Kerajaan Negeri Terengganu terpaksa mengumumkan untuk membuat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa pindaan akta ini akan memberi suatu peluang kepada kemungkinan untuk wujudnya penyalahgunaan kuasa sekiranya badan pengawas tidak betul-betul berfungsi mengawal selia kerana ia melibatkan tiga bidang profesional yang cukup besar di mana apabila ketiga-tiga bidang profesion ini bergabung, ia akan memberi suatu yang amat berkuasa sebenarnya ataupun kuat dari sudut kuasanya kepada masyarakat kita.

Saya ingin menyebut perkara ini kerana kita mengambil satu contoh yang berlaku kepada Arthur Anderson umpamanya dalam kes yang berlaku di Amerika, di mana kita dapati bahawa apabila syarikat perakaunan Arthur Anderson dalam kes Aeron Corporation, di mana apabila disebut bahawa sesuatu akaun itu disediakan oleh Arthur Anderson tidak ada orang yang mampu ataupun yang sanggup untuk mempersoalkannya kerana dianggap itu semacam muktamad ataupun perkara itu perkara yang tidak boleh dipersoalkan lagi.

Jadi, dalam hal ini apabila ketiga-tiga kuasa ataupun badan yang melibatkan jurutera-jurutera bahan dan juga arkitek bergabung dan apabila sesuatu keputusan itu dibuat oleh ketiga-tiga pihak ini, tentunya ianya akan memberikan suatu *justification*, suatu keputusan yang rakyat semacam tidak boleh dipersoalkan. Dan di sini peluang untuk penyalahgunaan kuasa sekiranya tidak dilihat ataupun diambil perjalanan daripada sekarang akan terbuka dengan luas, sebab biasanya orang-orang politik khususnya pihak yang berkuasa - menteri dan seumpamanya - akan mengatakan ini

adalah *recommendation* daripada badan profesional. Dan rakyat, apabila disebut badan profesional, tidak akan sanggup untuk mempersoalkan lagi.

Sebab itu, kita minta supaya mekanisme kepada badan penyeliaan ini mestilah diberi kuasa yang besar bagi memastikan bahawa penyelewengan tidak akan berlaku, Tuan Yang di-Pertua, sebab di Malaysia ini satu perkara yang agak menarik terutama di kalangan masyarakat umum, apabila dikatakan bahawa sesuatu perkara itu adalah merupakan kelulusan telah dibuat oleh ataupun *recommendation* oleh pihak profesional dan apabila ini disebut oleh pihak kerajaan dan apabila dikatakan bahawa badan profesional tertentu yang membuat ataupun *recommend* perkara tersebut, walaupun dari sudut pandangan umum adalah tidak betul, maka biasanya pandangan rakyat ataupun pandangan ramai akan diketepikan. Jadi, itu satu hal yang saya minta supaya pihak kerajaan khususnya dapat menjelaskan kepada kita bagaimana fungsi lembaga nanti akan dapat menyelia supaya diberi kuasa yang sepenuhnya.

Yang kedua, ialah berhubung dengan konsep yang akan dilaksanakan oleh pihak arkitek kita, kita dapati bahawa dalam pembangunan negara kita khususnya tidak menggambarkan ciri-ciri yang boleh kita banggakan sebagai ciri Malaysia. Dan kita dapati banyak daripada pembangunan kita terutama bangunan-bangunan kita mengikut ataupun mencedok daripada pandangan ataupun daripada pembangunan-pembangunan yang dibuat oleh negara Barat ataupun seumpamanya.

Dan mungkin belum terlewat lebih-lebih lagi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut bahawa dia sebagai seorang *fundamentalist*, jadi *fundamentalist* Islam pula, jadi kita minta supaya Yang Berhormat Menteri dapat mengikut Perdana Menteri kita dalam mencirikan corak pembangunan arkitek kita ataupun pembangunan negara kita nanti, sekurang-kurangnya mempunyai ciri-ciri ketimuran, ciri-ciri Malaysia dan ciri-ciri Islam sekali, jadi supaya ianya tidak bercanggah dengan kehendak ataupun kehendak di dalam Islam.

Sebagai contoh saya sebut, saya biasa melihat atau pergi ke hotel-hotel. Dalam pembinaan hotel kita, kita sebagai orang Islam masuk ke hotel, masuk ke bilik air, hendak cari air pun tidak ada. Yang disediakan kertas di dalam itu, sedangkan untuk hendak membersihkan najis dan seumpamanya, amat sulit. Dan ini sebenarnya satu perkara yang walaupun kecil saya sebut tetapi dalam pembangunan negara kita, tidak mengambil kira soal kepentingan umat Islam dan kepentingan negara ini seperti yang disebut tadi sebagai sebuah negara Islam.

Begitu juga terdapat bangunan-bangunan yang dalam pembinaan dan tandasnya tidak mencirikan perkara-perkara tersebut. Begitu juga dalam pembinaan rumah-rumah kos rendah ataupun rumah-rumah yang dibina yang perlu dilihat supaya ianya dapat, maknanya selari ataupun selaras dengan kehendak-kehendak Islam. Kedudukan tandasnya, keperluan bilik dan seumpamanya.

Yang ketiga saya ingin sebut ialah berhubung dengan bangunan-bangunan yang kita anggap sebagai bangunan bersejarah. Saya fikir seperti mana disebut oleh rakan-rakan kita sebelum ini bahawa kita mungkin dalam *design*, dalam kita mereka bentuk bangunan-bangunan kita, kita tidak mengambil kira soal *maintenance* dan saya mencadangkan supaya bangunan-bangunan lama kita, yang hendak kita *preserve*, yang kita hendak baik pulih dan bangunan-bangunan baru yang akan kita bina, yang akan kita cirikan sebagai ciri Malaysia supaya kita menggunakan bahan tempatan yang tidak memerlukan kepada *maintenance* yang besar tetapi dia akan menggambarkan;

Pertamanya menggambarkan ciri Malaysia dan yang keduanya mengurangkan penggunaan cat dan ketiganya mungkin akan memberi bentuk yang cantik dan nampak *luxurious*, nampak mewah. Bahan yang tersebut itu ialah batu dimensi ataupun *dimension stone*. Malaysia antara negara yang mempunyai produk ataupun hasil batu dimensi yang tercantik dan saya kalau boleh sebut yang *multi-colours*, pelbagai *colour* yang terdapat di negara kita ini yang tidak kita memanfaatkan. Apabila kita sebut batu dimensi seperti biasa kita akan sebut daripada Italy, kita akan sebut daripada Cina dan kita akan sebut daripada Africa.

Sedangkan hakikat sebenarnya Malaysia antara negara yang mengeluarkan batu dimensi yang cantik pelbagai warna, yang boleh kita memanfaatkan, kita gunakan untuk kita jadikan sebagai bahan asas dalam pembinaan bangunan-bangunan kita yang mana kita tengok, macam di KLIA sekarang, KLCC, Putrajaya, antara

menyebabkan bangunan-bangunan tersebut kelihatan cantik kerana terdapatnya *dimension stone*, batu dimensi tadi.

Saya fikir kalaulah, pihak arkitek, pihak jurutera kita dapat memberi satu fokus, satu unjuran tentang pembangunan kita dalam tempoh lima tahun, sepuluh tahun, lima belas tahun daripada sekarang, mungkin kita boleh menggembelngkan seluruh *resources*, sumber batu dimensi kita yang terdapat di Malaysia ini secara bersepadu dan boleh kita salurkan kepada projek-projek berkenaan menggunakan bahan asli daripada kita tanpa kita mengimport daripada luar menyebabkan kos yang tinggi.

Satu perkara yang kita lihat bahawa dalam menggunakan bahan tempatan ini terutamanya batu dimensi, dia tidak memerlukan kepada *maintenance, maintenance almost free*, dengan izin dan akhirnya oleh kerana pada petang ini ramai yang terlibat dengan bola sepak, ramai yang tidak ada, sedang melihat Mexico dan USA dan saya fikir Dato' Menteri juga minat cuma terpaksa berada dalam Dewan sekarang inilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya tidak tahu begitu, Yang Berhormat tahu.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Pasal dia sebut tadi, dia sudah dekat Amerika, jadi Mexico sudah dekat dengan Amerika. Jadi, itulah sekadar ucapan dari saya, cuma saya ingin mendapat penjelasan kembali daripada Yang Berhormat Dato' bahawa keperluan kepada arkitek kita untuk melihat soal perlunya kepada pembinaan bercirikan kepada ciri Malaysia dengan kita menekankan soal, iaitu konsep Islam di dalamnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak ada yang bercakap, baik sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

### 3.35 ptg.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara berhubung dengan Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 2002 ini. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memperkemas peruntukan yang sedia ada bagi membolehkan Lembaga Arkitek Malaysia menjalankan fungsi dan tanggungjawab dengan lebih berkesan lagi.

Di samping itu, beberapa peruntukan baru dicadangkan selaras dengan kehendak dan perkembangan semasa bagi profesion seni bina dalam menghadapi cabaran masa kini. Peruntukan yang baru juga dibuat untuk membolehkan arkitek, jurutera profesional serta juruukur bahan menubuhkan *Practise Multidiscipline* yang mampu memberi perkhidmatan secara komprehensif bagi menghadapi cabaran globalisasi dengan kemungkinan mengeksport perkhidmatan keluar negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini negara sedang berhadapan dengan berbagai cabaran. Antaranya daripada ledakan globalisasi dan liberalisasi dan perkembangan teknologi maklumat. Seiring dengan perkembangan ini peruntukan dalam Akta Arkitek 1967 perlu dikemas kini dan kuasa Lembaga Arkitek Malaysia dalam menguatkuasakan akta tersebut perlu diperluaskan bagi mengawal selia etika dan juga tata kelakuan dalam profesion seni bina negara. Adalah diharapkan dengan kelulusan terhadap pindaan akta ini dapat membawa profesion seni bina negara ke tahap *world class* demi kepentingan negara. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua suka juga saya menjawab beberapa perkara telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang pertamanya, Yang Berhormat dari Batang Lupa telah menyatakan bangunan di negara ini banyak kekurangan dari segi *design dan estetik* dan tidak menggambarkan seni bina yang baik inovatif dan kreatif dan *functional*. Suka saya menjawab kepada Ahli Yang Berhormat, walaupun saya bersetuju sebahagian bukanlah saya bersetuju sepenuhnya Ahli Yang Berhormat di sini, saya bersetuju sebahagian, tetapi bukan sepenuhnya. Di sini di Malaysia, kita mempunyai beberapa orang arkitek yang telah menunjukkan minat mereka untuk mereka bentuk bangunan estetik setanding dengan dunia.

Walau bagaimanapun saya percaya kita mesti mengambil kira mengapakah bangunan tidak berapa cantik. Jikalau kita pergi ke kawasan-kawasan luar bandar, kawasan bandar-bandar kecil di mana pelanggan akan *control* dengan arkitek. Pelanggan menyatakan kalau arkitek membuat reka bentuk macam suka hati, siapa hendak bayar. Oleh kerana itu dia minta empat tiang dan genting sudah cukup dengan lapan tingkap. Jadi kadangkala arkitek kena guna reka bentuk untuk mengatasi dan juga untuk memperbaiki keadaan yang sedia ada.

Oleh kerana itu banyak di antara bangunan-bangunan saya nampak, saya sekarang pun nampak juga. Satu contoh saya suka minta Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melihat The Mint Hotel. The Mint Hotel di jalan Kuala Lumpur ke Seremban. Ini dinding sama tingkap sahaja, tidak ada apa-apa lagi. Dengan itu pun ada business banyak [Ketawa].

Siapa kira estetik, siapa kira *value*, siapa kira apa, *business* terus juga. Tetapi saya minta Jabatan Kerja Raya, minta dia sapu cat balik dengan warna-warna yang lain. Macam itu kita boleh dapat sedikit bangunan cantik daripada apa yang kita punyai sekarang. Jadi di samping itu Lembaga Arkitek telah mengambil beberapa tindakan untuk mengatasi masalah seperti ini dan juga telah menghubungi dengan institusi-institusi yang lain, yang ada kaitan dengan kita untuk mengatasi masalah. Jadi saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat mesti mengambil perhatian iaitu bila jumpa pengundi-pengundi di kawasan-kawasan apabila mereka membina bangunan, janganlah bagi arahan kepada arkitek. Dengarlah sedikit daripada nasihat arkitek, dengan itu kita juga boleh untuk mendapat bangunan dengan lebih estetik, lebih cantik dan juga berwarna yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perkara yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Beluran iaitu *standard* dan *submission*, ada dua, taraf dan juga *submission* kepada majlis-majlis tempatan. Lembaga Arkitek Malaysia telah menubuhkan jawatankuasa dan bekerja rapat dengan beberapa jabatan untuk meneliti perkara ini. Isu ini di bawah Jawatankuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, walaupun ada dalam kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, oleh kerana Ahli Yang Berhormat telah membawa perkara ini untuk kementerian saya, saya juga boleh merujuk perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Selain daripada itu Yang Berhormat dari Beluran telah membawa satu lagi perkara iaitu industri perumahan profesional harus mencari penyelesaian kepada masalah setinggan dan kualiti persekitaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan sendiri telah mengambil beberapa tindakan. Sekarang berhampiran Kuala Lumpur, Yang Berhormat boleh juga melihat ada 34,000 setinggan. Kerajaan sedang membina 34,000 rumah, 34,000 rumah untuk menukar keadaan kedudukan mereka.

Saya percaya dalam tempoh lima tahun di Wilayah Persekutuan kita tidak boleh melihat rumah setinggan lagi. Seperti itu juga di negeri Selangor. Negeri Selangor telah mengambil tindakan untuk membina 12,000 rumah, semuanya dalam pembinaan. Saya percaya jikalau tiap-tiap kerajaan negeri mengambil tindakan seperti ini kita boleh juga mengatasi masalah setinggan dan kita boleh juga mengadakan satu persekitaran berkualiti. Ini akan menjadi satu tanggungjawab semua pihak.

Selain daripada itu Yang Berhormat dari Setiu, hari ini banyak peluanglah kepada Yang Berhormat, saya ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat ini [Ketawa]. Yang Berhormat telah membangkit perkara berkenaan iaitu fungsi lembaga dalam menyelia Badan *Multidiscipline*. Ketiga-tiga Lembaga iaitu Lembaga Arkitek, Lembaga Jurutera dan Lembaga Juruukur Bahan akan bertanggungjawab menyelia kegiatan Badan *Multidisciplined* tersebut dari aspek profesional masing-masing. Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu bangunan-bangunan bersejarah perlu menggunakan bahan tempatan misalnya batu dimensi. Ini adalah satu cadangan yang baik daripada Yang Berhormat, sekarang JKR juga telah membina beberapa bangunan seperti apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Di Ipoh kita telah membina satu bangunan kerajaan, Kerajaan Pusat dengan reka bentuk yang dicampur dengan reka bentuk baru dan reka bentuk lama. Oleh kerana itu kita nampak sangat cantiklah. Jadi saya percaya juga kita akan mengikut dengan nasihat Yang Berhormat dan digunakan sebagai garis panduan untuk mereka bentuk bangunan-bangunan di masa akan datang.

Satu lagi dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu mengapa akta ini dibawa begitu lambat dan juga dibandingkan dengan pembinaan lebuhraya di Terengganu. Untuk makluman Yang Berhormat tidak pernah Kerajaan Persekutuan menyatakan kita tidak membina lebuhraya, tapi lebuhraya ini mengambil sedikit masa. Saya sendiri daripada Kuala Lumpur pergi ke Terengganu berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, menjelaskan saya guna dia punya nama, tapi dia sudah keluar. *[Ketawa]*. Saya telah menerangkan kepada Yang Amat Berhormat ada juga beberapa perkara mesti diselesaikan sebelum kita mulakan kerja.

Satu, dua perkara dibangkit oleh Yang Amat Berhormat itu, iaitu berkenaan dengan rumah-rumah yang sedia ada di atas aliran jalan itu dipinda dan minta Kerajaan Pusat untuk memberi ganti rugi kepada rumah-rumah ini dan saya kata boleh timbang, saya kata bukan tak boleh timbang. Boleh timbang, tapi reka bentuk belum siap, beberapa tempat tanah belum diambil alih oleh kerajaan. Jikalau Kerajaan Negeri Terengganu ambil alih tanah, mengambil balik tanah, Kerajaan Pusat boleh juga membayar semua ganti rugi. Bukan kata kita tidak mahu membayar, ganti rugi boleh bayar, jalan boleh ada, semua Ahli Yang Berhormat boleh juga datang daripada Kuala Terengganu ke Kuala Lumpur dalam tempoh empat jam. Ya, boleh juga macam kapal terbang. Jadi ini tidak ada kaitan dengan jalanlah, Yang Berhormat, jalan tidak ada kaitan dengan bil ini.

Jadi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini dengan lebih membina - dengan izin – *very, very constructive*. Saya ucapkan tahniah kepada semuanya. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya. Bagi perkara-perkara yang tidak sempat dijawab, kementerian saya akan memberi perhatian sewajarnya dan mengambil tindakan susulan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Fasal 1 hingga 41** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (PINDAAN) 2002

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**3.40 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini dicadangkan adalah bertujuan untuk meminda Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) 1969. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) 1969 telah mula berkuat kuasa pada tahun 1971. Sejak Akta MARDI diluluskan oleh Parlimen, ia telah dipinda sebanyak lima kali bagi menyesuaikan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalamnya dengan masalah-masalah yang dihadapi dan kehendak-kehendak semasa pada waktu itu sama ada melalui arahan-arahan di peringkat kementerian ataupun keputusan Jemaah Menteri.

Bidang penyelidikan merupakan bidang yang kini mendapat perhatian dari pihak kerajaan. Bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan institusi penyelidikan seperti MARDI berdaya maju dalam penyelidikan, hasil dapatan penyelidikannya perlu dimanfaatkan dan dijadualkan oleh industri pertanian, industri berasaskan pertanian dan industri makanan.

Oleh yang demikian, adalah penting bagi institusi seperti MARDI berkeupayaan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pemindahan dan pengkomersialan serta mengeksploitasi teknologi dan hasil dapatan penyelidikannya menerusi pelbagai kaedah termasuklah melalui perkhidmatan penyelidikan berkontrak, perundingan dan kepakaran, pelesenan, penjualan serta eksploitasi dan pengkomersialan hasil dapatan penyelidikan yang berbentuk produk, proses atau maklumat.

Sehingga kini MARDI telah giat menyebarkan teknikal dan hasil dapatan penyelidikannya kepada kumpulan sasaran yang terdiri daripada pekebun, penternak dan usahawan kecil pertanian dan makanan. Kini MARDI akan turut memberi tumpuan kepada kumpulan sasaran keduanya iaitu sektor komersial dan usahawan sederhana industri pertanian dan makanan. Perluasan tumpuan ini, selain dari memerlukan sokongan kewangan juga memerlukan sokongan peruntukan undang-undang yang berkaitan agar aktiviti-aktiviti pemindahan eksploitasi dan pengkomersialan teknologi dan hasil dapatan penyelidikan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan MARDI menuju ke arah pengkomersialan dan pemindahan teknologi selaras dengan perkembangan terkini dalam industri, adalah perlu bagi MARDI meminda peruntukan-peruntukan undang-undangnya bagi membolehkan MARDI melakukan perkara-perkara yang terdahulunya tidak termaktub di bawah undang-undang sedia ada. Dalam lain perkataan, pindaan-pindaan kaedah atas akta MARDI adalah perlu bagi membolehkan MARDI memperluaskan aktiviti-aktivitinya dalam industri menerusi pengkomersialan dan pemindahan teknologi hasil daripada penyelidikan yang telah dijalankan.

Walau bagaimanapun, segala pindaan yang dicadangkan itu secara dasar tidak akan mengubah tujuan dan fungsi penubuhan MARDI tetapi akan hanya memperkemaskan lagi peruntukan undang-undang untuk membolehkan MARDI bergerak dengan lebih terkawal dan berdaya maju dalam industri. Di samping itu, mandat sosial dan kepentingan awam MARDI akan terus dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada memperluaskan fungsi dan aktiviti-aktiviti MARDI, rang undang-undang ini juga ingin menambah keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah dan Majlis Sains MARDI. Ini adalah bertujuan untuk menambahkan input dari kalangan pengamal industri pertanian dan makanan di dalam proses membuat keputusan di peringkat tertinggi MARDI dan memastikan penyelidikan MARDI lebih relevan kepada keperluan dan situasi industri negara.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, rang undang-undang ini juga menjelaskan penglibatan sektor swasta dalam aktiviti penyelidikan yang dijalankan oleh MARDI. Peruntukan akta sedia ada tidak menggalakkan syarikat-syarikat swasta dari membiayai penyelidikan yang dijalankan oleh MARDI kerana mereka tidak boleh diberi hak secara eksklusif terhadap hasil penyelidikan tersebut. Malah pesaing mereka tidak boleh dihalang dari mendapatkan hasil penyelidikan berkenaan daripada MARDI. Dengan pindaan yang dibuat, MARDI akan membuka ruang kerjasama yang lebih luas kepada sektor swasta untuk melibatkan diri bersama MARDI dalam aktiviti penyelidikan.

Ini akan dapat meningkatkan sumbangan dan impak MARDI dan pihak swasta kepada industri yang disasarkan melalui aktiviti pemindahan teknologi dan kepakaran. Bagi melindungi hasil-hasil penyelidikan, maka peruntukan bagi memelihara dengan

izin, *confidentiality* dan *secrecy* terhadap penyelidikan-penyelidikan yang dihasilkan oleh MARDI dan sektor swasta dimasukkan. Ini akan membolehkan MARDI mengawal akses serta pengendalian hasil penyelidikan biayaan syarikat-syarikat swasta. Kebolehan ini sangat diperlukan untuk meningkatkan keberkesanan kerjasama dan pemindahan teknologi serta kepakaran kepada industri sasaran.

Rang undang-undang ini juga memberi kuasa kepada Lembaga Pengelola untuk menubuhkan syarikat-syarikat dan perbadanan-perbadanan menjalankan apa-apa aktiviti berbentuk komersial, melabur dalam saham mana-mana syarikat dan melupuskan semua atau mana-mana bahagian ekuiti atau asetnya yang dilaburkan dalam mana-mana syarikat subsidiarinya.

Ini adalah bagi memudahkan dan meningkatkan keberkesanan aktiviti-aktiviti pemindahan, pengkomersialan dan eksploitasi hasil penyelidikan terutamanya pindaan ditujukan bagi pengkomersialan hasil penyelidikan yang melibatkan teknologi pendahulu, dengan izin, *leading age technology* berisiko tinggi serta susah untuk mendapat pelabur-pelabur yang berminat untuk mengkomersialkan dan memerlukan penerokaan MARDI dalam pengeksploitasinya.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan hasrat kerajaan supaya MARDI meningkatkan tahap kemampuan sara diri dan mengurangkan beban kerajaan, pindaan yang dibuat juga membenarkan Lembaga Pengelola mengenakan fi atau bayaran bagi perkhidmatan yang diberikan oleh MARDI khususnya kepada sektor swasta yang berkemampuan.

Ia juga adalah selaras dengan kaedah pembiayaan projek penyelidikan semasa yang bersifat *project or program-based* juga dengan hasrat kerajaan mengurangkan kos mengurus. Bagi membolehkan MARDI mengadakan aktiviti-aktiviti kebajikan bagi pegawai dan kakitangannya serta meningkatkan keupayaan Lembaga Pengelola untuk menjadi lebih prihatin kepada kebajikan pegawai dan kakitangan MARDI, rang undang-undang ini turut meminda Seksyen 14 untuk memberi Lembaga kuasa bagi menggunakan kumpulan wang penyelidikan dan kemajuan pertanian bagi tujuan penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, saya minta Sipitang dahulu.

**3.48 ptg.**

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian pindaan akta *Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Amendment) Bill, 2002* ataupun Akta MARDI 2002.

Saya mengalu-alukan di atas pindaan ini walaupun telah dipinda sebanyak lima kali semenjak tahun 1971 yang mana akta ataupun MARDI ini telah pun wujud lebih daripada 30 tahun dan hari ini kita membahar tentang pindaan untuk menyesuaikan fungsi MARDI bagi keperluan masa kini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat]**

Saya rasa memang sudah sampai masanya MARDI ini dikaji semula seperti yang termaktub dalam cadangan pindaan yang kita buat hari ini.

Kita memang kenal MARDI ini sejak 30 tahun yang lalu tetapi saya merasa sedih juga kadang-kadang MARDI ini timbul nama, banyak masa ia tenggelam. Lepas itu timbul, tenggelam balik. Dan masa saya kecil dahulu, masa bersekolah, memang

kita tahu MARDI ini cukup *popular* terutama sekali di kalangan petani-petani tentang hasil-hasil kajian mereka yang baru tetapi setelah sekian lama ia cuma tinggal - kita dengar - hasil kajian tetapi apa yang diperolehi itu tidak begitu dikembangkan atau mungkin ia cuma dibuat kajian dan disimpan dalam fail atau dalam makmal di MARDI dan tidak didengar sebagai satu hasil komersial.

Ini berbeza dengan negara jiran kita misalnya Thailand yang telah membuat begitu banyak kajian dan menjadi hasil komersial. Memang kita juga ada tetapi tidaklah sebegitu. Bukan saya ingin memuji begitu besar kepada negara jiran tetapi mereka telah memperlihatkan hasil yang membanggakan berbanding dengan negara kita. Saya akui memang banyak juga hasil-hasil kajian di negara kita ini tetapi saya rasa perlu lagi diperkukuhkan supaya lebih banyak dan lebih ditonjolkan. Kita mendengar jenis-jenis padi, jenis-jenis durian D24 dan sebagainya tetapi ia begitu cepat berubah dan sekarang ini saya pun tidak tahu kalau durian itu durian mana yang baik - D26kah, D14kah, D berapa, durian Balik Pulau pun lebih sedap sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, memang kalau kita lihat, tujuan pindaan ini ialah untuk mempromosikan hasil pertanian dan juga pengeluaran bahan makanan. Memang kita tidak akan salah jikalau kita meningkatkan keupayaan MARDI ini kerana kalau kita lihat sejarah dan keperluan alam bahawa manusia setiap hari perlukan makanan. Bayangkanlah bahawa dunia kita pada hari ini kita ada 6 bilion penduduk. Bayangkan berapa banyak keperluan makanan yang kita perlukan dan menjelang tahun 2020 kita akan ada hampir 10 bilion manusia di dunia ini. Dan di Malaysia sendiri pada hari ini kita ada lebih daripada 23 juta manusia dan dalam tahun 2020 apabila wawasan negara kita laui, kita akan ada sekitar 35 juta manusia di negara kita.

Jadi bayangkanlah kalau kita tidak membuat persediaan dari segi keperluan makanan, kalau kita tidak membuat kajian, bagaimana kita menambah hasil ataupun memperbagaikan jenis makanan, tentu sekali kita akan menghadapi masalah bukan sahaja negara kita tetapi di seluruh dunia pada keseluruhannya. Dan kalau kita melihat sejarah bahawa negara kita negara tropika ini yang mana hujannya banyak, yang mana berbagai-bagai jenis pertanian boleh ditanam berbanding dengan negara-negara di Afrika yang hujan enam bulan sekali ataupun negara-negara di Eropah Timur yang mengalami kemarau bertahun-tahun, tentu sekali negara kita mempunyai potensi yang besar sebagai negara pengeluar pertanian dan juga bahan makanan.

Sejarah telah membuktikan bahawa Malaysia telah pun menjadi pengeluar utama hasil getah dahulu walaupun getah kita tidak makan, getah untuk hasil industri untuk getah asli, kita telah pernah menjadi pengeluar utama getah di dunia. Dan juga kita telah menjadi pengeluar padi yang begitu baik mutunya walaupun tidak setanding dengan negara-negara di Indochina seperti Kemboja, Thailand dan juga Burma tetapi kita mendapat tempat sebagai penghasil bahan makanan khususnya padi.

Dan kebelakangan ini hasil daripada kajian kita, hasil dari penyelidikan kita, kita telah menjadi negara utama dalam mengeluarkan kelapa sawit dan juga produk-produk hiliran daripada kelapa sawit, daripada daun pelepah, kulit buah, serabut, kulit biji dan juga isi rong kelapa sawit itu sendiri, kemudian pergi kepada batang kelapa sawit sebagai perabot dan lain-lain produk hiliran yang ada sangkutan.

Begitu juga dengan hasil minyak kelapa sawit, kita telah membuat kajian bersama-sama dengan badan-badan penyelidikan yang lain seperti PORLA yang boleh menghasilkan minyak kelapa sawit dengan berbagai-bagai industri hiliran seperti kosmetik termasuk juga bahan-bahan bakar yang lain seperti minyak diesel dan sebagainya.

Jadi ini menunjukkan bahawa kita mempunyai suatu potensi yang besar dan terbukti mempunyai kebolehan dalam membuat kajian-kajian mengenai dengan bahan makanan dan juga hasil-hasil pertanian di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita saya katakan tadi adalah negara tropika. Kalau kita ingin memperluaskan bidang penyelidikan, negara kita ini masih banyak lagi perkara-perkara yang belum kita terokai, saya tadi bercakap mengenai dengan getah, padi, kelapa sawit tetapi melalui hutan tropika ini kita belum lagi membuat kajian apakah jenis tanaman yang sebenarnya yang boleh dikomersialkan ke seluruh dunia.

Kita belum mempunyai data yang lengkap mengenai dengan beberapa tumbuhan yang ada di hutan Malaysia ini. Misalnya, mungkin jikalau kita membuat kajian yang mendalam, bukan sahaja hasil pertanian tetapi hasil-hasil yang lain. Hasil-

hasil pertanian yang belum kita buat kajian di samping padi tadi yang telah ada tetapi padi juga berbagai-bagai jenis. Yang saya katakan tadi ialah padi sawah. Akan tetapi padi juga mempunyai jenis-jenis yang lain misalnya di Sarawak ada sejenis padi yang begitu *popular* iaitu padi jenis halus yang dipanggil padi beras Bario yang ditanam di kawasan bukit di Bario. Kalau di Sarawak ia dipanggil beras Bario dan beras itu juga ada yang dipanggil beras Kanawit, bentuknya yang sama. Kalau di Sabah dipanggil beras Adan ataupun beras Kelabit dan sebagainya, iaitu sejenis padi yang halus, berwarna putih, rasanya memang sedap dimakan. Tuan Yang di-Pertua mungkin belum pernah makan beras Bario.

Kalau kita makan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh diberi peluangkah?

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya minta Ahli-ahli Parlimen Sarawak bawa beras Bario ataupun Kementerian Pertanian bawa beras Bario. Bila makan akan datang, jemput makan, bawa beras Bario ini buat hidangan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Batang Luparlah hendak tolong. [Ketawa]

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya setuju kerana beras Bario ini kalau di Sarawak memang *famous*, Tuan Yang di-Pertua. Semua saya cakup beras Bario, dia tahu. Tahu rupa, tahu rasa dan tahu baunya. Bila dimasak satu kilometer kita sudah tahu dah.

Jadi hendak tanya dengan Yang Berhormat, mengikut Yang Berhormat kata tadi, beras ini di Kanawit pun ada, di Bario pun ada, di Sabah pun ada tetapi ciri-ciri beras itu nampaknya sama. Jadi macam mana kita adakan satu mesyuarat tergepar di seluruh Sarawak dan Sabah untuk memberi nama baru kepada nama beras ini? Macam mana? Atau pun sebutkan nama itu beras Bario tidak kira di mana ia ditanam.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih rakan saya bagi Batang Lupar. Saya memang setuju, Tuan Yang di-Pertua. Inilah kita kena cepat-cepat berunding. Jangan nanti ia dipaten oleh Amerika macam beras wangi daripada Thailand. Ia jenis Jasmin dan popular, tetapi oleh kerana mereka leka menjual beras wangi daripada Thailand, orang lain telah ambil paten ini dan didaftarkan di Amerika dan beras itu sekarang sebagai produk Amerika. Jadi orang Thailand ketinggalan.

Begitu juga dengan satu jenis beras dari Pakistan iaitu beras nasi beriani Basmathi. Beras ini telah pun dipaten di Amerika dan menjadi produk Amerika. Orang yang mula-mula memiliki beras tersebut sekarang ini tinggal putih mata dan bila mereka ingin membuat perniagaan dengan beras ini, orang lain telah pun *claim* sebagai beras mereka. Pemilik awal itu pula yang memohon kepada orang yang mendaftarkan paten ini sebagai pemilik. Dan inilah yang kita tidak mahu dan saya rasa memang wajar kalau beras jenis Bario, saya setuju supaya kekal beras Bario. Kalau di Sabah dan Sarawak ini memang ia telah *popular*. Kalau di Sabah saya katakan tadi beras Adan ia memang rupanya lebih sama, mungkin dari *species* yang sama ataupun daripada kumpulan *family* yang sama menyebabkan ia berbentuk demikian.

Saya setuju dengan rakan dari Batang Lupar tadi, Tuan Yang di-Pertua. Kalau beras ini kita masak, baunya memang wangi. Ia halus - mungkin pegawai-pegawai kerajaan, pegawai MARDI pernah makan beras ini - ia halus dan kalau kita makan dengan ikan masin ataupun kari ikan, saya gerenti Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua tidak makan dua pinggan, belum rasa puas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya dengar pun sedaplah.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Ya. Ia sekurang-kurangnya makan tiga pinggan baru kita rasa. Jadi tentu sekali oleh kerana rasanya yang sedap dan kualitinya yang tinggi, tentu sekali ini mempunyai harga yang baik di pasaran kerana permintaan yang begitu tinggi.

Tetapi oleh kerana cara-cara *production*, ia ditanam di bukit yang tinggi, susah untuk dihubungi, susah untuk pengangkutan, ini sebagai suatu penghalang kepada perkembangan penanaman padi ataupun beras Bario ini.

Jadi saya mengatakan tadi ini ialah ruang yang luas, peluang kepada pegawai-pegawai MARDI untuk melancong ke Bario, melihat sendiri bagaimana beras Bario ini ditanam, bagaimana beras Adan ini ditanam dan bagaimana untuk kita membuat *improvement* - dengan izin - ataupun supaya lebih baik, lebih mudah untuk menghasilkan beras Bario ini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi bukan sahaja melancong ke Sarawak sebagai cuti-cuti Malaysia sekarang ini tetapi peluang pegawai-pegawai MARDI untuk datang ke situ dan berbincang dengan pegawai-pegawai pertanian di Sarawak untuk ke arah kajian kepada padi Bario ini.

Lagi satu yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai hutan tropika di Semenanjung, di Sabah dan di Sarawak yang kaya dengan khazanah. Kita khuatir beberapa berita dilaporkan pelancong-pelancong daripada Jepun, daripada Eropah yang mungkin kita sedar atau tidak, bahawa pelancong-pelancong ini kita tidak tahu siapa mereka ini, ada kemungkinan apabila mereka masuk ke Sabah, Sarawak hutan kita, mereka telah pun mengumpul tumbuh-tumbuhan daripada hutan tropika di Sabah, Sarawak dan dikenal pasti sebagai mempunyai potensi perdagangan ataupun potensi komersial yang tinggi, mempunyai nilai-nilai yang tertentu sama ada dari segi untuk bahan makanan, campuran bahan makanan ataupun sebagai ubat-ubatan.

Saya membaca beberapa berita yang beberapa pelancong ini telah dapat ditangkap cuba menyeludup tumbuh-tumbuhan daripada hutan tropika kita, terutama sekali dari jenis-jenis orkid. Tetapi kita tidak tahu berapa banyak yang telah terlepas ke luar negara dan kita tidak ada peluang untuk menangkap mereka. Jadi, saya melihat ini juga satu potensi yang luas dan peluang untuk MARDI membuat kajian, membuat penelitian, apakah jenis tumbuh-tumbuhan sama ada diketahui daripada rujukan buku-buku yang telah dibuat kajian ataupun secara kajian sendiri ataupun berunding dengan orang-orang tempatan.

Kalau di Semenanjung Orang-orang Asli ataupun orang-orang Melayu daripada dahulu lagi hingga sekarang telah pun turun temurun menggunakan tumbuh-tumbuhan daripada hutan tropika ini sebagai ubat. Begitu juga dengan orang-orang tempatan, penduduk bumiputera Sabah dan Sarawak, orang Iban, orang Kelabit, orang Ulu, yang mana mengetahui tumbuh-tumbuhan ini sebagai mempunyai nilai perubatan dan juga nilai pemakanan yang baik.

Kalau saya ingin senaraikan, Tuan Yang di-Pertua, banyak jenis tumbuh-tumbuhan di Sabah dan Sarawak mempunyai nilai perubatan yang tinggi dan juga mempunyai nilai zat makanan yang tinggi dan juga mempunyai nilai kosmetik yang tinggi yang mana boleh dikembangkan dan dipasarkan. Begitu juga dengan di Sabah, bolehlah pegawai-pegawai MARDI ini membuat kajian secara menyeluruh apabila akta ini diperluaskan bidangnya iaitu tumbuh-tumbuhan di Sabah dan Sarawak berunding dengan orang-orang Murut, Tagal, Kadazan, Dusun, Kadayan, Brunei dan orang sungai di Sabah untuk mengetahui jenis-jenis tanaman ini dan kegunaannya dan selepas itu kita buat kajian secara mendalam tentang kandungan dan juga potensi.

Saya yakin, apabila kita telah mengetahui nilai-nilai komersial yang tinggi ini, kita boleh mengembangkan industri ini, kita boleh menjadikan hutan yang ditumbuhi lalang di negara kita ini, yang pada hari ini lalang ini belum ada nilai komersial walaupun saya tahu akar lalang ini boleh direbus, boleh juga buat ubat buang panas dan juga akar lalang ini boleh campuran buat '*neu chap*', makanan yang popular masyarakat orang China.

Tetapi kita boleh tukarkan hutan yang tidak sesuai untuk tanaman tertentu mungkin hutan kita dan tanah-tanah terbiar yang tidak boleh dimajukan ataupun di lereng bukit yang begitu curam yang tidak sesuai untuk pertanian biasa mungkin kita boleh tanam dengan akar kacip fatimah, akar tongkat ali dan pelbagai lagi yang boleh kita gunakan, kerana kajian kita belum mencukupi dan kita tidak bukukan secara ilmiah untuk dibuat rujukan.

Tuan Yang di-Pertua, ini penting apabila kita mempunyai pelbagai kajian dan kita telah ada hasilnya, kita dapat menjadikan negara kita ini sebagai pelopor ataupun sebagai negara perintis dalam melahirkan kajian ini kerana mengikut sejarah juga dan kemampuan kita pada hari ini bahawa pakar-pakar Malaysia dengan teknologi yang ada di negara kita ini, kita mampu sebagai negara perintis. Kalau tidak pun menyaingi negara Amerika atau negara Eropah tetapi kita sebagai perintis dalam negara ketiga iaitu negara Selatan-Selatan yang mana negara-negara lain belum lagi celik dalam keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharaplah MARDI dengan pindaan akta ini akan lebih gigih memperluaskan bidang kajian ini kerana MARDI sebagai satu badan yang telah pun berkembang dan mempunyai kewibawaan seharusnya diperkuatkan lagi kewibawaan ini. Kerana pada masa ini negara kita telah pun mengimport, membelanjakan sebanyak RM12 bilion setahun untuk membeli bahan-bahan makanan, buah-buahan dan sebagainya termasuk daging lembu, daging rusa, daging kerbau daripada negara-negara pengeksport ataupun kita import daripada negara tersebut.

Jadi, dengan adanya MARDI ini akan dapat menurunkan ataupun kalau boleh kita boleh *self-sufficient*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk menghasilkan bahan makanan dan juga bahan pertanian untuk negara kita. Jadi, kalau kita lihat peranan MARDI itu begitu penting.

Saya ingin melihat, mungkin juga mencadangkan bahawa di samping kajian kepada makanan biasa ini, MARDI juga harus ada satu seksyen baru, ada satu kumpulan penyelidik yang lain, yang kurang kita tekankan yang mungkin dilihat sebagai tugas orang lain. Yang saya maksudkan di sini ialah satu kumpulan badan penyelidik untuk mereka bentuk mesin-mesin ataupun *mechanisation* iaitu mereka bentuk mesin-mesin yang digunakan untuk pertanian ala Malaysia, yang mana tidak dikeluarkan oleh negara lain.

Kalau di negara-negara Barat, mesin-mesin menabur baja, mesin pemetik dan sebagainya begitu banyak kerana ini disesuaikan dengan keadaan negara mereka. Misalnya di Amerika, untuk menabur baja ada kapal terbang ataupun menabur ubat serangga ada kapal terbang, untuk membajak, menanam ada mesinnya, tetapi mesin ini tidak sesuai digunakan di negara kita. Dan, sebab itu mungkin tanggungjawab ini adalah tanggungjawab industri ataupun jurutera-jurutera dalam industri-industri pereka mesin, tetapi kalau boleh kita ada satu kumpulan iaitu penyelidik-penyelidik dalam MARDI ini yang mereka bentuk mesin-mesin untuk keperluan MARDI dan juga petani-petani tempatan sendiri.

Seksyen ini mestilah bukan sahaja pakar-pakar dalam pertanian tetapi juga pakar-pakar dalam bidang kejuruteraan. Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah Menteri/Timbangan Menteri ataupun kementerian dan pengurusan MARDI melihat dalam sudut ini. Tujuan kita bukanlah untuk menghasilkan satu mesin sahaja tetapi kita mesti berpandangan jauh. Misalnya setakat ini, kita belum ada satu mesin untuk memetik buah kelapa sawit secara paling senang. Dua tahun sudah, saya berkesempatan melawat ke New Zealand, mereka ada mesin untuk memetik buah epal yang dikendalikan oleh seorang sahaja.

Dia berdiri di atas – konsepnya sama seperti membaiki lampu jalan, tiang elektrik iaitu pandai turun naik dan ia bergerak di bawah. Mesin ini cukup efisien untuk memetik buah epal untuk seorang, yang mana dipandu dari atas dan mesin itu berjalan dan boleh turun dan naik. Saya tanya, "Mesin ini dibuat di mana?" Dia kata, di buat di situ, di daerah itu.

Tetapi kita di Malaysia ini, mungkin keadaan masa ini belum perlu ataupun mahal dari segi kosnya, lebih murah membayar gaji pendatang asing, mengutip kelapa sawit dengan pisau memotong pelepah kelapa sawit dan juga menjolok buah. Tetapi apa yang saya maksudkan di sini ialah, kita mestilah beredar mengikut keperluan masa. Mungkin satu hari nanti kita akan ada mesin yang efisien, yang sesuai dengan keadaan muka bumi, keadaan iklim dan juga suasana di Malaysia. Kita ada mesin yang lebih efisien.

Dan tentunya bukan sahaja kita menjual kelapa sawit tetapi kita juga boleh menjual mesin ini kepada negara-negara yang sekarang ini telah pun berusaha untuk memperluaskan ladang kelapa sawit, misalnya Indonesia, Burma dan mungkin selatan Filipina yang mana telah pun merancang untuk menanam kelapa sawit yang begitu luas yang seluas-luasnya. Tentu sekali apabila ada mesin yang lebih efisien, yang mereka boleh menggunakan mesin ini, mesin ini kita boleh jual sebagai pendapatan negara seperti negara Jepun menjual mesin ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di Thailand, mereka juga membuat mesin-mesin ini tetapi untuk keperluan mereka. Saya pernah melawat di negara Thailand iaitu negeri Trat dan juga Chantaburi di sebelah sempadan Kemboja. Mereka mempunyai mesin-mesin yang kecil dan senang digunakan tetapi sesuai untuk petani-petani di kawasan itu.

Saya pasti pegawai-pegawai MARDI yang ada di sini telah pun melawat Trat ataupun pantai timur negara Thailand. Cuba tengok di sana, mesin-mesin mereka. Mereka buat sendiri untuk keperluan petani-petani tempatan. Jadi, inilah yang perlu yang mungkin tidak dilihat oleh jurutera-jurutera dalam bidang industri yang lain kerana negara kita memang maju dalam perindustrian sekarang tetapi kita tumpukan kepada industri IT, *microchips* dan juga membuat kereta.

Mungkin jurutera kita terlupa membuat mesin-mesin untuk keperluan pertanian ini yang barangkali kita sangkakan sekarang ini tidak perlu dan pasaran terhad tetapi sebenarnya mungkin kalau kita sudah ada di sini, kita popularkannya, kita boleh jualkan, saya katakan tadi, ke negara jiran kita, Indonesia, Thailand sendiri ataupun Burma.

Mungkin negara-negara pertanian di Eropah dan di Afrika kerana permintaan bahan makanan ini kalau kita lihat unjuran pertambahan penduduk dunia ini memang begitu menakutkan yang akan mencapai 10 bilion dalam masa 15 ke-20 tahun lagi dan Malaysia sendiri kepada 35 ke 40 juta menjelang tahun 2020. Tentu sekali permintaan bahan-bahan makanan ini begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kita habis dengan mesin tadi. Jadi, sejajar dengan keperluan masa kini, seharusnya MARDI itu ada satu seksyen sendiri yang membuat kajian tentang keperluan ini yang diketuai mungkin oleh jurutera, pakar makanan dan lain-lain. Jadi, dia boleh merekodkan keperluan itu. Bukan untuk kelapa sawit sahaja tetapi yang lain-lain juga, mesin-mesin untuk pengeluaran pertanian dan juga memproses makanan.

Pada hari ini, apabila kita ingin membuka kilang makanan, baik di Sabah, banyak yang berjumpa dengan saya, bila bertanya, "Di mana ingin membeli mesin?" Kiblat kita ialah, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, kiblat ini ialah tumpuan. Kalau orang Islam sembahyang, tumpuan pergi ke Kaabah. Tetapi untuk merujuk kilang-kilang memproses makanan, contohnya membuat mi, kita terus pergi Taiwan, kita terus ke negara China. Jadi, kenapakah kita tidak mengikut jejak langkah negara-negara ini, di samping kita ingin MARDI, kita juga sebagai negara yang boleh mengeksport mesin-mesin pengeluar bahan makanan ini. Inilah yang saya maksudkan. Kita mesti menguatkan juga satu seksyen lain iaitu yang membuat kajian tentang pembinaan ataupun reka bentuk mesin-mesin sama ada mesin tuai atau mesin memproses makanan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu cabang lagi yang perlu juga pada hari ini dan kalau kita lihat trend masa kini bahawa dunia kita ini berubah. Pada masa-masa dahulu, kita panggil era *agrarian* iaitu sistem pertanian, orang yang menjadi Raja pada masa itu telah menguasai kekayaan.

Kemudian, kita ada *industrial age*, zaman industri iaitu orang-orang yang mempunyai zaman industri ataupun industri-industri orang yang mengawal ataupun dengan izin, *control* dunia ini. Sejak 10 tahun yang lepas, kita telah keluar daripada era industri ini, kita pergi kepada era ICT, *information communication technology*.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, orang yang paling kaya di dunia, Bill Gates sekarang ini, dia kaya oleh kerana era *information* ini. Begitu juga dengan Michael Dell, *Dell computer* dan Ted Turner yang ada CNN. Itu semua orang yang kaya oleh kerana ICT. Dan tidak hairan jikalau akan berubah ke satu tapak lagi iaitu masa hadapan iaitu yang kita panggil zaman era bioteknologi iaitu satu tahap lagi.

Kita ada sistem industri, kita ada *information technology* dan kita akan ada satu tahap lagi iaitu bioteknologi yang mana ini adalah satu industri baru yang akan berkembang yang pegawai-pegawai ataupun negara kita ini akan melihat bahawa bioteknologi ini sebagai satu masa depan. Orang-orang yang akan melihat bahawa bioteknologi ini adalah sebagai satu hasil ataupun satu industri, mungkin akan lebih kaya daripada Bill Gates di masa akan datang. Inilah dia sebenarnya pandangan jauh.

Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, mempunyai pandangan jauh tetapi saya tidak yakin kalau beliau sahaja mempunyai pandangan jauh, kita sebagai Ahli Parlimen, sebagai pegawai kerajaan, sebagai ketua-ketua penyelidik tidak berpandangan jauh, ketinggalan dari segi itu, beliau telah cepat ke hadapan, kita ketinggalan di belakang.

Yang saya maksudkan di sini, bioteknologi iaitu sekarang ini kita banyak memperkatakan iaitu satu jenis teknologi yang memberi keperluan kepada manusia di masa akan datang. Ini termasuklah yang kita sebutkan hari ini yang dalam bidang ini ialah bioteknologi dalam makanan.

Saya tidak tahu bioteknologi yang macam mana yang diperlukan. Ini adalah tugas pemilik-pemilik Ph.D, profesor-profesor dan juga *doctorates* dalam bidang pertanian untuk memikirkan ataupun orang yang pakar dalam bioteknologi ini, memikirkan apakah jenis hasil produk yang Malaysia boleh sumbangkan kepada dunia ini dan bagaimanakah ia dikembangkan di negara ini dan kita sebagai negara yang akan maju, yang mengejar kemajuan ini, harus cepat menangkap istilah bioteknologi ataupun *bio-engineering* ini yang termasuk juga *genetic engineering* yang sudah dibuat tetapi kita mahu lebih daripada *genetic engineering* iaitu satu jenis produk baru yang boleh dikembangkan di negara kita ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa kalau kita gembeng kemampuan rakyat Malaysia, pakar-pakar rakyat Malaysia, apa yang saya katakan tadi iaitu membuat kajian yang belum kita hasilkan dari segi makanan, dari segi pertanian, dari segi pengeluaran makanan haiwan, dari segi pengeluaran bahan-bahan makanan, *bio-diversity* dalam hutan tropika, perubatan dan juga melangkah kepada penghasilan mesin-mesin untuk menghasilkan makanan dan juga memproses makanan dan kita melangkah kepada bioteknologi yang saya katakan tadi sebagai satu industri masa depan, tentu sekali negara Malaysia ini akan menjadi negara perintis ataupun negara pertama yang akan membuat ini. Jadi, kita mesti mempunyai cita-cita yang besar kepada perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus kepada yang spesifik dalam pindaan akta ini iaitu yang dimaksudkan dalam bidang kuasa ataupun struktur dalam MARDI itu sendiri. Saya ingin minta penjelasan daripada kementerian, sejauh manakah penstrukturan semula ataupun penyusunan semula MARDI ini akan menambah keupayaan ataupun menambah kebolehan ataupun kelancaran pengurusan MARDI itu sendiri? Bagaimanakah struktur pengambilan kakitangan?

Apakah kita akan menambah pakar-pakar kaji selidik dalam MARDI itu sendiri berbanding dengan yang ada sekarang? Apakah unjuran kita dalam masa lima tahun ataupun 10 tahun akan datang? Berapakah pakar penyelidik yang kita perlukan? Misalnya yang berkelulusan Ph.D, yang berkelulusan Masters dan juga siswazah biasa yang akan menjadi pegawai-pegawai dalam MARDI.

Mengenai dengan Seksyen 23 iaitu program yang diusahakan oleh institut yang dibiayai dengan bantuan Persekutuan atau negeri dan mengenai harta dapatan pendidikan dan program yang diusahakan dengan wang yang diberikan oleh perusahaan atau organisasi swasta akan terletak hak kepada Lembaga, ini juga harus ada peraturan.

Jikalau misalnya satu organisasi itu memberi peruntukan untuk membuat satu kajian kepada barang tertentu, apakah jaminan kerajaan bahawa kajian itu tidak akan dicuri oleh orang lain ataupun tidak terlepas kepada tangan orang lain? Dan apakah bentuk tindakan jikalau hasil kajian itu terlepas kepada orang lain ataupun dikembangkan oleh syarikat-syarikat lain?

Kita mengalu-alukan mengenai dengan Seksyen 23A dan 23B yang mana Lembaga mempunyai pendapatan di mana apabila ada bahan ataupun hasil daripada kajian itu, Lembaga menentukan *fee* ataupun royalti bayaran bagi tiap-tiap penyelidikan, penyiasatan, ujian, latihan, nasihat dan perkhidmatan lain yang disediakan oleh institut.

Ini membuka ruang kepada syarikat-syarikat swasta khususnya IKS dan juga syarikat-syarikat yang lain. Tetapi bagaimanakah kita menentukan kadar yuran (*fee*) dan sebagainya? Misalnya saya ingin meminta MARDI membantu saya untuk membuat kajian di tanah kawasan saya bahawa ada sejenis tumbuhan, sesuai atau tidak untuk dikomersialkan.

Jadi bagaimanakah cara MARDI mengenakan *fees* ataupun bayaran? Apakah ada panduan, dikira pakai kilogram atau dikira pakai *acreage* ataupun pakai *project-by-project basis*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi seharusnya ada garis panduan, kalau tidak nanti kalau syarikat saya modal berbayarnya cuma RM50 ribu, tiba-tiba saya minta MARDI membantu saya, MARDI minta bayaran RM50 ribu juga. Jadi syarikat saya terus gulung tikar dan ini akan menyusahkan kepada syarikat-syarikat. Jadi kita minta penjelasan daripada Timbalan Menteri terhadap hal ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [Bangun]

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Ya, Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih, Sipitang. Sebagai satu kawasan pertanian seperti di kawasan saya dan kawasan yang lain di seluruh Malaysia yang ekonominya masih lagi berasaskan pertanian, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Sipitang. Kalau di sini dikatakan meminda Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian, saya nampak bahawa peranan MARDI dalam isu penyelidikan, penemuan, kita tidak boleh tolak.

Boleh dikatakan kita tidak malu dari segi peranan mereka, apa usaha-usaha mereka di dalam penyelidikan dan membuahkan *idea*, bentuk dan kaedah baru dalam pertanian. Tetapi apa yang dilihat sekarang, isu membawa produk ini ke pasaran, *the packaging*, kita semua tahu bahawa kejayaan sesuatu produk itu sama ada boleh dipasarkan dengan jayanya, sama ada pelanggan (*consumers*), dapat menerima dan menikmati produk itu baik, apakah pendapat Sipitang? Perlu ditengok kembali peranan MARDI supaya lebih *responsive* dari pasaran.

Kadang-kadang oleh kerana struktur organisasi MARDI itu sebagai satu agensi, kadang-kadang dengan struktur agensi yang berasaskan kepada agensi ini, pengurusan di MARDI tidak mempunyai satu kaedah sama ada guna tenaga, peruntukan, strategi untuk pemasaran, mempunyai satu kaedah atau mempunyai satu kemampuan untuk mereka hendak menyelesaikan masalah pasaran.

Isu untuk menjayakan produk ini isu pasaran, isu *private sector*, tetapi mereka ini agensi kerajaan. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya dikorporatkan MARDI ini supaya lebih *responsive* kepada kehendak pasaran? Kerana kadang-kadang kalau hendak belanja RM50 ribu, kena pakai tender dahulu, hendak ambil tenaga manusia, rujuk kepada JPA, hendak ambil orang luar tidak boleh, gaji pun terhad tetapi usaha-usahanya itu kena bersaing dengan pasaran, *forces* pasaran.

Adakah Yang Berhormat dalam isu menjayakan, sebab kalau lihat ekonomi di Thailand, peranan industri asas pertanian ini amat penting sekali, walhal nampaknya di Malaysia kita nampak ketinggalan sedikit? Adakah ini perkara halangan struktur yang dihadapi oleh pengurusan MARDI menghalang daripada mereka itu bergerak lebih laju dan pantas untuk menyelesaikan masalah membawa produk ini ke pasaran dan menjayakan lagi industri tani di negara ini? Jadi minta pandangan Sipitang.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Saya memang 100% dengan panduan dan pandangan beliau. Saya tidak menyebut tentang pasaran tadi dalam ucapan saya yang awal kerana saya fikir bahawa pemasaran ini adalah tanggungjawab badan yang lain iaitu tugas syarikat-syarikat swasta itu sendiri. Tetapi saya bersetuju jikalau dapat juga demi untuk membantu syarikat-syarikat ini untuk memasarkan hasil kajian ataupun produk mereka ini.

Satu cabang lagi di samping cabang kajian makanan - kajian pertanian, mesin dan juga bio-teknologi dan sebagainya - ada cabang lain yang membantu usahawan-usahawan ini iaitu yang dikatakan tadi supaya produk yang dihasilkan itu kelihatan lebih cantik, lebih teratur, lebih kemas dan mempunyai daya tarikan tersendiri iaitu yang disebut di sini adalah *packaging* ataupun pembungkusan.

Jikalau ini dapat dimasukkan, itu begitu baik. Dan pembungkusan makanan-makanan tertentu yang dimasukkan sekali dalam pembungkusan itu iaitu pengawetan dalamnya sama ada ianya tanpa udara (*vacuumed packaging*) ataupun dengan bahan pengawet yang dibenarkan mempunyai daya tarikan. Dan seharusnya ini dibuat satu kajian mendalam. Bila kita letak misalnya beras Bario tadi, dengan melihat bungkusan sahaja kita terasa terliur, mempunyai keinginan untuk membeli, begitu juga dengan makanan yang lain.

Apabila kita tengok warna bungkusan sahaja kita rasa nafsu untuk makan itu sudah naik. [Ketawa] Ha, nafsu makan untuk memiliki barang itu. Inilah yang saya

rasa yang kita kurang. Selera, nafsu ini lain ya, selera makanlah, selera makan itu sudah ada untuk memiliki barang tersebut dan inilah yang kita kurang.

Dan kalau kita lihat hasil-hasil pertanian ataupun produk daripada Taiwan dan China, mereka membungkus bahan makanan itu begitu cantik tetapi sebenarnya di dalamnya, saya lihat – semasa saya di Airport Narita, Yang Berhormat Rompin pun pernah pergi juga begitu juga dengan pembangkang, pernah pergi juga di Airport Narita itu - ada ikan bilis sahaja campur tamban kecil yang digoreng dan digaramkan dengan bungkusan yang begitu cantik. Sebungkus ikan tamban lebih kurang 100 gram....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Bagi saya habis dahulu, sekejap. Harga dia lebih kurang RM50 duit kita, USD15 duit Amerika, jadi ini yang kita kata bahawa itu ada pengaruh. Silakan Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya tertarik dengan isu ikan bilis. Kalau dahulu kita di kampung, macam kawan saya sebelah sana, Kuala Kedah, ataupun Setiausaha Politik Menteri Besar – dia kata, dia bukan Setiausaha Politik lagi tetapi saya rasa dia masih lagi menasihati kepada Menteri Besar Kelantan [Ketawa] Kadangkala orang-orang EXCO Kerajaan Negeri pun susah hati dengan dia kalau dia balik ke Kota Bharu, bahawa kalau dahulu ikan bilis, kalau orang datang ke rumah kita Tuan Yang di-Pertua, datang melawat ke rumah kita, kita sajikan ikan bilis. Itu kita menganggapkan bahawa satu tamparan yang hebat yang kita bagi, kita tidak menghormati orang yang datang ke rumah kita.

Tetapi sekarang ikan bilis - kalau kita pergi ke hotel-hotel besar - *is served*, diberi ikan bilis untuk memulakan sebelum makan malam – *appetizer* dia. Ha! Hal ini Yang Berhormat bagi Beluran, dia tahu. Maknanya, *it is only the packaging* – ikan bilis adalah ikan bilis yang sama. Kalau misalnya, katakanlah pihak Parti PAS, datang ke rumah kita UMNO, kita jamu dia lauk ikan bilis, mesti dia kata kita UMNO mahu menghina PAS. Tetapi ia tidak ada kena-mengena.

Ini yang saya hendak bagi tahu mengenai cerita ikan bilis seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang. Ini membuktikan bahawa pasaran, *packaging*, itu yang penting, bukan *productnya* sahaja. Ini saya hendak meminta pandangan daripada Yang Berhormat bagi Sipitang.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Memang betul. Satu masa dahulu kalau orang datang ke rumah kita, kita dihidangkan dengan ikan bilis, ini dianggap satu penghinaan – alangkah miskinnya orang itu hingga tidak mampu memiliki ikan tenggiri yang mempunyai harga yang mahal. Dan kalau di Sabah, Tuan Yang di-Pertua, ada satu jenis ikan, dahulu pada tahun 60-an atau 70-an, ia dipanggil ikan basung dan kalau di Semenanjung dipanggil ikan selayang. Kalau orang pergi ke pasar, dia tanya, “Beli ikan apa?”, “Ikan basung”. Ikan basung ini harganya 30 sen sekilo.

Tetapi hari ini, ikan basung ini sudah menjadi suatu hidangan yang begitu lazat, yang begitu sedap. Begitu juga dengan ikan bilis. Kalau suatu masa dahulu makanan, misalnya sagu, makan sagu ataupun ubi kayu adalah makanan orang miskin tetapi pada hari ini, kalau makan sagu, kerepek sagu Sarawak itu dihidangkan di hotel-hotel bertaraf lima bintang. Rasanya memang begitu sedap.

Saya makan di sebuah restoran di Singapura bulan sudah, dessertnya yang dihidangkan ialah ubi kayu Tuan Yang di-Pertua. Ubi kayu. Saya tanya, “Ini ubi kayu?”. Dia kata, “Ubi kayu dengan keladi”. Dia kata, dengan izin, “*This is a very delicious dessert, you should try this one*”. Saya kata, “Ini ubi kayu, di belakang rumah saya pun bertimbun, orang tidak peduli”. Tetapi di hotel, di restoran, *the best restaurants in Singapore*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, restoran yang terbaik, yang termahal di Singapura, bukan saya bayarlah, kawan saya bayarkan, saya cuma tumpang makan. [Ketawa] Saya terkejut bila dihidangkan dengan *dessert* ubi kayu - ubi kayu yang mana orang di kampung saya, orang kata, tidak makan.

Ini saya rasa bukan di sini sahaja tetapi juga di tempat lain. Jadi, bagaimanakah pengaruh cadangan ataupun pandangan Yang Berhormat bagi Rompin tadi? Ini menunjukkan *packaging* itu memberikan satu nilai tambah yang begitu tinggi.

Saya makan sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah berapa harganya tetapi saya tengok bilnya beberapa ratus ringgit Singapura juga. Jadi mahallah.

Jadi, inilah yang kita katakan dan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Rompin tadi bahawa pengkorporatan MARDI ini saya ingat hendaklah dipermudah cara pengurusannya. Tidak payahlah, kalau urusan kita sekarang ini hendak membeli bahan *research*, kena tender, isi borang banyak-banyak – memang saya tidak menjadi pengerusi lagi di Semenanjung ini [*Ketawa*] Dahulu Pengerusi Bank Rakyatlah. Jadi memudahkan lagi proses dan pegawai-pegawai pula diberi kebebasan untuk memberi pandangan dan juga berurusan. Saya rasa apabila dikorporatkan dan di sini pun dicadangkan, ada juga pindaan, iaitu membolehkan MARDI ini sebagai satu badan yang boleh berniaga, yang boleh melabur, yang boleh membuat *joint-venture* dengan pihak-pihak lain.

Saya rasa kalau cadangan ini diperluas, saya yakin MARDI boleh berkembang, boleh maju di masa akan datang. Dan apabila ini dibuat, apabila dikembangkan dan pegawai-pegawai ini diberikan latihan tambahan, saya yakin, apabila disusun semula, dibuat pindaan kepada akta ini, yang saya ingin tegaskan juga di sini bahawa pegawai-pegawai ini hendaklah diberi kursus ataupun diberi latihan dalam bidang-bidang tertentu untuk memperkuat lagi keupayaan mereka.

Sudah tentu juga di samping kursus, ditambah lagi peralatan-peralatan baru yang mana akan melibatkan peruntukan demi untuk memudahkan mereka membuat kajian. Janganlah kedekut sangat kerana MARDI ini adalah salah satu badan yang utama di Malaysia, dengan izin, *the only body* yang membuat kajian.

Bayangkan, kalau kita boleh menjayakan MARDI ini, kerajaan boleh menjimatkan RM12 bilion Tuan Yang di-Pertua. Jadi bayangkan kalau Kementerian Pertanian boleh menjimatkan RM12 bilion. Bagilah kalau dia hendak komputer *laptop*, bagilah kepada profesor-profesor ini. Kalau dia hendakkan bahan-bahan, alat-alat tabung uji lebih pun tidak mengapalah untuk membuat kajian ini, bagilah kepada mereka ini *flexibility* untuk mengembangkan pemikiran mereka supaya mereka boleh membuat kajian-kajian yang lain.

Saya tahu keperluan pada masa ini ialah komputer, *PC*, *laptop* dan sebagainya dan juga program-program tertentu untuk kajian mereka. Kita mintalah kerajaan memberi kemudahan kepada pegawai-pegawai ini.

Jadi saya tahu ada lagi yang hendak bercakap Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan tahniah kepada kementerian atas pindaan kepada akta MARDI ini dan kita berharap setelah dipinda nanti mereka akan melonjak - terus membuat kajian, terus membawa kemajuan, terus membuat hasil-hasil kajian, sama ada untuk kegunaan tempatan, pasaran tempatan, syarikat tempatan ataupun untuk dieksport sebagai kegunaan atau sebagai hasil negara kita. Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bandau.

**5.00 ptg.**

**Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk memberi sumbangan dan beberapa pandangan mengenai rang undang-undang yang sedang berada di atas meja mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua, memang pada dasarnya rang undang-undang ini mempunyai tujuan yang murni dan baik dan saya melihat ia dipimpin oleh perkembangan di sekeliling kita, seperti perkara globalisasi, pencapaian masa lampau

oleh pihak MARDI dan juga keperluan untuk melakukan perubahan dari segi peranannya di masa akan datang.

Nama MARDI sememangnya nama yang cukup terkenal. Saya masih di bangku universiti, belajar Sains Pertanian dan *lecturer* saya di Australia pun, pensyarah saya pun pernah menjalankan tugas ataupun penyelidikan bersama dengan MARDI. Ini pada awal tahun 70-an. Tidak dinafikan Tuan Yang di-Pertua, bahawa institut ini telah banyak mengeluarkan hasil penyelidikan, khususnya hasil penyelidikan berkaitan dengan sektor-sektor utama dan makanan di negara kita.

Begitu juga banyak hasil penyelidikan yang diterbitkan dan dibukukan dan begitu juga seminar-seminar peringkat antarabangsa yang dikendalikan olehnya. Pada masa yang sama juga, begitu banyak teknologi dari segi konteks *machine* yang telah juga dikeluarkan, hasil daripada penyelidikan yang dijalankan oleh pihak MARDI. Jadi, dari segi nama, ia memang satu nama yang begitu terkenal, bukan sahaja di rantau ini bahkan di peringkat antarabangsa dan dengan itu tujuan untuk memasukkan dalam Fasal 4, rang undang-undang ini, perkataan MARDI itu akronim itu adalah tepat pada masanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bagan Datuk bangun.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Oh! Sila, saya baru mula.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana elok saya memberikan pandangan dan saya minta sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya. Kita dapati bahawa agensi-agensi di negara kita ini banyak menjadi *follower* bukan sebagai *market leader*, terutamanya dalam bidang penyelidikan pertanian dan juga bahan makanan.

Saya fikir dengan langkah Kementerian Pertanian dengan Menteri yang agresif, Timbalan Menteri lebih agresif lagi untuk menghasilkan barangan baru, produk-produk yang baru tentu dengan pindaan Akta MARDI ini beberapa langkah proaktif sedang dijalankan terutamanya dari segi bahan-bahan pertanian dan hasil-hasil bahan makanan yang akan dikeluarkan itu mesti benar-benar menjadi *market leader* dan Malaysia telah berada di garisan paling hadapan dalam banyak bidang.

Jadi, dalam bidang pertanian kita mengharapkan keadaan yang berlaku begitu, contoh umpamanya kita tentu tidak mahu ketinggalan dengan hasil penyelidikan durian yang ditanam di Darwin, Australia. Mereka telah mengusahakan supaya durian di Darwin itu lebih besar daripada durian yang dihasilkan oleh MARDI D24 dan MN77 dengan izin dan yang paling uniknya durian di Darwin juga selain daripada besar isinya juga tebal. Ia tidak mempunyai bau, yang orang putih tidak tahan ini ialah kerana baunya, rasanya sedap tetapi baunya tidak tahan. Oleh sebab itu di Australia hasil penyelidikan di sana telah menghasilkan durian yang tidak ada bau.

Jadi Yang Berhormat, adakah MARDI sebagai *market leader* akan datang dapat menghasilkan perkara-perkara dan bahan-bahan makanan seperti demikian dengan memberikan insentif kepada para penyelidik yang hasil penyelidikannya dapat dikomersialkan, dibayar dengan jumlah yang tertentu supaya mereka selain daripada dapat nama, dapat duit, sebab manusia ini kalau ada duit, dapat duit dan dapat dihargai hasil penyelidikannya dan hasil kredibilitinya.

Saya fikir selain daripada MARDI dapat nama orang itu akan dapat nama, Malaysia dapat nama yang harum, maka kita akan dapat MARDI sebagai sebuah institusi penyelidikan pertanian yang ternama. Kita boleh mengalahkan Thailand. Thailand sebenarnya terkebelakang dalam banyak perkara tetapi kita mengalah. Dengan adanya pindaan Akta ini adakah Yang Berhormat bersetuju kita akan menjadi *market leader*. Terima kasih.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan Datuk. Sebenarnya hujah-hujah itu saya ingin ulas tetapi Yang Berhormat sudah pun mendahului saya. [Ketawa] Minta berucap selepas saya, selepas saya mengambil *point* semua. Saya setuju sebenarnya itulah saya memulakan dengan memberi kata-kata bukan pujian tetapi barangkali *what is* - dengan izin - *what is due should be given*. *We should give flowers where flowers are due*. dengan izin. Dan mereka mempunyai seperti yang saya katakan tadi memang *full* ataupun kumpulan otak penyelidik yang memang sudah teruji daripada hasilnya dan kebolehan, kemampuan untuk menjadi

pengedar *market leader* ataupun kepimpinan pasaran dari segi teknologi-teknologi yang dikeluarkan itu memang amat luas.

Soalnya yang saya akan sentuh kemudian ialah adakah seharusnya MARDI yang melakukan ini ataupun ia sekadar pengedar teknologi dan diserahkan kepada para *market entrepreneurs* dengan izin untuk pembentukannya dalam pakej pasaran bukan sahaja bagi negara-negara kita tetapi negara-negara asing dan itu yang saya akan sentuh nanti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini maka seperti mana yang saya sentuhkan tadi dari segi kekuatan-kekuatan, dari segi Yang Berhormat bagi Bagan Datok sepatutnya dia bertanyakan soalan, tetapi dia tidak mahu berucap, so ataupun dia ingin tangguh sebentar. Tuan Yang di-Pertua, itulah saya katakan tadi bahawa dari segi nama memang MARDI mempunyai gelaran yang dipandang tinggi khususnya berasas kepada pencapaian-pencapaiannya yang lampau dan saya masih ingat MARDI khususnya memang menjadi satu nama di mana banyak penyelidik yang muda lepasan Master, lepasan Ph.D pada tahun awal 80'an, besar hati sudah berniat untuk berkhidmat dengan institut ini.

Selepas saya mengatakan ini dalam sepuluh tahun yang lalu seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Sipitang, saya melihat bahawa keberkesanan dan hasil penyelidikan, dengan izin, *performance* itu sudah seolah-olah sampai kepada *platititude*, dengan izin. Sebenarnya seolah-olah mulai menurun berasaskan kepada pencapaian-pencapaian tahun 70'an dan 80'an.

Saya ingin bertanya kepada pihak Timbalan Menteri kenapakah ini terjadi dan saya berpandangan bahawa barangkali antara sebab kenapa ini berlaku adalah berasas kepada tujuan untuk mengubah akta yang sedia ada untuk membolehkan pihak MARDI sekali lagi *revitalize* - dengan izin - peranan dan tanggungjawabnya. Saya melihat apa yang dicadangkannya ialah memainkan peranan dalam sektor komersialisasi hasil-hasil penyelidikannya.

Tuan Yang di-Pertua, bahkan pada masa-masa lampau itu banyak para penyelidik dan para akademik mengatakan bahawa MARDI mempunyai kemampuan untuk menjadi satu - dengan izin - *school graduate studies* di dalam bidang pertanian kerana kumpulan para penyelidik yang cukup terlatih dan berpengalaman luas dalam *applying the research* - dengan izin - dalam bidang pertanian itu cukup besar. Tetapi pada masa-masa kini jarang-jaranglah ataupun tidak selalu lagi nama MARDI itu timbul kecuali dalam dua atau tiga yang saya maklumlah, barangkali seminar antarabangsa dan beberapa teknologi yang dikeluarkan yang baru termasuklah misalnya penyelidikan dalam bidang *herbal medicine* termasuk hasil penyelidikan dan dengan izin demonstrasi plot seperti tanaman-tanaman buah-buahan *temperate* tetapi boleh ditanam di tanah rata seperti epal dan seterusnya.

Tetapi selain daripada itu jarang-jarang kita melihat *back to research*, dengan izin. Ini adalah daripada pandangan luar barangkali 'terminalkasi' pameran ataupun *transfer of information* dengan izin tidak mencukupi bagi pihak awam melihat kembali imej yang ditonjolkan oleh pihak MARDI pada tahun 70'an, tahun 80'an.

Tuan Yang di-Pertua, selepas saya menyentuh perkara-perkara ini maka dengan adanya perubahan kepada akta yang sedia ada ini dan saya ingin menyentuh beberapa perkara dahulu berasaskan kepada fasal-fasal yang tertentu kerana tujuannya saya melihat Tuan Yang di-Pertua, ialah bagi MARDI yang akhirnya menjadi satu syarikat yang mana saya melihat ini yang penghujungnya akan dikorporatkan satu hari nanti.

Kira-kira dua tahun yang lalu satu perubahan daripada akta telah dilakukan untuk membolehkan pihak MARDI memberi caj ataupun mengeluarkan caj kepada bahan-bahan penyelidikan. Antara yang telah berucap pada waktu itu mengatakan bahawa haruslah kita berjaga-jaga dari segi meletakkan caj kepada hasil penyelidikan kecuali hasil penyelidikan betul-betul mempunyai potensi komersial yang tinggi supaya para pengguna hasil penyelidikan MARDI seperti badan-badan biasa dan petani-petani biasa tidak terpaksa membayar yuran kepada hasil penyelidikan badan yang ditaja dan dibiayai oleh kerajaan.

Sekarang nampaknya lebih luas lagi perubahan yang dilakukan untuk membolehkan ia melakukan aktiviti-aktiviti komersial seperti mana di dalam Fasal 8 yang dicadangkan supaya menjalankan apa-apa aktiviti yang berbentuk komersial dan

juga kuasa untuk menganjurkan permerbadanan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965, menubuhkan *subsidiaries* kepada syarikat dan seterusnya.

Barangkali sesuai dengan perubahan di sekelilingnya dari segi tekanan komersial dan keperluan kewangan dan juga faktor globalisasi ini adalah tepat pada masanya. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya berjaga-jaga kerana kalaulah MARDI lari daripada tanggungjawab dan fungsi asal untuk menjalankan tugas penyelidikan dalam sektor pertanian khususnya dalam sektor tanaman. Maka ia bukan lagi MARDI seperti yang dahulu, ia akan menjadi MARDI yang imejnya telah berubah ia akan menjadi MARDI yang melabur dalam sektor-sektor komersial.

Dalam bidang ini pun harus pihak lembaga dan pihak kerajaan berjaga-jaga, sebab tidak banyak agensi kerajaan yang begitu mempunyai *track record* dengan izin yang *success* dalam pelaburan-pelaburan komersial. Maka dalam pendekatan kita ialah hal-hal komersial itu eloklah barangkali diberi terus kepada satu sektor, satu syarikat komersial kerajaan daripada satu syarikat yang dipegang oleh MARDI sebagai anak syarikatnya ataupun sebagai pelaburannya. Kita harus melihat kepada sejarah badan-badan kerajaan yang terlalu lama melakukan langkah seperti ini pada masa-masa yang lampau dan tidak berjaya ataupun kurang berhasil.

Saya melihat Tuan Yang di-Pertua bahawa tujuannya melakukan ini tidak lain tidak bukan untuk menutup keperluan kewangan yang telah menurun dari segi sokongan kerajaan dalam sepuluh tahun ini khususnya. Kita sedia maklum dalam belanjawan, *budget* untuk MARDI telah menurun khususnya bagi sektor-sektor asas. Dan dalam ruang inilah saya sebagai ahli sains (*scientist*) pertanian bagi saya, saya merayu kepada kerajaan supaya harus terus menumpukan kepentingan kepada badan penyelidikan pertanian dan harusnya bukan pula dikurangkan dari segi peruntukan tetapi dipertingkatkan...

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Dia punya bidang ini, bidang senjata, tidak kena-mengena dengan pertanian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hendak minta laluan? Yang Berhormat?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Minta laluan sahaja, pasal di sini saya tertarik sebetulnya saya..., terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan rakan lama Ahli Parlimen Bandau. Sebetulnya saya tidak hendak bangkit tetapi oleh kerana saya amat prihatin tentang para penduduk di luar bandar khususnya tentang penanam-penanam buah-buahan seperti durian. Dan saya dapati bahawa seperti apa Yang Berhormat sebut tadi, wujudnya MARDI ini adalah semata-mata untuk objektif asalnya, untuk penyelidikan.

Tidak tahu setuju atau tidak, boleh atau tidak MARDI ini buat *research*. Kalau kita dapat lihat pada hari ini, *scientist* dalam bentuk membina manusia – *cloning* tetapi pada hari ini saya tidak nampak ada kajian yang begitu mendalam untuk membolehkan agar kelak masa depan yang akan datang, durian yang tanpa bau dan tanpa biji. ...

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya dapati durian ini, satu durian ini yang sekarang ini ....., bukannya jenaka tetapi ada kebenarannya. Di merata-rata tempat bila saya balik ke kampung di Sungai Petani, ini kampung isteri saya, saya nampak durian murah sangat. Kalau musim tidak ada durian, harganya bukan main melambung, lima ringgit tetapi bila musim melambak ia seringggit. Dan saya dapati banyak daripada pekebun-pekebun, petani-petani kita yang mempunyai masalah dia jual murah sahaja kadang-kadang.

Boleh atau tidak MARDI ini macam Yang Berhormat saya setuju, tumpukan tentang pengkajian secara mendalam dan saya dapati rakan-rakan, orang putih pun ada kadang-kadang yang beli senjata, dia pun tanya: "*What type of fruits do you serve?*" dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *Pineapples – pineapples* dari Penampang dia gemar, ia manis tetapi durian dia cakap "*I'm so sorry, I really can't take durians, it is too smelly*", *smellnya* bukan *tastanya*, *the smell*. Setuju atau tidak kalau dapat satu

kajian dapat dibuat lebih mendalam supaya durian di masa akan datang dikeluarkan dari negara kita .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak ada baukah?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tidak ada bau dan tidak ada biji.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak ada bau sekarang memang ada tetapi tidak ada orang makan.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua pun pakar tentang pertanian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Durian tidak ada bau memang banyak!

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Betul, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Semua buang, tidak ada orang hendak makan.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua bahawa kemahiran yang ada di dalam MARDI dan bahkan dalam Jabatan Penyelidikan di negara kita ini berupaya mewujudkan klon-klon durian yang kurang bau, kurang bertanduk (berduri) tetapi kalau tanpa duri, tanpa bau, itu macam bom, bukan lagi durian, bukan lagi durian! *[Dewan gamat dengan ketawa]*

Jadi itu spesialisasi Timbalan Menteri Pertahanan. Saya setuju sebenarnya. Saya rasa apa yang *missing link*, dengan izin, dalam penyelidikan MARDI dan saya bercakap dari isi hati saya ialah *refinement*, dengan izin. Banyak hasil yang telah pun dikeluarkan tetapi seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datok, untuk memilih beberapa yang betul-betul *world class*, dengan izin, itu masalah kita di negara kita ini. Jadi, kalaulah perubahan kepada akta ini dapat mencapai matlamat itu, maka bukan sahaja kita sokong bahkan itu yang kita idam-idamkan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi Fasal 5.....

**Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Seputeh hendak tanya pasal durian juga.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Seputeh berucap kemudian ini.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Bukan, bukan, bukan!

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Pukul 5.30 nanti tutup, baru tamat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Durian, durian, durian. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saudara saya yang menjual durian, dia kata dalam dua, tiga minggu yang lepas, dia hanya jumpa seekor ulat durian sahaja. Jadi ini menunjukkan itu *pesticides* iaitu racun serangga yang dipakai terhadap durian kita ini terlalu banyak sehingga ulat pun tidak dijumpai. Jadi setujukah Yang Berhormat bahawa kerajaan harus memantau para petani yang menanam durian agar mengurangkan racun serangga yang dipakai terhadap durian untuk menyelamatkan nyawa kita supaya umur kita lebih panjang kerana durian sekarang pun tidak selamat.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tidak semestinya saya setuju itu kerana dia terlalu kepada penjagaan pokok durian tersebut. Biasanya pada masa kita pakai racun tersebut, dicadangkan untuk menggunakan racun itu ialah pada masa ia masih kecil lagi kira-kira satu bulan pertama – enam minggu, *first spray* yang dilakukan. Jadi kita tidak *spray* pada masa servis atau tanam durian, saya ada 200 pokok juga, jadi *claim on interest*lah. *[Ketawa]*

Jadi kita tidak menyemburkan racun pada masa ia sudah besar ataupun bila mahu masak tetapi waktu ia masih kecil. Jadi *the effect of it* sudah kena *wash out* dan sebagainya. Jadi sekarang ada sistem *predictor* untuk menjaga serangga-serangga yang lain. Jadi jangan ragulah, kalau tidak ulat di dalam bukan semestinya ia banyak racun kerana racun bagi pokok-pokok buah-buahan seperti durian ini dilakukan lebih

awal daripada ....macam saya, kalau macam saya *last week* satu minggu, ia barangkali sudah letak. Jadi saya harap itu dapat Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Ronald Kiandee:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Beluran bangun.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Cukuplah itu. Nanti biar dia orang berucap sendiri sebab saya ada banyak hujah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Beluran, cukuplah, sila duduk.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Hah, Belurankah? Beluran ada duriankah di sana?

**Tuan Ronald Kiandee:** Ya, pertanian, pertanian. Terima kasih Yang Berhormat bagi Bandau. Saya melihat banyak *research* – penyelidikan yang dibuat oleh MARDI yang membuat *research for the sake of research*. Umpamanya durian kita lihat berapa banyak durian yang kita melihat spesies durian hingga ke DD berapa, D28, D30 dan sebagainya. Begitu juga tanaman buah-buahan untuk rambutan. Tetapi banyak penyelidikan yang dibuat ini semata-mata untuk penyelidikan tanpa mengira nilai komersial yang harus diberi penumpuan oleh MARDI itu sendiri dalam penyelidikan buah-buahan ataupun *other fruits*.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Bandau, apa pandangan beliau tentang perkara ini dan adakah perlu MARDI itu menubuhkan suatu penyelidikan yang memberi hasil komersial yang lebih kepada penanam atau *farmers* di dalam negara kita. Terima kasih.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Beluran. Saya cukup setuju. Seperti mana yang telah kita tekankan sebelum ini bahawa masalahnya ialah bukan tidak cukup kemahiran di peringkat MARDI, cukup luas tetapi barangkali seperti yang kita nyatakan tadi, *focusing* itu tidak cukup jelas ataupun tidak mencukupi. Maka *world class technology*, dengan izin, yang telah dikemukakan itu adalah *missing*.

Walaupun boleh disebut juga tidak kurang daripada barangkali dua dozen teknologi-teknologi pemprosesan dan seterusnya serta klon-klon durian seperti klon asas D24 tetapi selepas itu kalau kita tanya mengenai durian kepada pemakan durian, apa klon yang terbaik, banyak orang tidak tahu. Bahkan orang biasa tidak boleh ingat apa klon yang terbaik tetapi klon D24 ia boleh ingat dan boleh tahu, durian itu adalah baik.

Walaupun perlu bagi pihak kita dan badan penyelidik untuk mempertingkatkan lagi hasil itu, tetapi *what I am saying*, Tuan Yang di-Pertua ialah *those are the missing links, the world class, clear indigenous kind of product that everybody knows, this is a product of MARDI*.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan. Maka dari segi tujuan untuk mengkomersialkan badan ini ataupun aktivitiya ataupun anak syarikatnya, saya melihat daripada Fasal 8, Fasal 9, Fasal 10, Fasal 11, banyak iaitu 14 semuanya berkaitan dengan tanggungjawab ini.

Saya ingin tekankan apa yang saya katakan tadi, bahawa pihak kerajaan dan pihak kementerian harus berjaga-jaga dari segi satu badan yang melintasi tujuan asalnya dari segi satu badan penyelidikan asas dan *applied research*, dengan izin, dan dengan itu masuk ke dalam melangkah ke dalam ruang baru iaitu melibatkan dalam soal mengkomersialisasikan produknya termasuklah mengurus syarikat-syarikat yang berasas kepada tujuan komersial.

Saya di sini melihatkan bahawa ia akan diberi kuasa juga kepada Lembaga untuk menggunakan wang antara lain untuk kebajikan pegawai dan perkhidmatan institut. Jadi nampaknya ini barangkali akan menggantikan peranan kerajaan, saya tidak tahu ataupun menambah kewangan daripada kerajaan yang dianggap tidak mencukupi, walaupun dengan kelulusan Menteri.

Seterusnya ia juga memberi Menteri untuk meluluskan pinjaman wang oleh pihak Lembaga dan selepas itu ia juga memberi kuasa penuh kepada pihak Lembaga

dan kepada pihak Lembaga untuk meletakkan fi-fi tertentu termasuklah fi untuk latihan, ujian, penyiasatan dan seterusnya.

Apa yang ingin saya katakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah harus pihak kerajaan, pihak Lembaga, pihak kementerian, pihak MARDI berjaga-jaga, dengan izin, *because you are transcending areas that you are not good at and my personal opinion*, pandangan saya secara peribadi, Tuan Yang di-Pertua, *is MARDI should, keep doing what it is good at* iaitu menjalankan penyelidikan (*applied research*), dengan izin, dalam bidang-bidang pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin menekankan beberapa faktor perkara yang harus diberi perhatian selain daripada teguran kita untuk berjaga-jaga dan memastikan bahawa kawalan hendaklah dilakukan oleh kerajaan kerana satu badan yang ditubuhkan sebagai badan penyelidik sekarang dengan akta ini membolehkan ia melangkah dalam bidang memasar dan mengurus syarikat-syarikat yang berkaitan dengan pemasaran hasil kajian, latihan dan juga perkhidmatan nasihat melalui subsidiari *companies* yang akan ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, antara hal-hal yang harus diberi perhatian oleh MARDI dari segi tanggungjawab asasnya dalam bidang penyelidikan ialah meneruskan tugasnya sebagai *leader* dalam bidang *applied agricultural research* ini, dengan izin, kerana saya katakan tadi, namanya cukup terkenal dalam bidang tetapi di mana yang masalah, saya melihat Tuan Yang di-Pertua, ialah *the transfer of technology* ataupun pemindahan hasil pertanian itu ke peringkat ladang dan saya percaya ini adalah satu jurang yang luas, walaupun seperti mana pada masa-masa lampau.

Ini adalah tanggungjawab agensi-agensi kerajaan lain, seperti agensi-agensi Jabatan Pertanian dan jabatan-jabatan yang berkaitan, tetapi saya melihat bahawa pada peringkat MARDI sendiri ia boleh memainkan peranan dari segi pengedaran teknologi-teknologi tersebut. Saya berpendapat tidak semestinya ia melalui proses pasaran, ia harus perlu dari segi pengedaran maklumat, dari segi penerbitannya dan juga melalui *web sitenya* dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat bahawa penyelidikan yang berasas kepada produktiviti di peringkat ladang hendaklah diteruskan oleh pihak MARDI dan ia harus tidak lari daripada tanggungjawab asal di dalam bidang ini. Untuk meningkatkan produktiviti, kita perlu membuat penyelidikan dari segi pengeluaran benih-benih yang bermutu, *hybrids* dan juga meningkatkan produktiviti dari segi penyelidikan untuk mengeluarkan *management practice* yang *superior*, dengan izin, meningkatkan produktiviti di peringkat ladang juga memerlukan pengeluaran *first-harvest technology* yang *superior*, dengan izin.

Saya rasa ia tidak harus lari daripada tanggungjawab-tanggungjawab asas di dalam bidang ini, sambil ia terpaksa kerana penurunan peruntukan dan sokongan kewangan daripada kerajaan perlu melibatkan diri dari segi membuat pemasaran dan mengambil keuntungan daripada hasil penyelidikan yang dikemukakan.

Dalam bidang-bidang seperti tanggungjawab meningkatkan produktiviti di peringkat ladang dan berasaskan kepada tanaman-tanaman yang dikaji, saya melihat tidak banyak yang dilakukan dalam beberapa tahun ini, lebih banyak diberi kepada pengeluaran teknologi pemprosesan dan saya bersetuju bahawa ini adalah hal-hal yang penting tetapi tidak haruslah ditinggalkan tanggungjawab asas untuk mencari teknologi baru dan memperbaiki teknologi yang sedia ada dari segi meningkatkan produktiviti perladangan dan hasil-hasil tanaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya pihak MARDI harus terus, tidak lari dari tanggungjawab untuk mencari tanaman-tanaman baru khususnya dalam bidang pemakanan untuk disampaikan kepada pihak petani. Misalnya satu tanaman yang pernah saya tanyakan satu tahun yang dahulu mengenai tanaman '*kenaf*' yang dikatakan mempunyai potensi yang luas sebagai bahan makanan haiwan dan juga jenis-jenis binatang ternakan yang lain, tetapi setakat ini apabila kita tanyakan di dalam Parlimen ini apakah perkembangan yang terkini, mengikut maklumat yang diberikan kepada saya, pihak MARDI *not yet at the stage*, dengan izin, boleh mengatakan bahawa ini mempunyai *commercial viability* dan seterusnya.

Jadi, kita harus lebih proaktif dan lebih agresif dalam bidang-bidang seperti ini di mana kita melihat wang yang banyak berbilion-bilion yang digunakan untuk mengimport bahan makanan, apatah lagi dengan genetik-genetik yang *disordered*,

dengan izin, yang berlaku dengan makanan-makanan yang berasas kepada haiwan maka makanan haiwan yang berasaskan kepada tanaman haruslah diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir dari segi kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak MARDI yang berkaitan dengan pemprosesan makanan, saya melihat bahawa ini haruslah diperluaskan lagi khasnya di kawasan Sabah dan Sarawak di mana walaupun ada cabang MARDI tetapi tidak mencukupi untuk menganjurkan kursus-kursus yang dipohon oleh kawasan ataupun daerah-daerah tertentu, kursus-kursus pemprosesan makanan seperti sebutlah pisang dan buah-buahan yang lain itu kalau kita memohon ia amat lewat ataupun mengatakan tidak ada peruntukan untuk menjalankannya.

Saya memohonlah bagi pihak petani-petani kecil supaya kerajaan memberi tumpuan kepada keperluan-keperluan ini. Saya baru ke Semporna sebulan yang lalu, kawasan Ahli Yang Berhormat dan saya melihat satu papan tanda di ruang hotel mengatakan seminar pemprosesan makanan dan dianjurkan oleh MARDI dan pemimpin-pemimpin masyarakat yang ikut sama saya, eh kenapa di sini sedia ada, tidak ada di Kota Marudu, tidak ada di Papar dan mereka mengatakan sudah lama memohon kursus seperti ini, tetapi tidak mencukupi untuk dibekal. Saya memohon supaya pihak MARDI memberi tumpuan yang lebih spesifik kepada keperluan-keperluan asas seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya menyokong pada dasarnya tujuan dan inti yang dibawa perubahan yang dicadangkan ini yang dipohon tetapi dengan teguran bahawa haruslah berjaga-jaga kerana *I believe*, dengan izin, *MARDI is going to the area that it has not done before* dan syarikat ataupun badan-badan lain tidak mempunyai sejarah sukses yang besar, lebih baik saya rasa tumpuan diberi kepada panggilan utama dan mandat utama melaksanakan kajian penyelidikan dalam bidang pertanian khususnya *applied research*, dengan izin, untuk menambahkan produktiviti dan meningkatkan kualiti mutu hasil pertanian negara Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Rantau Panjang.

**5.24 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama memberi pandangan, buah fikiran di dalam menyokong pindaan Akta MARDI ini.

Saya rasa memang setelah 30 tahun kewujudan MARDI ini, baru di akhir-akhir ini kerajaan merasa betapa perlu MARDI ini diperluaskan bidang kuasa dan sebelum daripada ini saya melihat memang MARDI ini tidak menjadi tumpuan terutama sekali kepada tokoh-tokoh politik, barangkali oleh kerana MARDI ini tidak ada perkara yang boleh diberi kepada tokoh-tokoh politik ataupun orang-orang UMNO kampung, sebab itulah pejabat MARDI pun barangkali sebahagian besar di kalangan pemimpin politik UMNO ini tidak mengetahui di mana duduknya pejabat MARDI ini.

Kalau pejabat dan jabatan-jabatan yang lain kita lihat berebut-berebut Menteri, berebut-berebut Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, pemimpin-pemimpin pihak UMNO, penyokong-penyokong UMNO di kampung-kampung, berebut-berebut mencari siapa pegawai di jabatan tersebut kerana jabatan-jabatan tersebut ada mempunyai peluang untuk memberi sesuatu kepada mereka itu khususnya kepada Jabatan Pertanian.

Saya lihat di akhir-akhir ini, Menteri Pertanian baru pun saya rasa belum lagi melawat atau membuat sesuatu di Jabatan MARDI. Yang dia pergi hanya ke Jabatan Pertanian, Jabatan Pertanian. Kalau di Kelantan tidak silap saya beberapa kali telah pun turun ke Kelantan khususnya Timbalan Menteri itu tapi saya rasa Jabatan MARDI itu tidak dijejakkan kaki sekalipun.

Ini barangkali sesuatu perkara yang perlu diambil perhatianlah dan yang nampak sekali ialah kepada kita, kalau kita lihat MARDI ini, yang sudah menjadi buah mulut kepada rakyat khususnya rakyat di kalangan petani-petani lah berkenaan dengan kedudukan mutu baja padi cap Dacing yang menjadi buah mulut kepada rakyat

mengatakan bahawasanya, khususnya petani-petani mengatakan baja cap Dacing tidak bermutu.

Tetapi MARDI tidak berusaha, cuba buat kajian sikit, ambil satu beg baja yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian, ambil satu beg baja, satu *sample*, kemudian buat kajian. Apakah rakyat menyebut, rakyat mengadu, rakyat mengatakan bahawasanya baja padi yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian, cap Dacing ini tidak bermutu dibandingkan dengan baja yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan khususnya umpamanya lebih bermutu. Itu perlu, ini realiti ini. *[Ketawa]*

Sebab itu kita tengok baja cap Dacing ini bertambun-tambun di bawah rumah orang-orang UMNO. Barangkali dia sendiri pun tahu, orang UMNO faham juga, dia tahu, dia nilai, apabila tanam padi sama dengan orang PAS, baja dekat Kelantan nampak subur, baja cap Dacing yang diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional tidak bermaya, tidak subur, padi tidak subur. Ha, itu patut dibuat kajian. Itu mukadimah baru itu. Mukadimah dan ha, apabila saya meneliti .....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh minta laluan sedikit.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Apa, minta jalan? Bagi, saya bagi dahulu.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, sikit saja. Kalau betul apa kata Yang Berhormat bagi Rantau Panjang itu, saya minta orang PAS serah baliklah subsidi, apa ini, baja yang kata simpan itu, hantar balik, baik kita bagi kepada orang yang hendak guna. Yang saya tahu MARDI tidak bagi, ha. Yang Berhormat yang tidak faham dan tidak tahu ini, yang mengatakan orang UMNO tidak tahu. Serah baliklah kalau ada. Jangan salah guna.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ya, terima kasih. Oh! barangkali, oh Larut tidak tahu langsung berkenaan dengan subsidi baja padi. Memang orang PAS tidak dapat, sebab itu Kerajaan Kelantan memperuntukkan RM2 – RM3 juta untuk membeli baja sendiri bagi kepada rakyat kerana memang orang PAS tidak dapat. Kalau PAS dapat kita tidak membangkitkan kerajaan negeri membelanjakan RM2, RM3 juta setiap tahun.

Saya suruh MARDI menyiasat dan membuat *research*, bukan suruh MARDI bagi, saya tahu MARDI tidak mengeluarkan baja padi ini. Tapi suruh buat kajian sikit sebab rakyat merungut, merata-rata rakyat merungut ini, baja padi yang dikeluarkan Cap Dacing tidak bermutu langsung. Ini jelas *[Ketawa]*. Saya lihat di akhir-akhir inilah, saya rasa memang patut MARDI ini diberi peranan yang lebih sikit dan ditambah supaya *research* yang dibuat oleh MARDI selama ini, diperluas kepada industri makanan dan seterusnya.

Selama ini pun saya melihat banyak agensi kerajaan yang lain tidak mengambil berat, tidak menghargai hasil daripada *research* yang dibuat oleh MARDI ini. Saya tidak tahulah barangkali oleh kerana selama ini diberi secara percuma atau dibayar dengan secara rendah disebabkan perasan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung hari esoklah.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Besok, bolehlah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana ada usul penangguhan jadi saya minta seorang Menteri membawa cadangan.

#### **USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

"Mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang".

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sokongan.

**Setiausaha Parlimen [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, terima kasih.

### UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

#### **Perjalanan Tabung Haji Disemak oleh Firma Akauntan Bertaraf Antarabangsa**

#### **5.30 ptg.**

**Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Pencetus idea penubuhan Tabung Haji, Profesor Diraja Ungku Aziz telah mencadangkan supaya kerajaan melantik firma akauntan yang bertaraf antarabangsa untuk menyemak perjalanan Tabung Haji. Bekas Pengarah atau Pengerusi Tabung Haji...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat perlu, perlu, mengikut teks ucapan yang dikemukakan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, ya, saya akan ikut teks ucapan saya. Bekas Pengerusi Tabung Haji Tan Sri Hanafiah mencadangkan badan siasatan bebas dan khas ditubuhkan untuk menyemak Tabung Haji. Ini semua ialah untuk menilai semula perjalanan dan kelemahan Tabung Haji di antaranya ialah kos mengerjakan haji telah dinaikkan setiap masa bermula bagi musim haji untuk tahun 2002 sebagai contoh, kos haji telah dinaikkan daripada RM5,585 kepada RM9,445.

Sebarang kelemahan Tabung Haji adalah kelemahan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan adalah kelemahan Barisan Nasional. Kenaikan kos haji ini kepada satu kadar yang baru diberikan alasan di atas pertambahan keluasan minimum yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, nampaknya tidak mengikut....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, saya baca perenggan yang keempat daripada teks saya. Alasan utama kenaikan ialah perubahan keluasan minimum bagi tempat tinggal jemaah haji di Tanah Suci. Namun begitu, jika Tabung Haji mengambil langkah tertentu, saya percaya kesan pelaksanaan keluasan minimum itu tidak perlu dialihkan kepada para jemaah. Sehingga ini saya difahamkan bahawa kontrak sewaan tempat penginapan jemaah di Mekah dan Madinah dilakukan oleh Tabung Haji setahun sekali.

Pada tiap-tiap tahun, mereka memperbaharui kontrak ini dan oleh kerana itu kadar sewaan akan sentiasa berubah dari setahun ke setahun. Saya berpendapat, jika Tabung Haji dapat menawarkan kontrak sewaan jangka panjang kepada tuan punya tempat penginapan ini, akan membolehkan kadar yang lebih murah kerana mereka telah mendapat jaminan sewaan untuk satu jangka masa yang tertentu.

Selain itu saya difahamkan kadar sewa akan menjadi lebih tetap dalam tempoh kontrak yang lebih panjang dan ini akan mengurangkan kos. Kos sewaan tempat tinggal di tanah suci buat masa ini merupakan 41% dari keseluruhan kos mengerjakan haji. Sebarang penjimatan kos sewaan melalui satu kontrak jangka panjang dengan diskaun yang tertentu dengan sendirinya akan menurunkan kos haji dan meringankan umat Islam di negara ini.

Selain daripada itu saya difahamkan bagi penerbangan pula, Tabung Haji menyewa pesawat penerbangan tidak bersekali dengan minyaknya. Minyak diperolehi melalui kontrak berasingan dan ini telah menyebabkan kos yang lebih tinggi kerana Tabung Haji menggunakan perkhidmatan pihak ketiga atas sebab-sebab yang tidak dapat kita fahami.

Jika sewaan kapal terbang dilakukan bersekali dengan minyak, saya percaya kosnya dapat dijimatkan kecuali Tabung Haji mempunyai kepakaran pembelian minyak tanpa menggunakan perkhidmatan pihak ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Laporan Tahunan Tabung Haji bagi tahun 1999 dan 2000. Suka saya mendapatkan penjelasan-penjelasan yang berikut:

- (i) jumlah siberhutang Lembaga Tabung Haji ialah RM1.5 bilion pada tahun 1999 dan meningkat kepada RM1.75 bilion bagi tahun 2000. Siapakah siberhutang berkenaan dan untuk apakah ia diperuntukkan. Apakah status hutang berkenaan dan adakah ianya mempunyai cagaran atau jaminan;
- (ii) catatan laporan ini menunjukkan syarikat bersekutu telah menghasilkan kerugian sejumlah RM58 juta. Saya pohon kerajaan menyenaraikan nama-nama syarikat bersekutu dan aktiviti perniagaan mereka yang telah mengalami kerugian dan jumlahnya masing-masing;
- (b) (iii) bagi kewangan 1999, sejumlah RM34 juta telah diperuntukkan bagi beberapa item hapus kira seperti muhibah dihapus kira, pelaburan dalam syarikat bersekutu dihapus kira, perbelanjaan pra-kontrak dihapus kira dan lain-lain *items* hapus kira adalah wajar penjelasan diberikan terhadap sebab-sebab peruntukan ini terpaksa dilakukan.

Adalah jelas dari apa yang saya telah bentangkan tadi menunjukkan kelemahan pengurusan Tabung Haji yang sepatutnya dijaga dengan lebih sempurna dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri harus memberikan contoh ketelusan dalam menjalankan tanggungjawab ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, sila.

5.37 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin]:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa wang perbelanjaan haji bagi musim haji 1423 Hijrah tidak akan dinaikkan. Kenaikan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ialah untuk musim haji yang telah lalu dan segala pertanyaan berkenaan kenaikan isu yang dibangkitkan dalam Dewan ini telah dijawab dan diberi penjelasan seperti mana yang boleh dilihat dalam *Hansard* Parlimen.

Walaupun wang perbelanjaan haji bagi musim haji 1423 Hijrah tidak naik, saya ingin menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan.

Dalam urusan sewaan rumah di Tanah Suci, Tabung Haji terikat kepada peraturan haji Arab Saudi yang tidak membenarkan penyewaan rumah jangka panjang kecuali untuk satu-satu tahun sahaja. Namun begitu, Tabung Haji mempunyai mekanisme tertentu untuk mendapatkan harga rumah yang sesuai atau yang munasabah setiap tahun.

Dasar keluasan minimum tempat tinggal jemaah haji di Tanah Suci dikawal oleh peraturan haji Arab Saudi yang boleh berubah mengikut keperluan semasa. Jika berlaku apa-apa perubahan dasar yang mengakibatkan kos bagi seseorang jemaah meningkat, Tabung Haji akan berusaha sedaya upaya untuk mencari jalan penyelesaian agar elemen kenaikan kos tidak dikenakan langsung kepada jemaah haji.

Walau bagaimanapun, sekiranya didapati tiada apa-apa pilihan, kos sebenar akan terpaksa dikenakan kepada jemaah haji. Dasar ini bersesuaian dengan konsep tiada subsidi secara langsung kepada jemaah haji di dalam perbelanjaan haji dan jemaah haji wajar menanggung keseluruhan perbelanjaan haji sesuai dengan syarat kemampuan yang dituntut di dalam menunaikan haji.

Di samping itu, kenaikan harga tempat tinggal di Tanah Suci, adalah juga bergantung kepada faktor-faktor pasaran yang di luar kawalan Tabung Haji. Begitu juga kemungkinan kenaikan harga tempat tinggal boleh berlaku pada masa hadapan. Oleh kerana Tabung Haji perlu memenuhi cita rasa jemaah haji Malaysia yang mahukan tempat tinggal yang terdiri daripada bangunan baru, lengkap dengan kemudahan-kemudahan tertentu dan hampir kepada masjid, sudah tentu hasrat ini tidak dapat dicapai kecuali dengan kesediaan untuk membayar harga yang lebih.

Berkenaan dengan kontrak minyak, Tabung Haji menafikan dakwaan kononnya ia mempunyai kontrak minyak yang berasingan dengan menggunakan perkhidmatan pihak ketiga. Sebaliknya urusan bekalan minyak adalah termasuk di dalam kontrak yang dibuat dengan syarikat penerbangan dan tidak dibuat berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang dirujuk kepada Tabung Haji bagi tahun 1999, penjelasan adalah seperti berikut:

- (i) Mengikut laporan tahunan Tabung Haji bagi tahun berakhir pada 31 Disember 1999, jumlah siberhutang adalah sebanyak RM1,544 juta. Sejumlah besar siberhutang ini adalah terdiri pinjaman ataupun pembiayaan kepada anak syarikat Tabung Haji berjumlah RM1,410 juta. Status sebagai siberhutang deposit dan pra-bayar berjumlah RM100 juta, manakala sejumlah RM34 juta merupakan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer kepada anggota-anggota Tabung Haji. Sebahagian besar daripada pelbagai siberhutang, deposit dan pembayar yang berjumlah RM100 juta adalah terdiri daripada bayaran terdahulu sebanyak RM24.8 juta. Hutang semasa RM34.2 juta dan tuntutan cukai dividen sebanyak RM30,400,000. Kesemua siberhutang ini adalah dalam keadaan terkawal. Untuk makluman, sehingga 31 Disember 2001, jumlah siberhutang Tabung Haji telah berkurang kepada RM1,100 juta.
- (ii) Laporan dalam syarikat bersekutu bagi tahun 1999, sebenarnya telah mencatatkan keuntungan berjumlah RM57,988,491. Berdasarkan akaun untung rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 1999, dengan itu pelaburan ini jelas telah mencatatkan keuntungan bukan kerugian sebagaimana yang didakwa.
- (iii) Daripada laporan tahunan 1999, perkara yang dihapus kira adalah terdiri daripada muhibah, pelaburan syarikat bersekutu, perbelanjaan pra-kontrak dan lain-lain. Berikut adalah penjelasan kepada perkara-perkara di atas:
  - (a) Muhibah – muhibah yang dihapus kira sebanyak RM15,891,515 adalah di peringkat Akaun Yang Disatukan iaitu akaun kumpulan.

ianya bukanlah hapus kira yang dibuat di Tabung Haji tetapi ianya adalah dihapus kira di peringkat anak-anak syarikat Tabung Haji. Hapus kira terhadap muhibah perlu dibuat di mana ianya selari dengan tatacara perakaunan am yang diamalkan.

- (b) Pelaburan dalam syarikat bersekutu – pelaburan sebanyak RM3,000,600 telah dihapus kira dalam syarikat bersekutu iaitu Ureka Intra Sdn. Bhd. yang telah tiada beroperasi lagi. Syarikat ini terlibat dalam pembuatan alat suntikan kesihatan yang telah mengalami kerugian kerana persaingan yang sengit dan telah mendapat perintah penggulungan oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 2 Julai 1998.
- (c) Perbelanjaan pra-kontrak – perbelanjaan pra-kontrak yang dihapus kira adalah daripada syarikat penyelidikan Lembaga Tabung Haji iaitu The Universal Builders Sdn. Bhd. yang berjumlah RM120,120,000. Perbelanjaan ini terdiri daripada kos untuk mendapatkan kontrak dan ianya dihapus kira sebaik sahaja syarikat mengenal pasti kontrak yang berkenaan tidak berjaya.

Secara keseluruhannya, hanya RM20.1 juta telah diperuntukkan sebagai hapus kira seperti mana yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan 1999 dan bukannya RM34 juta sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

#### **Akujanji Tidak Demokratik dan Tidak Munasabah.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila.

**5.45 ptg.**

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]:**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Arahan mewajibkan semua pensyarah serta mahasiswa di pusat-pusat pengajian tinggi awam bagi menandatangani Akujanji yang dikatakan sebagai bukti taat setia kepada kerajaan adalah amat tidak demokratik dan tidak munasabah. Ini jelas merupakan suatu bentuk ugutan dan merupakan titik hitam kepada pusat-pusat pengajian tinggi awam di negara kita. Apakah implikasi di sebalik Akujanji ini? Apakah ini jelas membuktikan bahawa UMNO dan Barisan Nasional begitu fobia terhadap perkembangan masyarakat yang jelak, yang jelik dengan propaganda murahan memburuk-burukkan pembangkang di media massa.

UMNO dan Barisan Nasional mahu terus memperalatkan demokrasi ala Mahathir, dengan izin, dengan mengekang segala bentuk kritikan yang boleh menggugat UMNO dan Barisan Nasional. UMNO dan Barisan Nasional kini sudah hilang kredibiliti untuk bersaing, dengan izin, *at a level playing field* dalam sistem demokrasi berparlimen dengan mengenakan pelbagai sekatan dan akta semata-mata mahu menyekat pengaruh pembangkang. Apakah ini juga sebagai bukti bahawa

dengan izin, *the raid on academic freedom* oleh Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional telah sampai ke tahap yang kritikal?

Tuan Yang di-Pertua, dengan memasukkan janji taat setia kepada kerajaan adalah amat tidak munasabah. Adakah seorang pensyarah atau mahasiswa yang mengkritik apa-apa dasar atau langkah kerajaan sama ada dari segi pelaksanaan atau merit atau membongkar sesuatu penyelewengan atau salah guna kuasa dianggap sebagai kekurangan kesetiaan kepada kerajaan dan tertakluk kepada tindakan disiplin?

Adakah kita mahu hanya pengampu-pengampu di pusat-pusat ataupun di universiti-universiti awam? Dan adakah kita sedang cuba mewujudkan masyarakat *academia* yang pasif, masyarakat *academia* yang hanya menjadi pak turut seperti apa yang sedang berlaku kepada Menteri Pendidikan sekarang? Nyata UMNO cuba memperalatkan IPTA untuk kepentingan politik sempit mereka!

Tuan Yang di-Pertua, sesetengah pelajar-pelajar bukan sahaja ke bilik-bilik kuliah sekarang ini berbekalkan buku-buku dan nota-nota kuliah, tetapi mereka dibekalkan juga dengan *tape recorder* bagi memantau pensyarah-pensyarah yang dikatakan menentang kerajaan. Pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar pula dipantau dengan sedemikian rupa dan dikenakan pelbagai tindakan sama ada dalam bentuk ugutan ataupun tekanan. Malahan beberapa jawatan penting di kampus telah dipolitikkan secara jijik oleh UMNO dan Barisan Nasional.

Contoh yang terbaik adalah Naib Canselor UiTM, Ibrahim Abu Shah dan Naib Canselor UUM, Fauzi Basri yang kedua-duanya merupakan *hardcore* UMNO dan mereka ini menggunakan kedudukan mereka untuk kepentingan politik jijik serta cuba menjadikan kampus sebagai medan UMNO.

UMNO dan sayapnya seperti briged Pemuda dan Puteri UMNO telah dibenarkan menjalankan aktiviti secara berleluasa dan bebas di pusat-pusat pengajian tinggi awam tanpa sebarang sekatan. Malahan Akujanji ini jelas bertentangan dengan Artikel 10, Perlembagaan Malaysia yang memberi jaminan kebebasan bersuara dan ini memusnahkan kebebasan akademik di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kini kampus-kampus di negara kita seolah-olah sedang menuju ke arah "UMNOization" yang boleh menghancurkan integriti pendidikan di negara kita. Saya ingin mencadangkan Dewan ini mengambil ketetapan agar, yang pertamanya, kerajaan membatalkan terus Akujanji yang dipaksa yang dikenakan di pusat-pusat pengajian tinggi awam di seluruh negara kita.

Yang kedua, mengembalikan hak autonomi serta kebebasan akademik di seluruh pusat-pusat pengajian tinggi awam di negara kita. Dan ketiga, memberi ruang kepada pengembangan, dengan izin, *intellectual freedom* di kalangan warga kampus agar mereka tidak akan dicabul oleh kepentingan politik jijik dan sempit UMNO dan Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**5.49 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, Akujanji yang ditandatangani oleh pelajar IPTA adalah suatu dokumen yang mengandungi peruntukan-peruntukan yang dipetik sepenuhnya daripada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Kaedah-kaedah Tata tertib Pelajar yang terpakai kepada setiap pelajar di IPTA masing-masing. Ingin saya tegaskan Akujanji tersebut tidak mengandungi apa-apa peruntukan yang melebihi atau berbeza daripada apa yang sedia terkandung dalam AUKU dan Kaedah-kaedah Tata tertib Pelajar. Jika diteliti dengan mendalam, Akujanji tersebut tidak mengandungi apa-apa peruntukan yang menghendaki pelajar taat setia kepada kerajaan atau menghalang dari - dengan izin - *exercising critical thinking and academic freedom*.

Berdasarkan penelitian yang dibuat oleh kementerian ke atas rekod kes-kes tata tertib di IPTA, adalah didapati ramai pelajar yang tidak mengetahui mengenai adanya peraturan-peraturan berhubung dengan tata tertib pelajar yang terpakai ke atas mereka sebagai mahasiswa IPTA.

Ini menyebabkan mahasiswa tidak mengambil endah mengenai tanggungjawab serta kedudukan mereka sebagai pelajar sekiranya mereka melakukan apa-apa salah laku tatatertib. Sebagai langkah untuk menyedarkan mereka mengenai perkara ini, maka Akujanji telah diperkenalkan di mana adalah didapati bahawa kesedaran mahasiswa mengenai tanggungjawab serta kedudukan mereka sebagai seorang pelajar telah meningkat.

Aktiviti yang berbaur politik partisan dan dibiayai oleh mana-mana parti politik adalah dilarang sama sekali di semua institusi pendidikan sama ada pendidikan rendah, menengah atau tinggi. Ini diperuntukkan di dalam kesemua peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah tatatertib pelajar. Perlu diingatkan juga, tanggungjawab utama seseorang pelajar adalah untuk menimba ilmu dan memperkembangkan pemikiran dan memupuk peribadi. Kerajaan mahu generasi akan datang mempunyai ilmu, kecekalan dan keupayaan untuk membuat pertimbangan sendiri dalam semua aspek.

Parti-parti politik mempunyai tujuan dan agenda mereka tersendiri dan pada kebiasaannya berasaskan kepada sokongan yang tidak berbelah bagi kepada individu-individu tertentu. Pelajar yang masih berada, dengan izin, *at an impressionable age* adalah mudah terpengaruh dan justeru itu, membenarkan aktiviti-aktiviti berbaur politik di institusi pendidikan dirasakan tidak akan mendatangkan faedah kepada pelajar dan berisiko tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Akujanji yang ditandatangani oleh pensyarah IPTA pula, kandungannya adalah sama seperti yang ditandatangani oleh pegawai-pegawai badan berkanun yang lain. Kandungan yang dipetik sepenuhnya daripada Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 yang terpakai kepada semua pegawai badan berkanun. Kerajaan sedia maklum bahawa kedudukan IPTA sebagai sebuah pusat pendidikan memerlukan suasana di mana penghuninya bebas untuk membuat kajian dan penelitian ke atas apa-apa isu pendidikan termasuklah isu-isu negara atas nama kebebasan akademik. Kerajaan juga mengambil maklum bahawa bagi memperkembangkan pemikiran dan minda rakyat, mereka perlu membuat pertimbangan sendiri.

Kebebasan akademik, sebagaimana kebebasan-kebebasan lain yang menjadi hak asasi manusia bukanlah suatu hak mutlak. Walaupun rakyat diberi kebebasan bersuara, undang-undang (Perkara 10 ceraihan (2)(a) Perlembagaan Persekutuan) membenarkan beberapa, dengan izin, *restrictions* dikenakan ke atas kebebasan tersebut, antara lain bagi memastikan ia tidak disalahgunakan sehingga menyebabkan ketenteraman negara terancam dan melindungi daripada berlakunya fitnah tanpa kawalan dan keadaan yang boleh mencetuskan huru-hara dan pelanggaran undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan, perkembangan minda dan pendidikan melalui pemikiran kritikal adalah tidak terhalang - saya ulangi, tidak terhalang - dengan adanya Akujanji. Ianya hanya akan menjadi syak sekiranya dikelirukan dengan perkembangan pendapat serta pegangan politik khususnya daripada pihak parti pembangkang.

Sekiranya dewan-dewan kuliah dijadikan medan untuk memperkembangkan pandangan politik persendirian tanpa mengira parti politik yang disokong maka ia mungkin bukan lagi satu perkembangan minda yang sihat. Pelajar perlu dididik supaya berupaya untuk berfikir dengan sendiri dan dengan izin, *to have an open mind* dan justeru itu pemikiran mereka perlu terbuka dan tidak terus-menerus dikongkong dengan pandangan parti politik partisan. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah habiskah Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Belum lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila. Teruskan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ini apa ni, gangguan lagi ini. Dengarlah. Tadi kita tidak ganggu. *[Disampuk]* Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bukan bertujuan menyekat atau mengongkong sesiapa.

Hasrat kita ialah menentukan institusi-institusi pendidikan kita mencapai taraf, dengan izin, 'excellent' dengan suasana pengajaran dan pembelajaran....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ini Seputeh, apa ni. Dia *interruption*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apabila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berucap jangan ganggulah. *[Disampuk]* Jangan ganggulah. Teruskan Yang Berhormat. *[Disampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** .....dan, penyelidikan yang sesuai serta menggalakkan tanpa gangguan. *[Ketawa]* Kerajaan ini yang dipilih oleh rakyat tetap bersikap bertanggungjawab dan berdemokratik. Bahawa dalam Dewan yang mulia ini terdapat Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti pembangkang bersuara dengan lantang adalah bukti negara ini demokratik. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak fobia dengan sesiapa. *[Disampuk]* Di sebaliknya pembangkanglah yang fobia melihat dan merasa takut kepada bayang-bayang seperti Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu yang sentiasa bersikap negatif dan prasangka. Pihak pembangkang membangkitkan isu ini semata-mata, dengan izin, untuk *political mileage*. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan yang diberikan, Kementerian Pendidikan menolak seratus peratus dakwaan yang tidak berasas yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Selesailah ucapan-ucapan penangguhan. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi hari esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.58 petang.***